



DOA-DOA MA'THUR DARI Sunnah

**Terbitan
Jabatan Mufti Negeri Perlis**

Cetakan Kedua 2016

© 2016, Jabatan Mufti Negeri Perlis

Cetakan Kedua 2016

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini di dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau selainnya sebelum mendapat izin bertulis daripada SS Mufti, Jabatan Mufti Negeri Perlis.

ISBN 978-967-13496-5-6

Atur Huruf & Reka Letak oleh:

AMIRNIAGA DESIGN STUDIO

(milik penuh Amirniaga Enterprise),

343-A, Kompleks Amirniaga,

Jalan Sekolah Malau Off Jalan Bukit Wang,

06000 Jitra, Kedah.

Tel: 019-417 3515, Fax: 04-917 3491

Emel: amirniaga@yahoo.com

Diterbitkan oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS,

Tingkat 1, Blok 'A',

Bangunan Dato' Mahmud Mat,

01000 Kangar Perlis.

Tel: 04-979 4428, Fax: 04-976 3844



DOA-DOA MA'THUR DARI Sunnah

Mohamad Abdul Kadir bin Sahak

KANDUNGAN

• Kata-Kata Aluan Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perlis	vi
• Pendahuluan	vii
• Kepentingan Doa	1
• Tatacara Berdoa	10
• Zikir Pagi Dan Petang	27
• Kelebihan Dan Keberkatan Waktu Pagi	36
• Zikir Sebelum Tidur	39
• Zikir Bangun Tidur	48
• Doa Ketika Bangun Terkejut Atau Ketakutan Ketika Tidur	49
• Zikir Ketika Melihat Sesuatu Yang Baik Atau Buruk Di Dalam Tidur	50
• Zikir Keluar Rumah	52
• Zikir Masuk Rumah	53
• Adab Dan Zikir-Zikir Memasuki Tandas	55
• Doa Wudhu'	58
• Zikir Menuju Ke Masjid	60
• Ucapan Ketika Mendengar Azan	63
• Doa Al-Iftitah Di Dalam Solat	69
• Zikir-Zikir Rukuk, I'tidal, Sujud Dan Duduk Antara Dua Sujud	74
• Zikir Dan Doa Lain Yang Berkaitan Dengan Solat	79
• Zikir Al-Tasyahhud	81
• Doa Sebelum Salam	84
• Zikir-Zikir Selepas Salam	89
• Doa Qunut Di Dalam Solat Witir	93
• Doa Istikharah	94
• Zikir Ketika Berada Dalam Kesukaran Dan Kesedihan	96
• Doa Ketika Ditimpa Kesusahan, Kebimbangan Dan Kesedihan	98
• Bacaan Ketika Bertemu Musuh	99
• Bacaan Ketika Ditimpa Musibah	101
• Bacaan Ketika Dibebani Hutang	103
• Zikir-Zikir Menjauhkan Syaitan	104

• Bacaan Jampian Untuk Orang Sakit	107
• Berlindung Dari Sihir, Penyakit 'Ain Dan Hasad	111
• Bacaan Kepada Orang Sakit	117
• Bacaan Ketika Berada Di Sisi Orang Nazak	121
• Bacaan-Bacaan Di Dalam Solat Jenazah	126
• Bacaan Ketika Dan Selepas Kebumikan Mayat	128
• Doa Minta Hujan (Al-Istisqa')	132
• Bacaan Ketika Hujan Turun	137
• Doa Ketika Melihat Anak Bulan	139
• Doa Pada Malam Al-Qadr	140
• Bacaan Menaiki Kenderaan Dan Bermusafir	141
• Bacaan Ketika Singgah Di Sesuatu Tempat Atau Tempat Yang Dituju Telah Kelihatan	145
• Doa Makan Dan Minum	147
• Berkaitan Lafaz Salam	152
• Bacaan Ketika Bersin Dan Menguap	155
• Bacaan Sempena Perkahwinan	159
• Ucapan Tahniah Kepada Pengantin	160
• Doa Suami Kepada Isteri Pada Malam Perkahwinan	161
• Bacaan Jika Hendak Bersama	162
• Doa Perlindungan Untuk Anak-Anak	163
• Bacaan Ketika Marah	164
• Doa-Doa Yang Berbagai	165
• Kaffarah Majlis	169
• Penutup	171

KATA-KATA ALUAN SAHIBUS SAMAHAH MUFTI KERAJAAN NEGERI PERLIS

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله، وبعد....

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah SWT dan berterima kasih kepada Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Perlis kerana dengan izin-Nya berjaya menyediakan bahan dan menghasilkan maklumat bagi risalah **"DOA-DOA MA'THUR DARI SUNNAH"** ini.

Semoga risalah ringkas ini boleh menjadi panduan bagi amalan-amalan sunnah dan keislaman yang sahih daripada Al-Quran dan Al-Sunnah untuk diikuti oleh masyarakat Islam di negeri Perlis.

vi

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh penyumbang tenaga dan buah fikiran dalam penyediaan risalah Doa-doa Ma'thur dari Sunnah ini. Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Bahagian Fatwa selaku urus setia dan akhirnya setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penerbitan risalah ini.

Akhir kata, saya mendoakan semoga risalah Doa-doa Ma'thur dari Sunnah ini dapat menjadi wadah yang penting kepada masyarakat Islam seluruhnya agar menjalani kehidupan berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Sekian, wassalam.

وصلى الله على محمد وعلى آله وصحبه وسلم. والحمد لله رب العالمين

Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Arif Perkasa
Dr. Mohd Asri Bin Zainul Abidin
Mufti Kerajaan Negeri Perlis

PENDAHULUAN

Buku ini mengandungi beberapa doa dan zikir harian seseorang muslim yang bersumberkan hadis-hadis yang sahih dari Nabi SAW. Buku-buku doa dan zikir yang ada di pasaran, kebanyakannya hanya memuatkan teks doa dan zikir tanpa memasukkan lafaz hadis keseluruhannya. Saya berusaha untuk memasukkan hadis-hadis doa secara lengkap agar para pembaca dapat menghayati dan memahami gambaran sebenar sesuatu doa. Saya usahakan juga membuat huraian dan penerangan kepada maksud di sebalik lafaz-lafaz doa dan zikir. Harapannya agar setiap pembaca dapat menjiwai, memerhatikan isi kandungannya dan merenung mutiara-mutiaranya. Sudah tentu pengamalan doa dan zikir dengan disertai pemerhatian dan kefahaman yang benar sebegini lebih dapat meruntun jiwa untuk terus khusyuk kepada Allah SWT, juga berupaya memberi khasiat dan membuahkan natijah yang sepatutnya di dalam hidup seseorang hamba. Seterusnya menjadikan kita seorang hamba yang sebenarnya kepada Allah SWT.

vii

Doa memiliki kedudukan yang tinggi, ia menzahirkan sifat kehambaan, kehinaan dan rendah diri juga harapan dari seorang hamba kepada Tuhannya yang menciptanya dan mentadbir segala urusannya. Seseorang yang berdoa, sebenarnya dia sedang menguatkan ruh dan mengubati jiwanya dalam menghadapi kehidupan yang mencabar. Seorang yang berdoa tidak akan ditimpa keresahan dan putus asa, kerana dia telah menyerahkan dirinya, semua urusan hidup dan kesudahannya kepada Allah SWT yang pasti mendengar rintihan dan aduan hambaNya. Bukankah Allah SWT berfirman:

لَا تَأْخُذْهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ

Maksudnya: “(Allah) tidak mengantuk dan tidak tidur.” Justeru Dia tidak pernah terlalai dari mendengar setiap permohonan hambaNya. Dia juga berfirman:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

Maksudnya: “Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentangKu, Maka (jawablah), bahawasanya Aku adalah dekat. Aku memperkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku...” (al-Baqarah:186)

Seseorang yang berdoa... dia sadar akan dirinya yang serba kekurangan dan lemah, justeru dia berdoa kepada Tuhan Yang Maha Pemurah, yang sentiasa mengasihinya dan sentiasa mendengar apa yang dia pinta.

Di dalam hadis Nabi SAW bersabda:

إِنَّ رَبَّكُمْ حَيٌّ كَرِيمٌ، يَسْتَحْيِي مَنْ عَبْدُهُ أَنْ يَرْفَعَ إِلَيْهِ، فَيُرْذَلُ صَفْرًا

viii

Maksudnya: “Sesungguhnya Tuhanmu, adalah Maha Pemalu dan Maha Mulia, Dia malu dengan hambaNya yang mengangkat kedua-dua tangan (berdoa) kepadaNya, kemudian menjatuhkan tangannya dalam keadaan tiada memperoleh sesuatu.” (HR Ibn Hibban di dalam sahihnya)

Untuk itu sepatutnya setiap muslim tidak mengabaikan doa di dalam hidupnya, sama ada ketika bergembira mahupun bersedih, ketika senang mahupun susah. Perhatikan kepentingan dan besarnya kedudukan doa, baginda Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِن الدَّعَاءَ هُوَ الْعِبَادَةُ

Maksudnya: “Bahawa doa itu adalah ibadah.” (HR Abu Daud dan Al-Tirmizi, hadis dari al-Nukman bin Basyir. Kata al-Tirmizi: Hadis Hasan Sahih)

Doa terhitung sebagai ibadah kerana ia menzahirkan kehinaan dan penyerahan diri kepada Allah SWT. Inilah tujuan pensyariatan ibadah di dalam Islam. Kata al- Hasan al-Basri:

تفقدوا الحلاوة في ثلاث: الصلاة والقرآن والدعاء، فإن وجدتموها فاحفظوا واحمدوا الله على ذلك، وإن لم تجدوها فاعلموا أن أبواب الخير عليكم مغلقة

Maksudnya: Carilah kemanisan dalam tiga perkara: Ketika menunaikan solat, ketika membaca al-Quran dan berdoa. Jika kamu memperolehinya, maka peliharalah ia dan bertahmidlah kepada Allah atas pengurniaan tersebut. Jika kamu tidak memperolehinya, maka ketahuilah bahawa pintu-pintu kebaikan telah tertutup buatmu.” (Dikeluarkan oleh Abu Nu’aim di dalam Al-Hilyah dan al- Baihaqi di dalam Syu’ab al-Iman)

Mohamad Abdul Kadir bin Sahak
Kangar, Perlis
2 Januari 2013
<http://bin-sahak.blogspot.com>

KEPENTINGAN DOA

Doa memiliki kepentingan, hasil dan rahsia yang amat besar, antaranya:

1. Satu bukti ketaatan kepada Allah SWT dan kepatuhan kepada arahanNya.

Allah SWT berfirman:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina.” (Ghafir: 60)

FirmanNya lagi:

وَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ

Maksudnya: “Dan berdoalah kepada Allah dengan penuh ikhlas dan kepadaNya semata-mata; (kerana) sebagaimana Dia telah menjadikan kamu pada mulanya, (demikian pula) kamu akan kembali (kepadaNya).” (al-A’raaf: 29)

2. Bebas dari Takabbur. Allah SWT berfirman:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي
سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina.” (Ghafir: 60)

3. **Doa adalah ibadah.** Antara dalilnya adalah ayat dan penerangan sebelum ini. Selain itu hadis daripada al-Nukman bin Basyir RA, baginda SAW bersabda:

الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ

Maksudnya: “Doa itu adalah ibadah.” (HR al-Tirmizi, dan katanya: Hasan Sahih. Diriwayatkan juga oleh Abu Daud dan Ibn Majah. Dinilai sahih juga oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami*)

4. **Doa suatu perkara yang paling mulia di sisi Allah.** Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

لَيْسَ شَيْءٌ أَكْرَمُ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مِنَ الدُّعَاءِ

Maksudnya: “Tiada sesuatu yang lebih mulia di sisi Allah berbanding Doa.” (HR Ahmad, al-Bukhari di dalam *al-Adab al-Mufrad*, Ibn Majah dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Hakim di dalam *al-Mustadrak* dan dipersetujui oleh al-Zahabi. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Adab al-Mufrad*)

5. **Doa adalah suatu yang disukai oleh Allah SWT.** Daripada Ibn Mas’ud RA secara marfu’:

سَلُّوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ؛ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ أَنْ يُسْأَلَ

Maksudnya: “Mintalah kepada Allah dengan kelebihanNya, kerana sesungguhnya Allah menyukai apabila Dia diminta.” (HR al-Tirmizi, dan beliau menilainya sebagai hadis lemah. Lihat juga *al-Silsilah al-Doiefah*)

6. **Doa dapat terhindar dari kemurkaan Allah.** Nabi SAW bersabda:

مَنْ لَمْ يَسْأَلِ اللَّهَ يَغْضَبْ عَلَيْهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang tidak berdoa kepada Allah, Allah akan murka kepadanya.” (HR Ahmad, al-Tirmizi dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Hakim dan dipersetujui oleh al-Zahabi. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Adab al-Mufrad*), benarlah pujangga Arab yang menyebut:

لَا تَسْأَلَنَّ بَنِي آدَمَ حَاجَةً *** وَاسَلِ الَّذِي أَبْوَابُهُ لَا تَحْجُبُ
اللَّهُ تَغْضَبُ إِنْ تَرَكْتَ سُؤَالَه *** وَبَنِي آدَمَ حِينَ يُسْأَلُ يَغْضَبُ

3

“Jangan sekali-kali kamu meminta dari anak Adam sesuatu keperluan, Mintalah kepada (Tuhan) yang pintuNya tidak pernah tertutup, Sesungguhnya, Allah murka jika kamu tidak meminta kepadaNya, Sedangkan anak Adam, apabila diminta kepadanya, dia akan marah.”

7. **Doa merupakan bukti tawakkal kepada Allah SWT.** Hakikat tawakkal ialah penyandaran jantung hati hanya kepada Allah SWT, disamping menempuh sebab. Ia dapat dizahirkan melalui doa. Hal ini sedemikian kerana seseorang yang berdoa sedang memohon pertolongan daripada Allah, menyerahkan semua urusannya kepada Allah bukan selainNya.
8. **Doa dapat menjadikan seseorang memiliki harga diri yang tinggi.** Seseorang yang berdoa kepada Allah SWT, bermakna dia telah bergantung harap kepada sesuatu yang amat kukuh dalam urusannya.

Dia tidak lagi mengharapkan bantuan manusia. Oleh yang demikian dia selamat dari kejahatan manusia. Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah RH berkata: *"Setiap kali bertambah kuat rasa keperluan seseorang hamba kepada kelebihan dan rahmat Allah untuk memenuhi keperluan dan menolak kemudharatan, semakin kuat juga ubudiyyahnya kepada Allah SWT, dan dia bebas dari bergantung harap selain Allah..."* (Al-Ubudiyyah oleh Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah RH)

9. **Orang yang berdoa terhindar dari kelemahan.** Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ أَعْجَزَ النَّاسِ مَنْ عَجَزَ بِالدُّعَاءِ ، وَإِنَّ أَبْخَلَ النَّاسِ مَنْ بَخَلَ بِالسَّلَامِ

Maksudnya: *"Sesungguhnya manusia yang paling lemah ialah sesiapa yang lemah dengan doa, dan manusia yang paling bakhil ialah sesiapa yang bakhil dari mengucapkan salam."* (HR Ibn Hibban. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

10. **Mendapat jaminan keberhasilan dari Allah SWT.** Seseorang yang berdoa dengan memenuhi syarat-syarat dimakbulkan doa, akan memperolehi kebaikan dan habuan dari doanya. Daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ أَحَدٍ يَدْعُو بِدُعَاءٍ إِلَّا آتَاهُ اللَّهُ مَا سَأَلَ ، أَوْ كَفَّ عَنْهُ مِنَ الشُّؤْمِ مِثْلَهُ مَا لَمْ تَدْعُ بِإِثْمٍ أَوْ قَطِيعَةٍ رَجِمَ

Maksudnya: *"Tiada seorang hamba yang memohon dengan sesuatu doa, melainkan Allah akan mengurniakan apa yang dipohonnya, atau menyelamatkannya dari sesuatu keburukan yang setimpal dengan permohonannya selagi dia tidak memohon untuk melakukan dosa atau memutuskan silaturrahim."* (HR Ahmad dan al-Tirmizi. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

Daripada Abi Sa'id al-Khudriy RA, Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَدْعُو بِدَعْوَةٍ لَيْسَ فِيهَا إِيْثْمٌ وَلَا قَطِيعَةٌ رَّحِمَ، إِلَّا أَعْطَاهُ اللَّهُ مِنْهَا إِحْدَى ثَلَاثٍ إِمَّا أَنْ تُعْجَلَ لَهُ دَعْوَتُهُ، وَإِمَّا أَنْ يَدْخِرَهَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ، وَإِمَّا أَنْ يَصْرِفَ عَنْهُ مِنَ السُّوءِ مِثْلَهَا، قَالُوا: إِذَا نَكَّرَ؟، قَالَ: اللَّهُ أَكْثَرُ

Maksudnya: "Tiada seseorang muslim yang berdoa, tiada di dalam doanya permohonan dosa atau memutuskan silaturrahim, melainkan Allah SWT akan memakbulkannya melalui salah satu dari tiga cara: samaada disegerakan memperolehi permintaannya, atau samaada disimpan perkenan doanya untuk dikurniakan pada hari kiamat kelak, atau sama ada dipalingkan darinya keburukan yang setimpal dengan permintaannya. Para sahabat berkata: Jika demikian, kami akan perbanyakkan doa." Jawab Nabi SAW "Allah lebih banyak akan memakbulkan doa." (HR al-Bukhari di dalam *al-Adab al-Mufrad*. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Adab al-Mufrad*)

5

Abu Hurairah meriwayatkan, Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَنْصُبُ وَجْهَهُ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَسْأَلُهُ مَسْأَلَةً إِلَّا أَعْطَاهُ إِيَّاهَا، إِمَّا عَجَلَهَا فِي الدُّنْيَا، وَإِمَّا ذَخَرَهَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مَا لَمْ يَعْجَلْ، قَالَ: يَارَسُولَ اللَّهِ، وَمَا عَجَلْتُهُ؟ قَالَ: قَدْ دَعَوْتُ وَدَعَوْتُ فَلَا أَرَاهُ يُسْتَجَابُ لِي

Maksudnya: "Tiada seseorang muslim yang mengangkat mukanya menghadap Allah AWJ, kerana memohon sesuatu permohonan, melainkan Allah akan memakbulkan permohonannya itu. Sama ada disegerakan pemberiannya ketika di dunia, atau sama ada disimpan untuk diberi kepadanya pada hari kiamat selagi dia tidak gopoh." Para sahabat bertanya: "Bagaimana yang dikatakan gopoh?" Baginda bersabda: "Iaitulah apabila seseorang berkata, aku telah berdoa, dan terus berdoa,

namun aku tidak dapati permohonan itu diperkenankan untukku.” (HR Ahmad dan al-Bukhari di dalam al-Adab al-Mufrad. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Adab al-Mufrad)

Kata al-Imam al-Syaukani RH: *“Semua hadis-hadis yang lalu menunjukkan doa seseorang muslim tidak akan diabaikan, sebaliknya akan diperkenankan permohonannya, samaada dengan disegerakan atau dilewatkan, sebagai satu kelebihan dari Allah SWT.” (Lihat Tuhfah al-Zakirin oleh al-Syaukani)*

- 11. Doa dapat menolak sesuatu bala’ sebelum ia berlaku. Nabi SAW bersabda:**

لَا يَرُدُّ الْقَدَرَ إِلَّا الدُّعَاءُ

6

Maksudnya: *“Tidak dapat menolak al-Qadar, melainkan doa.” (HR Ahmad, Ibn Majah dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami’)*

Kata al-Imam al-Syaukani tentang hadis ini: *“Darinya terdapat petunjuk bahawa Allah SWT menolak dengan sebab doa apa-apa ketetapanNya ke atas seseorang hamba. Tentang perkara ini terdapat banyak hadis.” Seterusnya beliau juga menyebut: “Kesimpulannya, bahawa doa juga termasuk di dalam Qadar (ketentuan) Allah AWJ, kadang-kala terlaksana ke atas seseorang hamba sesuatu ketentuan yang muqayyad jika hamba tadi tidak berdoa (untuk dielakkan), apabila dia berdoa, maka ia bebas dari ketentuan tersebut.” (Lihat Tuhfah al-Zakirin hal: 29-30)*

12. Doa dapat mengangkat bala' setelah ia berlaku. Nabi SAW bersabda:

مَنْ فُتِحَ لَهُ مِنْكُمْ بَابُ الدُّعَاءِ، فَتَحَتْ لَهُ أَبْوَابُ الرَّحْمَةِ، وَمَا سُئِلَ اللَّهُ شَيْئًا يُعْطَى أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ أَنْ يُسَالَ الْعَافِيَةُ إِنَّ الدُّعَاءَ يَنْفَعُ مِمَّا نَزَلَ وَمِمَّا لَمْ يَنْزَلْ، فَعَلَيْكُمْ عِبَادَ اللَّهِ بِالدُّعَاءِ

Maksudnya: "Sesiapa dikalangan kamu yang dibuka untuknya pintu doa, bermakna telah dibuka untuknya pintu-pintu rahmat. Tiadalah dipohon kepada Allah sesuatu perkara yang diperkenankan yang lebih disukaiNya berbanding dipohon 'afiah, sesungguhnya doa bermanfaat ke atas perkara yang telah berlaku dan yang belum berlaku, oleh yang demikian wahai hamba Allah sekalian, berdoalah." (HR al-Tirmizi, beliau menyebut: "Ganjil (gharib), Tidak kami ketahui hadis ini melainkan dari hadis 'Abdul Rahman bin Abi Bakr al- Qurasyi. Beliau seorang yang lemah di dalam hadis. Sebahagian ulama melemahkannya kerana hafalannya (yang bermasalah)." Al-Albani pula menilai hadis ini sebagai Hasan di dalam Sahih al-Jami')

7

13. Doa melahirkan rasa belas kasihan sesama muslim. Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ عَبْدٍ مُسْلِمٍ يَدْعُو لِأَخِيهِ بِظَهْرِ الْغَيْبِ إِلَّا قَالَ الْمَلَكُ وَلَكَ بِمِثْلٍ

Maksudnya: "Tiada seseorang muslim yang mendoakan saudaranya di luar pengetahuannya saudaranya itu, melainkan malaikat berdoa pula untuknya: Dan untukmu juga perkara yang seumpama dengannya." (HR Muslim)

14. Sifat hamba-hamba yang bertakwa. Allah SWT berfirman:

إِنَّهُمْ كَانُوا يُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا وَكَانُوا لَنَا خَشِيعِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada kami.” (al-Anbiyaa’: 90)

15. Doa merupakan sebab diturunkan bantuan dan keteguhan ketika menghadapi musuh. Allah SWT berfirman tentang Tolut dan para tenteranya ketika memerangi Jalut dan tenteranya:

وَلَمَّا بَرَزُوا لِجَالُوتَ وَجُنُودِهِ قَالُوا رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا
وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

8

Maksudnya: “Dan apabila mereka (yang beriman itu) keluar menentang Jalut dan tenteranya, mereka berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran kepada kami, dan teguhkanlah pendirian Kami serta menangkanlah kami terhadap kaum yang kafir” (al-Baqarah: 250)

Maka hasilnya, firman Allah SWT:

فَهَزَمُوهُمْ بِإِذْنِ اللَّهِ وَقَتَلَ دَاوُدُ جَالُوتَ

Maksudnya: “Oleh sebab itu, mereka dapat mengalahkan tentera Jalut dengan izin Allah, dan Nabi Daud (yang turut serta dalam tentera Talut) membunuh Jalut.” (al-Baqarah: 251)

16. **Doa merupakan bukti keimanan kepada Allah SWT dan pengakuan terhadap Rububiyyah, Uluhiyyah dan al-Asma' wa al-Sifat.** Hal ini kerana seseorang yang berdoa kepada Allah SWT bermakna dia beriman bahawa Allah SWT adalah Tuhan Yang Maha Kaya, Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha Pemurah, Maha Pengasih, Maha Berkuasa, satu-satunya Tuhan yang berhak disembah berbanding yang lain.

TATACARA BERDOA

Terdapat beberapa tatacara yang perlu diberi perhatian ketika berdoa. Ia merangkumi keadaan jasmani, ungkapan pembukaan dan penutup. Sebahagian perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:

1. **Memuji, Memuja Allah SWT dan berselawat kepada Nabi SAW sebelum membuat permohonan.** Daripada Fudhalah bin 'Ubaid RA, katanya:

بَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَاعِدًا إِذْ دَخَلَ رَجُلٌ فَصَلَّى ، فَقَالَ:
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " عَجَلْتَ
أَيُّهَا الْمُصَلِّي ، إِذَا صَلَّيْتَ فَقَعَدْتَ فَاحْمَدِ اللَّهَ بِمَا هُوَ أَهْلُهُ ، وَصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ
ادْعُهُ " ، قَالَ : ثُمَّ صَلَّى رَجُلٌ آخَرُ بَعْدَ ذَلِكَ ، فَحَمِدَ اللَّهَ وَصَلَّى عَلَى النَّبِيِّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَيُّهَا الْمُصَلِّي ادْعُ
تُجَبْ "

Maksudnya: "Suatu hari ketika Rasulullah SAW sedang duduk (di dalam masjid), tiba-tiba salah seorang lelaki masuk dan menunaikan solat. Kemudian dia berdoa dengan menyebut: "Ya Allah ampunkan daku, Ya Allah rahmatilah daku." Sabda Nabi SAW: "Engkau gopoh wahai orang yang berdoa. (sepatutnya) apabila engkau telah menunaikan solat dan duduk, maka bertahmidlah (pujilah) Allah dengan apa-apa yang layak untukNya, kemudian berselawat ke atasku, setelah itu barulah berdoa." Tidak lama selepas itu masuk pula seorang lelaki lain dan menunaikan solat, setelah itu dia bertahmid kepada Allah dan berselawat ke atas Nabi. Lalu baginda bersabda kepada orang tersebut: "Wahai orang yang telah menunaikan solat, berdoaalah permohonan kamu akan diperkenankan." (HR al-Tirmizi dan Abu Daud. Kata al-Tirmizi: Hadis ini Hasan)

Di dalam hadis lain, baginda bersabda:

كُلُّ دُعَاءٍ مَحْجُوبٌ حَتَّى يُصَلَّى عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Setiap doa itu terhalang (dari dimakbulkan), sehinggalah terlebih dahulu berselawat ke atas Nabi SAW.” (HR al-Tabarani, al-Dailami dan al-Tirmizi. Dinilai sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami’)

2. **Memperakui diri banyak melakukan dosa dan kesalahan.** Hal ini dapat diperhatikan dari doa Nabi Yunus AS yang berupa sebuah doa yang agung, diganding di dalamnya pengakuan Rububiyah Allah SWT dan pengakuan dosa, kesalahan dan kezaliman diri. Allah SWT berfirman tentang Nabi Yunus AS:

وَذَا النُّونِ إِذْ ذَهَبَ مُغْضِبًا فَظَنَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي مِنَ الظَّالِمِينَ

11

Maksudnya: “Dan (ingatlah peristiwa) Zun-Nun, ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) Dia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan gelap-gelita (di dalam perut ikan) dengan berkata: “**Sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha Suci Engkau! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri**”. (al-Anbiyaa’: 87)

3. **Berdoa dengan merendahkan diri dan khushyuk, berasa cemas dan harap.** Allah SWT berfirman tentang para Nabi:

إِنَّهُمْ كَانُوا يُسْـَٔرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا وَكَانُوا لَنَا خَاشِعِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada kami." (al-Anbiyaa': 90)

4. **Bersungguh-sungguh dalam berdoa dan meminta.** Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَقُولَنَّ أَحَدُكُمْ : اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي إِنْ شِئْتَ ، اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي إِنْ شِئْتَ ، وَلْيَعْزِمِ
الْمُسْأَلَةُ ، فَإِنَّهُ لَا مُكْرَهَ لَهُ

Maksudnya: "Jangan seseorang itu berkata: Ya Allah, ampunilah daku jika Kamu mahu. Ya Allah, rahmatilah daku jika Kamu mahu. Sebaliknya hendaklah dia bersungguh-sungguh dalam permohonan, kerana permohonan seumpama itu tiada sebarang faedah." (HR al-Bukhari dan Muslim)

5. **Berterusan dan mengulangi permintaan kepada Allah SWT.** Hal ini menunjukkan harapan yang bersungguh dari seseorang hamba kepada Tuhannya. Daripada 'Aisyah RA, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُلِحِّينَ فِي الدُّعَاءِ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berterusan dan mengulangi doanya." (al-Hafidz Ibn Hajar al-'Asqalani berkata di dalam *Fath al- Bari*: "Hadis ini dikeluarkan oleh al-Tabarani di dalam al-Doa dengan sanad para perawi yang *thiqaat* melainkan di dalamnya ada 'An'anah Baqiyyah¹ daripada 'Aisyah RA secara *marfu*." Hadis ini pula dinilai sebagai palsu oleh al-Albani di dalam *al-Irwa' al-Ghalil*)

¹ *بَقِيَّةٌ* adalah seorang periwat hadis yang terkenal melakukan *tadlis* dalam periwat hadis. Maka periwat yang seumpama ini jika dia meriwat hadis dengan lafaz *عَنْ* atau *daripada*, ia akan memberi kesan buruk kepada periwat hadis.

6. **Sentiasa berdoa kepada Allah dalam setiap keadaan, sama ada ketika susah mahupun senang.** Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَسْتَجِيبَ اللَّهُ لَهُ عِنْدَ الشَّدَائِدِ وَالْكُرْبِ ، فَلْيَكْثِرِ الدُّعَاءَ فِي الرَّخَاءِ

Maksudnya: "Sesiapa yang suka Allah memustajabkan permohonannya ketika kesempitan dan kesusahan, maka hendaklah dia perbanyakkan berdoa ketika di dalam kesenangan." (HR al-Tirmizi, al-Hakim dan al-Tabarani. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

7. **Mengelak dari memohon keburukan untuk keluarga, harta dan diri sendiri.** Hal ini kerana doa bertujuan memperolehi kebaikan dan menghindari keburukan. Nabi SAW bersabda:

لَا تَدْعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ وَلَا تَدْعُوا عَلَى أَوْلَادِكُمْ، وَلَا تَدْعُوا عَلَى أَمْوَالِكُمْ، لَا تُؤَافِقُوا مِنَ اللَّهِ سَاعَةً يُسْأَلُ فِيهَا عَطَاءٌ فَيَسْتَجِيبَ لَكُمْ

13

Maksudnya: "Jangan kamu semua meminta keburukan ke atas diri kamu sendiri, anak-anak dan harta. Kerana tidak bertepatan sesuatu masa mustajab dengan sesuatu permohonan, melainkan akan diperkenankan permohonan tersebut terhadap kamu." (HR Muslim dan Abu Daud)

8. **Mengulangi doa sebanyak tiga kali,** berdasarkan sebuah hadis yang panjang dari Ibn Mas'ud RA, di dalamnya ada dinyatakan: "Setelah baginda SAW selesai menunaikan solat, baginda meninggikan suara dan memohon hukuman ke atas mereka (beberapa musyrikin yang mengganggu baginda), dan baginda apabila berdoa, baginda akan berdoa sebanyak tiga kali.

Baginda menyebut:

اللهم عليك بقريش، اللهم عليك بقريش، اللهم عليك بقريش

Maksudnya: "Ya Allah kenakan balasan ke atas orang-orang Quraisy, Ya Allah kenakan balasan ke atas orang-orang Quraisy, Ya Allah kenakan balasan ke atas orang-orang Quraisy." (HR Muslim)

9. Menghadap Qiblat. Daripada Abdullah bin Zaid RA:

خَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - إِلَى هَذَا الْمُصَلَّى يَسْتَسْقِي، فَدَعَا، وَاسْتَسْقَى،
ثُمَّ اسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ وَقَلَّبَ رِءَاءَهُ

14

Maksudnya: "Baginda keluar menuju ke tempat menunaikan solat untuk memohon hujan. Baginda berdoa dan memohon diturunkan hujan, baginda juga beralih menghadap kiblat dan menebalikkan selendang baginda." (HR al-Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dinyatakan:

اسْتَقْبَلَ رَسُولُ اللَّهِ الْكَعْبَةَ فَدَعَا عَلَى قُرَيْشٍ

Maksudnya: "Baginda menghadap Kaabah dan memohon hukuman dikenakan ke atas Quraisy."

10. Berdoa dengan mengangkat tangan. Abu Musa al-Asy'ariy berkata:

دَعَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - ثُمَّ رَفَعَ يَدَيْهِ، وَرَأَيْتُ بَيَاضَ إِبْطِيهِ

Maksudnya: "Nabi SAW berdoa dan mengangkat kedua-dua tangan baginda, daku melihat bahagian putih dua ketiak baginda." (HR al-Bukhari dan Muslim)

Salman al-Farisi pula meriwayatkan, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ رَبَّكُمْ تَبَارَكَ وَتَعَالَى حَيٌّ كَرِيمٌ يَسْتَحْيِي مَنْ عَبْدُهُ إِذَا رَفَعَ يَدَيْهِ إِلَيْهِ أَنْ يَرُدَّهُمَا
صِفْرًا

Maksudnya: "Sesungguhnya Tuhan kamu semua Tabaraka wa Taala, Maha Pemalu dan Maha Mulia, Dia malu dari hambaNya yang mengangkat kedua-dua tangan memohon kepadaNya, namun tidak memperolehi apa-apa." (HR Abu Daud dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh Al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

Perhatian: Berdoa dengan mengangkat tangan ini dilakukan dalam doa-doa yang umum dan doa-doa yang terdapat bukti baginda melakukannya dengan mengangkat tangan seperti berdoa di Safa dan Marwah, doa meminta diturunkan hujan pada hari Jumaat dan seumpamanya. Hal ini kerana terdapat beberapa doa yang tidak perlu diangkat kedua-dua tangan seperti doa ketika masuk dan keluar rumah, keluar dan masuk tandas dan seumpamanya.

15

11. **Terlebih dahulu membersihkan gigi.** Hal ini kerana doa merupakan ibadah lisan, maka membersihkan gigi untuk melakukan ibadah seperti ini adalah termasuk di dalam akhlak dan adab yang baik. Di samping itu terdapat pula sunnah yang menggalakkan membersihkan gigi sebelum menunaikan solat. Tujuannya adalah kerana membersihkan mulut untuk mengucapkan zikir-zikir dan bacaan-bacaan di dalam solat. (Lihat *Tuhfah al-Zakirin* oleh al-Syaukani)

12. **Melakukan sesuatu amalan soleh terlebih dahulu**, seperti bersedekah, berbuat baik kepada orang miskin, atau menunaikan solat sunat dua rakaat, berpuasa atau seumpamanya, agar semua amalan ini dapat menjadi wasilah diperkenankan permohonan yang dipinta. Bukti dalam hal ini dapat diperhatikan dari hadis yang menceritakan tiga orang lelaki yang terkurung di dalam gua. Baginda menceritakan setiap seorang dari tiga lelaki tersebut berdoa dengan bertawassul dengan amalan baik yang besar yang pernah dikerjakan kerana Allah SWT. Lalu Allah memperkenan permohonan mereka dan mereka dibebaskan dari gua tersebut. Cerita dari baginda SAW ini merupakan satu sunnah untuk kita umat baginda SAW.

13. **Berwudhu'**. Daripada Abu Musa al-Asy'aari RA yang menceritakan setelah Baginda SAW selesai dari peperangan Hunain, ada dinyatakan di dalam hadis tersebut, baginda meminta air seterusnya berwudhu', kemudian baginda mengangkat kedua-dua tangan baginda dan berdoa:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِعُبَيْدِ بْنِ عَامِرٍ، وَرَأَيْتُ بَيَاضَ إِبْطِئِهِ

Maksudnya: "Ya Allah ampunilah Ubaid bin 'Amir." Kata Abu Musa seterusnya: "Daku melihat tempat putih di bawah kedua-dua ketiak baginda SAW." (HR al- Bukhari dan Muslim)

14. **Memiliki tujuan baik dari sesuatu permohonan**. Tujuan baik dari sesuatu doa dapat menjadi sebab doa itu diperkenankan. Sebagai contoh seseorang berdoa dengan berkata: "Ya Allah kurniakan kepadaku harta, agar daku dapat menggunakannya ke jalan yang benar." atau: "Agar daku dapat menggunakannya untuk meninggikan agama Islam." atau: "Ya Allah kurniakan kepadaku ilmu, agar daku dapat sampaikan kepada orang ramai dan menyebarkan kebenaran dan kebaikan." Atau: "Ya Allah kurniakan kepadaku isteri, agar daku dapat menahan diri dari melakukan perkara maksiat." dan seumpamanya.

Isyarat ini dapat diperhatikan daripada firman Allah SWT tentang permohonan Nabi Musa:

قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي (٢٥) وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي (٢٦) وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي (٢٧) يَفْقَهُوا قَوْلِي (٢٨) وَاجْعَل لِّي وَزِيرًا مِّنْ أَهْلِي (٢٩) هَرُونَ أَخِي (٣٠) أَشَدُّ بِهِ أَزْرَى (٣١) وَأَشْرِكُهُ فِي أَمْرِي (٣٢) كَيْ نُسَبِّحَكَ كَثِيرًا (٣٣) وَنَذْكُرَكَ كَثِيرًا (٣٤) إِنَّكَ كُنْتَ بِنَا بَصِيرًا (٣٥)

Maksudnya: "Nabi Musa berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku, dadaku; Dan mudahkanlah bagiku, tugasku; "Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku, Supaya mereka faham perkataanku; Dan jadikanlah bagiku, seorang penyokong dari keluargaku. Iaitu Harun saudaraku; "Kuatkanlah dengan sokongannya, pendirianku, dan jadikanlah dia turut campur bertanggungjawab dalam urusanku, supaya Kami sentiasa beribadat dan memujiMu, dan (supaya) Kami sentiasa menyebut dan mengingatiMu; Sesungguhnya Engkau adalah sedia melihat dan mengetahui hal ehwal kami". (Tohaa: 25-35) Hasilnya Allah SWT telah memperkenankan doa Nabi Musa ini.

17

Selain itu terdapat juga isyarat lain dari hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Ibn 'Amr RA yang berkata, Nabi SAW pernah bersabda: "Jika seseorang lelaki pergi menziarahi seorang pesakit, maka hendaklah dia membaca:

اللَّهُمَّ اشْفِ عَبْدَكَ يَنْكَأُ لَكَ عَدُوًّا أَوْ يَمُتِي لَكَ إِلَى صَلَاةٍ

Maksudnya: "Ya Allah, sembuhkanlah hambaMu ini, agar dia dapat mengalahkan musuh atau dia dapat berjalan kepadaMu pergi menunaikan solat." (HR Abu Daud. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam al-Silsilah al-Sahihah)

15. **Menangis ketika berdoa.** Daripada Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash RA, Nabi SAW membaca firman Allah tentang perkataan Nabi Ibrahim:

رَبِّ إِنَّهُنَّ أَضَلَّلْنَ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ فَمَنْ تَبِعَنِي فَإِنَّهُ مِنِّي

Maksudnya: "Wahai Tuhanku, berhala-berhala itu telah menyebabkan sesat banyak di antara umat manusia. Oleh itu, sesiapa yang menurutku maka ia adalah dari golonganku." (Ibrahim: 36). Tentang perkataan Nabi Isa pula Allah SWT berfirman:

إِن تَعِدُّهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ ۖ وَإِن تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: "Jika Engkau menyeksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana Sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu; dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka Sesungguhnya Engkaulah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana" (al-Maaidah: 118). Lalu Nabi SAW mengangkat kedua belah tangan baginda dan berdoa:

اللَّهُمَّ أُمَّتِي أُمَّتِي

Maksudnya: "Ya Allah, ummatku, ummatku." Seterusnya baginda menangis. Lalu Allah SWT berfirman: Wahai Jibril, pergi kepada Muhammad – sedang Allah SWT telah sedia Maha Mengetahui – dan tanya kepadanya, apakah yang membuatkan dia menangis?" Lalu Jibril pergi bertemu dengan Nabi Muhammad SAW dan bertanya. Baginda menceritakan kepada Jibril sebab baginda menangis² – sedangkan Allah telah sedia Maha Mengetahuinya – lalu Allah berfirman: "Wahai Jibril pergilah kepada Muhammad, dan beritahu kepadanya sesungguhnya kami akan menjadikan kamu redha terhadap hak yang akan diperolehi oleh umat kamu, dan kami tidak akan menjadikan kamu sedih terhadap hak mereka semua." (HR Muslim di dalam sahihnya. Kitab al-Iman,

² Iaitulah kebanggaan baginda terhadap umat baginda

Bab Doa' al-Nabiy li Ummatih wa Bukaa'ih Syafaqatan 'alaihim: Bab Doa Nabi Untuk Ummat Baginda, dan Tangisan Baginda Kerana Sayangkan Mereka Semua)

16. Menzahirkan pengaduan kepada Allah dan memerlukanNya. Allah SWT berfirman tentang Nabi Ya'kub AS:

قَالَ إِنَّمَا أَشْكُوا بَنِي وَحُزْنِي إِلَى اللَّهِ

Maksudnya: "(Nabi Yaakub) menjawab: "Sesungguhnya Aku hanyalah mengadukan kesusahan dan dukacitaku kepada Allah." (Yusuf: 86). Tentang Nabi Musa AS pula Allah SWT berfirman:

رَبِّ إِنِّي لَمَّا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خِزْيٍ فَقِيرٌ

Maksudnya: "Wahai Tuhanku, Sesungguhnya Aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian Yang Engkau berikan". (al-Qasas: 24)

19

17. Memilih ungkapan doa yang baik, menjauhi memanjang-manjangkan bahasa doa dan memperincikan perkara yang tidak perlu. Hal ini kerana Nabi SAW:

يَسْتَجِبُ الْجَوَامِعَ مِنَ الدُّعَاءِ، وَيَدَعُ مَا سِوَى ذَلِكَ

Maksudnya: "Baginda menyukai lafaz-lafaz doa yang ringkas dan padat, dan meninggalkan selain dari yang itu." (HR Ahmad, Abu Daud, al-Hakim dan al-Tabarani)

18. Memulakan doa untuk diri sendiri. Daripada Ubai bin Ka'ab RA yang berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ذَكَرَ أَحَدًا قَدَعَا لَهُ بَدَأَ بِنَفْسِهِ

Maksudnya: "Rasulullah SAW dahulunya apabila menyebut seseorang untuk mendoakannya, baginda akan memulakan untuk diri baginda sendiri."³ (HR al- Tirmizi dan katanya: Hasan Gharib Sahih. Diriwayatkan juga oleh Abu Daud)

19. **Mendoakan untuk orang-orang yang beriman.** Perkara ini termasuk dalam tuntutan persaudaraan Islam dan menjadi sebab diperkenankan doa. Allah SWT berfirman:

وَأَسْتَغْفِرُ لِدُنُوبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

Maksudnya: "Dan mintalah ampun kepadaNya bagi salah silap yang engkau lakukan, dan bagi dosa-dosa orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan." (Muhammad: 19)

Tentang Nabi Nuh pula, Allah SWT berfirman:

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتِي مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

Maksudnya: "Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapaku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan." (Nuh: 28)

Sabda Nabi SAW pula:

مَنْ اسْتَغْفَرَ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ كُتِبَ لَهُ بِكُلِّ مُؤْمِنٍ وَمُؤْمِنَةٍ حَسَنَةٌ

Maksudnya: "Sesiapa yang memohon keampunan untuk orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, dicatit untuknya bagi setiap orang beriman lelaki dan perempuan itu satu kebaikan." (al-Haithami di dalam *Majma' al-Zawaaid* berkata Isnadnya Jauyid. Hadis ini juga dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

³ Hal ini kerana tiada seorang makhluk sama sekali melainkan kesemuanya memerlukan kepada pemberian dan kelebihan dari Allah SWT.

Digalakkan juga untuk mengkhususkan permohonan untuk kedua ibu dan bapa, para ulama, orang-orang soleh, termasuk juga orang-orang yang mentadbir urusan umat Islam.

20. Merendahkan suara dan menyembunyikan doa. Berkaitan hal ini Allah SWT berfirman:

أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

Maksudnya: *"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas."* (al-Aaraf: 55)

Daripada Abu Musa al-Asy'ariy RA katanya:

كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَجَعَلَ النَّاسُ يَجْهَرُونَ فِي التَّكْبِيرِ، فَقَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: -"أُمَّهَا النَّاسُ، ارْبَعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ: إِنَّكُمْ لَا تَدْعُونَ أَصَمَّ وَلَا غَائِبًا، إِنَّكُمْ تَدْعُونَ سَمِيعًا قَرِيبًا وَهُوَ مَعَكُمْ"

21

Maksudnya: *"Kami dahulu pernah bersama dengan Nabi SAW (dalam suatu permusafiran). Orang ramai bertakbir dengan kuat. Lalu Nabi SAW bersabda: "Wahai sekalian orang, kasihanilah diri kami sendiri, sesungguhnya kamu semua bukan memohon kepada zat yang pekak dan jauh, sebaliknya kamu semua berdoa kepada tuhan yang Maha Mendengar dan Maha Dekat, Dia bersama dengan kamu semua."* (HR al-Bukhari)

Berdoa dengan memperlahan dan menyembunyikan suara terdapat banyak kebaikan. Perkara ini disebut oleh al-Imam Ibn al-Qayyim, antaranya:

Pertama: Bukti beriman kepada Allah SWT Maha Mendengar. Dia Maha Mendengar permintaan hambaNya sekalipun perlahan. Perkara ini berbeza dengan tanggapan orang-orang musyrik seperti hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud RA:

اِخْتَصَمَ عِنْدَ الْبَيْتِ ثَلَاثَةُ نَفَرٍ قُرَشِيَّانٍ وَثَقَفِيٍّ أَوْ ثَقَفِيَّانِ وَقُرَشِيٍّ قَلِيلٍ فِهُهُ
قُلُوبُهُمْ كَثِيرٌ شَحْمٌ بَطُونُهُمْ فَقَالَ أَحَدُهُمْ أَتَرَوْنَ أَنَّ اللَّهَ يَسْمَعُ مَا نَقُولُ فَقَالَ
الْآخَرُ يَسْمَعُ إِذَا جَهَرْنَا وَلَا يَسْمَعُ إِذَا أَخْفَيْنَا وَقَالَ الْآخَرُ إِنْ كَانَ يَسْمَعُ إِذَا جَهَرْنَا
فَإِنَّهُ يَسْمَعُ إِذَا أَخْفَيْنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ وَمَا كُنْتُمْ تَسْتَتِرُونَ أَنْ يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ
وَلَا أَبْصَارُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ

Maksudnya: "Tiga orang pernah bertengkar berhampiran dengan Kaabah. Dua daripada mereka adalah Qurasyi dan seorang Thaqafi, atau dua orang mereka Thaqafi dan seorang lagi Qurasyi, mereka tiada kefahaman jiwa, tetapi mempunyai lemak perut yang banyak. Kata salah seorang daripada mereka: Apakah kamu merasakan Allah mendengar apa yang kita minta." Jawab salah seorang daripada mereka: "Dia mendengar, jika kita menguatkan permohonan, dan tidak mendengar jika kita perlahankan permohonan." Kata seorang lagi: "Jika Dia mendengar sekiranya kita menguatkan permohonan, maka Dia juga mendengar jika kita perlahankan." Lalu Allah SWT menurunkan ayat:

وَمَا كُنْتُمْ تَسْتَتِرُونَ أَنْ يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ وَلَا أَبْصَارُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ وَلَكِنْ
ظَنَنْتُمْ أَنَّ اللَّهَ لَا يَعْلَمُ كَثِيرًا مِمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: "Dan semasa kamu berselindung (ketika melakukan dosa di dunia dahulu) bukanlah kerana kamu bimbangkan pendengaran dan penglihatan serta kulit-kulit badan kamu menjadi saksi terhadap

perbuatan-perbuatan kamu yang berdosa itu, akan tetapi kerana kamu menyangka bahawa Allah tidak mengetahui kebanyakan dosa yang kamu lakukan (secara bersembunyi itu).⁴ (HR al-Tirmizi dan katanya: Hadis ini Hasan Sahih)

Kedua: Memperlahan dan menyembunyikan suara ketika berdoa termasuk di dalam adab dan perbuatan mengagungkan Allah SWT. Bukankah ketika berbicara dengan seorang raja tidak wajar diangkat dan ditinggikan suara kerana memuliakannya. Melainkan berbicara dengannya sekadar suara yang dapat didengarinya sahaja. Maka Allah SWT amat sempurna dan mulia dari segalanya. Jika Allah SWT Maha Mendengar permohonan yang perlahan, maka apakah keperluan untuk mengeraskan permohonan kepadaNya? Bahkan perbuatan tersebut tidak bersesuaian dengan adab yang sewajarnya bagi seorang yang benar-benar merendahkan diri di hadapanNya.

Ketiga: Lebih bersesuaian dengan sifat khusyuk dan merendahkan diri. Bahkan merendah dan menyembunyikan suara itu merupakan tanda seseorang yang khusyuk dan merendahkan diri. Ketika dia berdoa dia merasakan dirinya seorang yang benar-benar mengharap Allah, miskin dan hina, maka sudah tentu dia akan merendahkan suaranya.

Keempat: Lebih hampir kepada ikhlas.

Kelima: Tanda seseorang hamba merasai dirinya benar-benar hampir dengan Allah SWT, demikian Allah juga hampir kepadanya. Justeru dia berbisik, memperlahan dan menyembunyikan suara kerana dia tahu Allah hampir dan mendengar permohonannya. Bukan terjerit-jerit seolah-olah seorang yang jauh dari Allah SWT.

⁴ Fussilat: 22

Keenam: Dapat mengelakkan diri dari rasa jemu. Ini kerana berdoa dengan suara yang perlahan dan berbisik tidak meletihkan anggota badan. Berbeza jika diangkatkan suara yang sudah tentu meletih dan menjemukan. Tiada orang yang mampu melakukannya berulang kali, sedangkan doa digalakkan berulang kali dan berterusan seperti yang telah dijelaskan di atas.

21. Memilih nama dan sifat Allah yang sesuai ketika berdoa. Seperti berdoa memohon rahmat dengan menyebut: *Wahai Tuhan al-Rahim, rahmatilah daku.* Atau: *"Wahai Tuhan al-Karim, muliakanlah daku."* Atau: *"Wahai Tuhan al-Syafi (Maha Penyembuh), berilah kesembuhan kepadaku."* Atau: *"Wahai Tuhan anugerahilah daku rahmat daripadaMu, sesungguhnya Engkau Tuhan Yang Maha Pemberi Anugerah."* Dan seumpamanya.

24

22. Jangan sempitkan permohonan doa. Seperti memohon: *"Ya Allah siramilah kebun dan tanamanku sahaja."* atau: *"Ya Allah perbaikilah keadaan anak-anakku, jangan diperbaiki keadaan anak-anak orang lain."* Atau: *"Ya Allah kurniakanlah kepadaku rezeki, tidak perlu dikurniakan rezeki kepada orang selain daku."* Hal ini dinyatakan di dalam hadis daripada Abu Hurairah RA yang berkata:

قَامَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- فِي صَلَاةٍ، وَقُمْنَا مَعَهُ، فَقَالَ أَعْرَابِيٌّ وَهُوَ فِي الصَّلَاةِ: اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي وَمُحَمَّدًا، وَلَا تَرْحَمْ مَعَنَا أَحَدًا، فَلَمَّا سَلَّمَ النَّبِيُّ -صلى الله عليه وسلم- قَالَ لِلْأَعْرَابِيِّ: "لَقَدْ حَجَرْتَ وَاسِعًا"

Maksudnya: "Suatu hari Rasulullah SAW mendirikan solat, maka kami berdiri bersolat bersama baginda. Terdapat seorang Arab Badawi berdoa di dalam solat: "Ya Allah rahmatilah daku dan Muhammad, dan jangan Dikau rahmati orang lain lagi bersama dengan kami." Apabila selesai solat,

Nabi SAW bersabda kepada Arab Badawi tersebut: “Sesungguhnya engkau telah menyempitkan sesuatu yang luas (iaitulah rahmat Allah yang amat luas).” (HR al-Bukhari)

23. **Orang yang mendengar mengaminkan doa yang dibaca.** Hal ini berdasarkan kisah Nabi Musa dan Harun yang terdapat di dalam al-Quran:

وَقَالَ مُوسَىٰ رَبَّنَا إِنَّكَ ءَاتَيْتَ فِرْعَوْنَ وَمَلَأَهُ زِينَةً وَأَمْوَالًا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا رَبَّنَا لِيُضِلُّوهُ عَنِ سَبِيلِكَ رَبَّنَا اطْمِسْ عَلَىٰ أَمْوَالِهِمْ وَاشْدُدْ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُوا حَتَّىٰ يَرَوْا الْعَذَابَ ۚ أَلَيْسَ (٨٨) قَالَ قَدْ أُجِيبَتْ دَعْوَتُكُمَا فَاسْتَقِيمَا وَلَا تَتَّبِعَانِ سَبِيلَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ (٨٩)

Maksudnya: “Dan Nabi Musa berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau telah memberikan kepada Firaun dan ketua-ketua kaumnya barang-barang perhiasan dan harta benda yang mewah dalam kehidupan dunia ini. Wahai Tuhan kami! (kemewahan yang Engkau berikan kepada mereka) akibatnya menyesatkan mereka dari jalanMu (dengan sebab kekufuran mereka). Wahai Tuhan kami! Binasakanlah harta benda mereka dan meteraikanlah hati mereka (sehingga menjadi keras membatu), maka dengan itu mereka tidak akan dapat beriman sehingga mereka melihat azab yang tidak terperi sakitnya. Allah berfirman: “Sesungguhnya telah dikabulkan doa kamu berdua; oleh itu hendaklah kamu tetap (menjalankan perintahKu seterusnya), dan janganlah kamu menurut jalan orang-orang yang tidak mengetahui (peraturan janjiKu)”. (Yunus: 88-89)

Kata para ulama tafsir: “Nabi Musa berdoa, manakala nabi Harun mengaminkannya.” (Lihat *Tafsir Ibn Kathir*). Kerana itu Allah SWT berfirman: “Sesungguhnya telah dikabulkan doa kamu berdoa.”

- 24. Memohon kepada Allah dalam semua urusan samaada kecil mahupun besar.** Anggapan yang menyangka permohonan kepada Allah hanya dalam urusan yang besar dan penting sahaja adalah salah. Sebaliknya seseorang hamba hendaklah berdoa kepada Allah dalam semua urusannya, sehinggakan dalam urusan pakaian, makanan dan seumpamanya. Nabi SAW bersabda:

سَلُّوا اللَّهَ كُلَّ شَيْءٍ حَتَّى الشَّيْءِ ، فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّوَجَلَّ إِنْ لَمْ يُبَسِّرْهُ لَمْ يَتَيْسَّرْ

Maksudnya: “Mintalah kepada Allah dalam setiap sesuatu, sehinggakan dalam urusan *al-Syis'a*⁵, kerana sesungguhnya Allah AWJ jika Dia tidak memberi kemudahan, perkara itu tidak akan menjadi mudah.” (Dikeluarkan oleh Ibn al- Sunniy di dalam ‘*amal al-Yaum wa al-Lailah* dan al-Tirmizi. Dinilai Lemah oleh al- Albani di dalam al-Silsilah al-Dhoiefah. Akan tetapi hadis ini sahih dari perkataan ‘Aisyah RA, iaitulah Mauquf kepada beliau. Lihat *Musnad Abi Ya'la* dan ‘*Amal al- Yaum wa al-Lailah*. Al-Haithami berkata tentang hadis ini: Para periwayatnya adalah para periwayat al-Sahih, melainkan Muhammad bin ‘Ubaidillah, dan beliau juga seorang yang *thiqah*. Lihat *Majmu' al-Zawaaid* 10/150)

⁵ الشَّيْءِ ialah tali kasut yang dimasukkan antara dua jari. Hujungnya berada di hujung kasut

ZIKIR PAGI DAN PETANG

Yang dimaksudkan dengan zikir pagi hari iaitulah zikir yang dibaca selepas solat subuh sehinggalah sebelum terbitnya matahari. Manakala zikir petang pula adalah zikir yang dibaca selepas solat 'Asar sehinggalah sebelum tenggelam matahari. Dalam masa yang sama sekiranya seseorang terlepas dari membaca zikir-zikir ini dalam waktu yang ditetapkan disebabkan halangan, maka tidak mengapa jika dibaca luar dari waktunya.⁶ Antara doa-doa tersebut ialah:

1. Rasulullah SAW bersabda: *"Tiada seorang hambapun pada setiap pagi dan petang yang mengucapkan:*

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: ***"Dengan nama Allah yang sesiapa berlingung dengannya, tiada sesuatupun yang dapat memberi mudharat kepadanya di langit mahupun di bumi, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. sebanyak tiga kali, tidak akan memudharatkannya sesuatupun."*** (HR Abu Daud dan al-Tirmizi. Dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

2. Al-Imam al-Tirmizi meriwayatkan: *"Sesiapa yang pada petang hari mengucapkan tiga (3) kali:*

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya: ***"Aku berlingung dengan kalimah Allah yang sempurna, dari setiap kejahatan yang ada" dia tidak akan disengat pada malam tersebut."*** (HR al-Tirmizi. Dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

⁶ Sila lihat *Fiqh al-Ad'iyah wa al-Azkar* oleh al-Syeikh 'Abd al-Razzaq bin 'Abd al-Muhsin al-Badr

3. Membaca 3 kali surah⁷:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ

4. Penghulu al-Istighfar:

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا
اسْتَطَعْتُ، اَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِبِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ
فَاغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya: “*Ya Allah! Engkau adalah Tuhanku⁸, tiada Tuhan yang berhak disembah kecuali Engkau, Engkaulah yang menciptakan aku. Aku adalah hambaMu. Aku sentiasa setia pada perjanjianku⁹ denganMu semampuku. Aku berindung denganMu dari kejahatan yang aku lakukan. Aku mengakui kepadaMu banyaknya nikmatMu kepadaku dan aku mengakui juga banyaknya dosaku, oleh karena itu, ampunilah daku. Sesungguhnya tiada yang mengampuni dosa kecuali Engkau.*” (HR al-Bukhari)

5. Daripada ‘Abdullah bin Mas’ud RA katanya: “Dahulunya Nabi Allah SAW ketika petang hari akan mengucapkan:

اٰمَسَيْنَا وَاَمْسٰى الْمَلٰٓئِكُ لِلّٰهِ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ، لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ
وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ، رَبِّ اَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِيْ هَذِهِ اللَّيْلَةِ وَخَيْرَ مَا
بَعْدَهَا، وَاَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِيْ هَذِهِ اللَّيْلَةِ وَشَرِّ مَا بَعْدَهَا، رَبِّ اَعُوذُ بِكَ مِنَ
الْكَسَلِ وَسُوْءِ الْكِبَرِ، رَبِّ اَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابٍ فِي النَّارِ وَعَذَابٍ فِي الْقَبْرِ

⁷ HR Abu Daud dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Targhib*

⁸ Kalimah رَبِّ yang diterjemahkan sebagai Tuhan membawa maksud Tuhan Yang Mencipta, Yang Memiliki, Yang Mentadbir dan Yang Memberi Rezeki.

⁹ Sentiasa setia dengan janji untuk beriman, melaksanakan ketaatan dan mematuhi perintahMu.

Maksudnya: ***"Kami telah memasuki waktu petang dan kerajaan hanya milik Allah, segala puji bagi Allah. Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya. BagiNya kerajaan dan bagiNya pujian. Dialah Yang Maha Berkuasa atas setiap sesuatu. Wahai Tuhan, aku mohon kepadaMu kebaikan di malam ini dan kebaikan sesudahnya. Aku berlindung kepadaMu dari kejahatan malam ini dan kejahatan sesudahnya. Wahai Tuhan, aku berlindung kepadaMu dari kemalasan dan dari kejelekan di hari tua. Wahai Tuhan! Aku berlindung kepadaMu dari siksaan Neraka dan kubur."***

Jika doa ini dibaca pada waktu pagi, lafaznya adalah seperti berikut:

أَصْبَحْنَا وَأَصْبَحَ الْمُلْكُ لِلَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، رَبِّ أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِي هَذَا الْيَوْمِ وَخَيْرَ مَا بَعْدَهُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِي هَذَا الْيَوْمِ وَشَرِّ مَا بَعْدَهُ، رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكَسَلِ وَسُوءِ الْكِبَرِ، رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابٍ فِي النَّارِ وَعَذَابٍ فِي الْقَبْرِ

29

Maksudnya: ***"Kami telah memasuki waktu pagi dan kerajaan hanya milik Allah, segala puji bagi Allah. Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya. BagiNya kerajaan dan bagiNya pujian. Dialah Yang Maha Berkuasa atas setiap sesuatu. Wahai Tuhan, daku mohon kepadaMu kebaikan hari ini dan kebaikan sesudahnya. Aku berlindung kepadaMu dari kejahatan hari ini dan kejahatan sesudahnya."***

Wahai Tuhan, daku berlindung kepadaMu dari kemalasan¹⁰ dan dari kejelekan di hari tua¹¹. Wahai Tuhan! Aku berlindung kepadaMu dari siksaan Neraka dan kubur." (HR Muslim)

¹⁰ Dimaksudkan dengan "kemalasan" di sini iaitulah tiada dorongan diri untuk melakukan amalan kebaikan dalam keadaan ada kemampuan melakukannya, ia berbeza dengan orang yang tiada kemampuan, dimana mereka dianggap memiliki keuzuran.

¹¹ Dimaksudkan dengan "kejelekan hari tua", iaitulah perkara yang menyusul apabila tua seperti nyanyuk, banyak kekeliruan dan seumpamanya terdiri dari perkara-perkara yang buruk.

6. Diriwayatkan oleh Ibn al-Sunniy daripada Abu Darda' RA, Nabi SAW bersabda: *"Sesiapa yang setiap pagi dan petang mengucapkan:*

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ.

Maksudnya: *"Memadailah bagiku dengan Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, kepadaNya aku bertawakal. Dialah Tuhan yang menguasai 'Arsy yang agung," dibaca sebanyak tujuh kali, Allah akan mencukupkan apa yang dikehendaknya dari urusan dunia dan akhirat.*"¹²

7. Daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda: *"Sesiapa yang pada pagi dan petang hari mengucapkan:*

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ

Maksudnya: *"Maha Suci Allah dan dengan segala pujian untukNya, seratus kali (100 kali)¹³, tidak akan datang pada hari kiamat seseorang lain membawa sesuatu yang lebih utama berbanding dengan apa yang dia bawa, melainkan seseorang lain yang datang dengan membawa ganjaran seperti yang dia baca atau orang itu membaca lebih daripadanya.*"¹⁴ (HR Muslim)

8. Di dalam Sunan al-Tirmizi, Abu Daud dan yang lainnya, Nabi SAW mengajar para sahabat baginda dengan berkata: *"Apabila seseorang daripada kamu berada pada pagi hari hendaklah dia mengucapkan:*

¹² 'Amal al-Yaum wa al-Lailah, bil: 71. al-Albani menilai riwayat ini Sahih kepada Abu Darda', dan perkara seumpama ini tidak akan dinyatakan oleh Abu Darda' dari semata-mata pandangannya, melainkan ia datang dari Nabi SAW.

¹³ Penetapan bilangan 100 kali datang dari Allah dan Rasul berdasarkan hikmah yang dikehendaki oleh Allah, tidak diketahui tujuannya melainkan Allah SWT sahaja.

¹⁴ Zikir seumpama ini dianjurkan dihitung dengan jari-jemari berdasarkan perbuatan Nabi SAW dan ia lebih memurnikan niat. 'Abdullah bin 'Amr berkata: bermaksud: *رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْقِدُ التَّسْبِيحَ* "Aku melihat Rasulullah SAW menghitung ketika bertasbih dengan jari-jemari tangan kanan baginda." (Abu Daud, bil: 1502. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Abu Daud, bil: 1330)

اللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوتُ وَإِلَيْكَ النُّشُورُ.

Maksudnya: **"Ya Allah, dengan nikmat dan pertolonganMu kami dapat memasuki waktu pagi, dan dengan nikmat dan pertolonganMu kami memasuki waktu petang. Dengan nikmat dan pertolonganMu kami hidup dan dengan kehendakMu kami mati. Dan kepadaMu kebangkitan (bagi semua makhluk pada hari kiamat)."** Apabila petang hari hendaklah dia ucapkan:

اللَّهُمَّ بِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوتُ وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ.

Maksudnya: **"Ya Allah, dengan nikmat dan pertolonganMu kami dapat memasuki waktu petang, dan dengan nikmat dan pertolonganMu kami memasuki waktu pagi. Dengan nikmat dan pertolonganMu kami hidup dan dengan kehendakMu kami mati. Dan kepadaMu kebangkitan (bagi semua makhluk pada hari kiamat)."** (HR al-Tirmizi dan Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al- Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

31

9. Abu Hurairah meriwayatkan, Abu Bakr RA pernah bertanya kepada Nabi SAW: **"Wahai Rasulullah ajarkan kepada saya bacaan yang perlu saya baca pada pagi dan petang hari, sabda Nabi SAW, bacalah:**

اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، رَبِّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكُهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي وَشَرِّ الشَّيْطَانِ وَشَرِّكَه.

Maksudnya: **"Ya Allah, Tuhan Yang Menciptakan langit dan bumi, Yang Maha Mengetahui perkara yang ghaib dan nyata, Tuhan dan Raja (pemilik) setiap sesuatu. Aku bersaksikan bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Dikau, daku memohon perlindungan denganMu dari kejahatan diriku dan dari kejahatan syaitan dan kesyirikannya."** Di dalam riwayat lain ada tambahan:

وَأَنْ أَقْتَرَفَ عَلَى نَفْسِي سُوءًا، أَوْ أَجُرَّهُ إِلَى مُسْلِمٍ

Maksudnya: **"Dan aku (berlindung denganMu) dari berbuat kejahatan terhadap diriku sendiri atau mengenakannya kepada muslim lain."**

Seterusnya baginda bersabda: **"Bacakan bacaan ini ketika waktu pagi dan waktu petang dan apabila engkau mendatangi tempat tidur."** (HR al-Tirmizi dan Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Tirmizi*)

10. Daripada Abdullah bin 'Umar RA katanya: **"Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan ungkapan-ungkapan doa ini ketika petang dan pagi:**

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي، وَآمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيْ، وَمِنْ خَلْفِي، وَعَنْ يَمِينِي، وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي

Maksudnya: **"Ya Allah sesungguhnya aku memohon keselamatan di dunia dan di akhirat, Ya Allah sesungguhnya aku memohon keamanan dan keselamatan agama, dunia, akhirat, ahli keluarga dan harta bendaku. Ya Allah tutupilah keaibanku, amankan daku dari semua ketakutan dan krisis. Ya Allah peliharalah daku dari kemerbahayaan dari hadapan, dari belakang, dari sebelah kanan, dari sebelah kiri, dan dari arah atasku. Aku juga memohon perlindungan dengan keagunganMu dari bala bencana dari bawahku."** (HR Abu Daud dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih Ibn Majah*)

11. Di dalam Musnad Ahmad, hadis dari Abu Hurairah RA katanya: **"Rasulullah SAW bersabda, siapa yang mengucapkan:**

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: ***"Tiada Tuhan (yang berhak disembah) kecuali Allah, Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagiNya. BagiNya kerajaan dan pujian. Dia Mahakuasa atas segala sesuatu, siapa yang membacanya sepuluh (10) kali pada pagi hari, Allah catitkan untuknya seratus (100) kebaikan, dan dihapuskan darinya seratus (100) kejahatan, dan untuknya pahala seumpama memerdekakan seorang hamba, dan dia dipelihara pada hari tersebut sehingga ke petang hari. Sesiapa yang membacanya pada petang hari, ia akan memperolehi kelebihan seperti itu jua."*** (HR Ahmad di dalam al-Musnad. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam al- Sahihah)

Zikir ini juga boleh dibaca 100 kali setiap pagi¹⁵ seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah RA yang bermaksud:

"Sesiapa yang mengucapkan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

33

100 kali dalam sehari, baginya pahala seperti memerdekakan 10 orang hamba, dicatitkan untuknya seratus kebaikan, dihapuskan seratus kejahatan dan dipelihara dari syaitan pada hari itu sehingga petang, dan tidak ada seseorang lain yang melakukan sesuatu yang lebih baik dari apa yang dilakukannya (dengan zikir tersebut), melainkan seorang lelaki yang melakukan (mengucapkan zikir tersebut) lebih banyak dari apa yang diucapkannya. Dan sesiapa yang mengucapkan:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ

Maksudnya: ***"Maha Suci Allah dan dengan segala pujianNya"*** dalam sehari seratus kali, dihapuskan kesalahan-kesalahannya, sekalipun sebanyak buih di lautan. (HR al-Bukhari dan Muslim)

¹⁵ Kata al-Syeikh 'Abdul Razaq bin 'Abdul Muhsin al-Badr: "Zikir ini bukanlah dikhususkan pada waktu pagi sahaja, akan tetapi memelihara zikir ini pada pagi hari adalah lebih afdhal, kerana padanya ada unsur bersegera melakukan kebaikan, dan memperoleh pahala dan dipelihara dari syaitan pada permulaan hari, kerana itu para ulama memasukkannya di dalam zikir pada pagi hari."

12. Daripada Abdul Rahman bin Abza (عبد الرحمن بن أبيزى) RA yang berkata:
"Dahulunya Nabi SAW apabila pagi hari akan mengucapkan:

أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ، وَكَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ، وَعَلَى دِينِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعَلَى مِلَّةِ آبَائِنَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ.

Maksudnya: "Kami berada pada pagi hari dalam keadaan berpegang dengan fitrah (agama) Islam, dan kalimah al-Ikhlâs, dan di atas agama Nabi kami Muhammad SAW, dan agama datuk kami Ibrahim, yang berdiri di atas jalan yang lurus, Muslim dan beliau bukanlah tergolong dari orang-orang musyrik." (HR Musnad Ahmad. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

13. Dari Ummu Salamah, Isteri Nabi SAW katanya: *"Bahawa Nabi SAW selepas solat Subuh, sebaik sahaja memberi salam akan mengucapkan:*

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Maksudnya: ***"Ya Allah daku memohon kepadaMu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima."*** (HR Musnad Ahmad dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih Ibn Majah*)

14. Dari Juwairiah (salah seorang isteri Nabi SAW) RA, Nabi SAW pernah keluar dari sisinya pada awal pagi waktu Subuh pergi ke masjid, ketika itu Juwairiah berada di tempat solatnya. Kemudian baginda pulang setelah masuk waktu Dhuha, Juwairiah ketika itu masih duduk di tempat solatnya, lalu baginda bersabda: *"Kamu masih berada seperti keadaan ketika aku meninggalkan mu tadi?"* Beliau menjawab: *"Ya"*. Nabi SAW bersabda: *"Sesungguhnya tadi aku telah ucapkan empat kalimat sebanyak tiga kali |3x|, sekiranya kalimat itu ditimbang dengan apa yang kamu baca dari tadi, sudah tentu kalimat yang aku baca itu lebih berat", iaitulah:*

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرِضَا نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ، وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ

Maksudnya: “Maha Suci Allah dan dengan segala pujianNya sebanyak bilangan makhlukNya ¹⁶, seperti keredhaanNya ¹⁷, seberat timbangan arasyNya ¹⁸ dan sebanyak tinta tulisan kalimatNya.” (HR Muslim)

¹⁶ Tasbih dan Pujian yang layak kepada Allah SWT, yang tidak mampu dihitung dan dikira.

¹⁷ Tasbih dan Pujian yang menandakan keagungan dan kemuliaan Allah yang menyamai keredhaanNya SWT, iaitulah yang tidak ada penghujungnya

¹⁸ Hadis ini menetapkan adanya 'Arasy. Ia juga mengisyaratkan 'Arasy merupakan makhluk yang paling berat diciptakan oleh Allah SWT. Hal ini kerana jika ada makhluk lain yang lebih berat sudah tentu ia akan dijadikan timbangan tasbih di sini.

KELEBIHAN DAN KEBERKATAN WAKTU PAGI

1. Dari Abu Wail Syaqqiq bin Salamah al-Asadiy (أبي وائل شقيق بن سلمة البسدي) katanya: “Kami keluar menuju kepada Abdullah bin Mas’ud RA pada suatu pagi hari selepas selesai menunaikan solat Subuh, lalu kami memberi salam apabila sampai di pintu rumah beliau, lalu kami diberi keizinan untuk masuk. Kata beliau (Abu Wail) kami tetap menunggu di muka pintu seketika, lalu keluar seorang wanita (Jariah) dan berkata: **“Mengapa anda semua tidak masuk?”** Lalu kami pun masuk ke dalam rumah, ketika itu beliau (Abdullah bin Mas’ud) sedang duduk dan bertasbih, beliau berkata: **“Apa yang menghalang kamu semua dari masuk, sedangkan aku sudah mengizinkan masuk?”** Lalu kami menjawab: **“Tiada apa, melainkan kami menyangka sebahagian ahli keluarga anda sedang tidur.”** Jawab beliau: **“kamu semua menyangka sebahagian keluarga Ibn Ummi ‘Abd (keluarga Ibn Mas’ud) berada dalam keadaan lalai?”** Kemudian beliau terus bertasbih sehinggalah pada sangkaannya matahari telah terbit, lalu beliau berkata: **“Wahai Jariah, cuba lihat apakah matahari telah terbit?”** Lalu Jariah itu pun melihat ke luar, dan ternyata matahari masih belum terbit. Maka Abdullah bin Mas’ud terus bertasbih sehinggalah pada sangkaannya matahari telah terbit, lalu beliau berkata: **“Wahai Jariah, cuba lihat apakah matahari telah terbit?”** Lalu Jariah itu pun melihat ke luar, dan ternyata matahari telah terbit. Lalu beliau berkata:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَقَالَنَا يَوْمَنَا هَذَا وَلَمْ يَهْلِكْنَا بِذُنُوبِنَا

Maksudnya: “Segala pujian untuk Allah yang telah memaafkan kami pada hari ini dan tidak membinasakan kami disebabkan dosa-dosa kami.” (HR Muslim)

2. Selain itu thabit¹⁹ juga di dalam sunnah, bahawa Rasulullah SAW telah memohon kepada Allah SWT agar dianugerahkan keberkatan kepada umatnya di waktu pagi. Daripada Sakhr bin Wada'ah al-Ghamidiy (صخر بن وداعة الغامدي) RA, Rasulullah SAW bersabda:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لِمُتَيِّ فِي بُكُورِهَا

Maksudnya: “Ya Allah berkatilah ummatku di waktu awal pagi mereka.” Baginda SAW juga jika hendak mempersiapkan pasukan tentera, baginda mempersiapkan mereka pada awal pagi. sama halnya dengan sahabat Nabi SAW yang bernama Sakhr di atas. Beliau adalah seorang peniaga, beliau akan mengarahkan pekerja-perkerja untuk memulakan perniagaan pada waktu awal pagi. Ternyata beliau memperoleh kekayaan yang banyak. (Diriwayatkan di dalam *Sunan Abu Daud* dan *Sunan al-Tirmizi*)

3. Melihat kepada kedudukan waktu pagi, keberkatan dan kebaikan yang ada di dalamnya menyebabkan para ulama Salaf memakruhkan tidur pada waktu tersebut. Al-Imam Ibn Qayyim al-Jauziah berkata: *“Termasuk dalam perkara yang makruh di sisi para ulama salaf iaitulah tidur di antara selepas solat Subuh dan terbitnya matahari, kerana waktu itu adalah waktu ghanimah, sesiapa yang menempuh waktu ini untuknya pemberian yang besar, sekalipun mereka berjaga sepanjang malam, mereka tidak akan rela berdiam diri dari menempuh waktu ini sehinggalah terbitnya matahari. Kerana sesungguhnya waktu itu merupakan waktu awal siang hari dan anak kuncinya, waktu turunnya berbagai rezeki dan memperoleh pembahagian, dan waktu dianugerahkan keberkatan, dari waktu itu jugalah bermulanya siang, dan disandarkan hukum keseluruhan hari itu pada waktu tersebut, maka jika tidur pada waktu itu hendaklah tidur disebabkan terpaksa.”* (Lihat *Madarik al-Salikin* 1/459)

¹⁹ Sila lihat *Fiqh al-Ad'iyah wa al-Azkar* oleh al-Syeikh 'Abdul Razak bin 'Abdul Muhsin al-Badr

4. Diriwayatkan daripada ‘Abdullah bin ‘Abbas RA yang melihat salah seorang anaknya tidur pada waktu awal pagi, lalu beliau berkata:

فُمْ، أَتَنَامُ فِي السَّاعَةِ الَّتِي تُقَسَّمُ فِيهِ الْأَرْزَاقُ

Maksudnya: “Bangun! Apakah kamu tidur pada waktu dibahagikan beberapa rezeki?” (Zaad al-Ma’ad oleh Ibn al-Qayyim)

ZIKIR SEBELUM TIDUR

1. Membaca surah al-Ikhlâs, al-Falaq dan al-Nas. Daripada Ibu orang-orang beriman, 'Aisyah RA katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا أَوَى إِلَى فِرَاشِهِ كُلَّ لَيْلَةٍ جَمَعَ كَفْيَهُ ثُمَّ نَفَثَ فِيهِمَا، فَقَرَأَ:

Maksudnya: “Bahawa Nabi SAW, apabila mendatangi tempat tidur baginda pada setiap malam²⁰, baginda akan menghimpunkan dua telapak tangan²¹ dan menghembus²² ke dalam kedua-duanya membaca surah:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿٢﴾

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿٣﴾

Kemudian baginda menyapu kedua-dua belah tangan ke bahagian tubuh badan baginda yang mampu dicapai, baginda memulakan bahagian kepala, muka dan bahagian hadapan tubuh baginda²³, **baginda melakukannya sebanyak tiga kali.**” (HR al-Bukhari dan Muslim)

Amalan ini antara tujuannya agar terpelihara dengan izin Allah dari setiap keburukan, kemudharatan dan perkara yang tidak disukai. Terutamanya ketika tidur manusia tidak tahu apa yang akan berlaku

²⁰ Menunjukkan baginda benar-benar memelihara amalan ini untuk dilakukan pada setiap malam.

²¹ Seperti sedang berdoa dalam keadaan kedua-dua telapak tangan terbuka dan menghadap ke arah muka, agar memungkinkan ditiup selepas itu.

²² Yang dimaksudkan dengan menghembus di sini ialah hembusan beserta sedikit air liur.

²³ Kata al-Syeikh 'Abdul Razzaq bin 'Abd al-Muhsin al-Badr: "Ia merupakan satu penerangan bahawa berdasarkan Sunnah, hendaklah seseorang muslim memulakan sapuan pada bahagian tertinggi tubuhnya, maka disapu pada bahagian kepala, muka dan bahagian hadapan tubuh, kemudian sampai ke bahagian belakang tubuh." (Fiqh al-Ad'iyyah wa al-Azkar, bah: 3, hal: 51)

kepadanya. Keadaan ini menuntut setiap muslim bersungguh-sungguh berusaha membiasakan diri dengan amalan sunnah ini bagi memperoleh perlindungan dan pengawasan dari Allah SWT. Kerana itu baginda SAW tidak meninggalkan amalan ini untuk dilakukan sebelum tidur. Bahkan kesungguhan baginda memelihara amalan ini tergambar dalam riwayat 'Aisyah RA yang berkata: *"Ketikamana baginda SAW jatuh sakit, baginda mengarahkan daku untuk melakukan perkara tersebut kepada baginda."* (HR al-Bukhari)

Perhatian: Perbuatan menyapu muka dan badan selepas membaca dan menghembus sesuatu hanyalah khusus untuk amalan dan kedudukan ini sahaja. Tidak boleh diluaskan pengamalannya kepada zikir-zikir dan doa-doa lain kerana tidak terdapat walau satu hadis yang menganjurkan perbuatan tersebut di tempat yang lain. Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah berkata:

40

"Adapun baginda menyapu muka dengan kedua belah tangan, tiada dari baginda perbuatan tersebut melainkan satu atau dua hadis sahaja. Tidak boleh dengan satu atau dua hadis ini untuk dijadikan hujjah (dilakukan amalan yang sama di tempat yang lain.)" (Majmu' al-Fatawa: 12/519)

2. Membaca ayat al-Kursi²⁴, iaitulah:

اَللّٰهُ لَا اِلَهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ
مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَّلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ
مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَّلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهٗمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ
الْعَظِيْمُ

²⁴ HR al-Bukhari

3. Membaca surah **al-Kafirun**, berdasarkan hadis daripada Farwah bin Naufal al- Asyja'ie daripada bapanya RA yang berkata: "Nabi SAW menyerahkan anak perempuan Ummu Salamah kepadaku dan berkata: "Engkau bapa susuan kepada anak ini." Katanya: Beberapa lama selepas itu, aku datang bertemu baginda dan baginda bertanya: "Apakah yang dilakukan oleh budak perempuan itu." Jawab beliau: "Dia ada bersama ibunya." Baginda bertanya: "Apakah tujuan kamu datang hari ini?" aku menjawab: "Agar tuan ajarkan kepada saya bacaan sebelum tidur." Sabda Nabi SAW: "Bacalah surah al- Kafirun, kemudian tidurlah setelah habis membacanya, sesungguhnya surah itu pelepasan diri dari kesyirikan." (HR Ahmad di dalam al-Musnad dan dinilai sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Targhib.)
4. Terdapat kelebihan membaca dua ayat akhir dari surah al-Baqarah pada setiap malam. Perkara ini berdasarkan hadis daripada Abi Mas'ud RA, Rasulullah SAW bersabda:

41

مَنْ قَرَأَ بِالْآيَتَيْنِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ فِي لَيْلَةٍ كَفَّتَهُ

Maksudnya: "Sesiapa yang membaca dua ayat terakhir surah al-Baqarah pada setiap malam, kedua-dua ayat itu telah memadamai untuknya."²⁵ (HR al-Bukhari dan Muslim). Ayat tersebut ialah:

ءَاَمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَاَمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ
وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ
رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٥٥﴾ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا
مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تَأْخُذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إَصْرًا

²⁵ Maksud "Kedua-dua ayat itu telah memadamai untuknya" ialah memadamai untuk pembacanya dari kejahatan yang menyakitinya. Sila lihat *al-Wabil al-Sayyib* oleh Ibn al-Qayyim.

كَمَا حَمَلْتُهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ

عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Maksudnya: "Rasul telah beriman kepada Al Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (mereka mengatakan): "Kami tidak membedakan antara seseorangpun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya", dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan Kami taat." (mereka berdoa): "Ampunilah Kami Ya Tuhan Kami dan kepada Engkaulah tempat kembali. Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (mereka berdoa): "Ya Tuhan Kami, janganlah Engkau hukum Kami jika Kami lupa atau Kami tersalah.²⁶ Ya Tuhan Kami, janganlah Engkau bebankan kepada Kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan Kami, janganlah Engkau pikulkan kepada Kami apa yang tak sanggup Kami memikulnya. Beri ma'aflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah penolong Kami, Maka tolonglah Kami terhadap kaum yang kafir." (al-Baqarah: 285-286)

5. Daripada al-Barra bin 'Azib RA yang berkata: Rasulullah SAW pernah bersabda kepadaku: "Jika kamu mendatangi tempat tidurmu, berwudhu'lah seperti wudhu' untuk solat, setelah itu baringlah di atas rusuk kananmu dan membaca:

²⁶ Nabi SAW memberitahu Allah SWT menjawab: "Telah aku laksanakan" sebagai menjawab permohonan supaya tidak dikenakan balasan di atas kesalahan yang dilakukan kerana terlupa atau tersalah. Di dalam Sahih Muslim hadis dari Abu Hurairah RA, Nabi SAW memberitahu, Allah berfirman: "Ya", iaitu memperkenankan permohonan: رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا sehingga ke akhir ayat.

اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسَلَمْتُ نَفْسِیْ اِلَیْكَ، وَوَجَّهْتُ وَجْهَیْ اِلَیْكَ، وَفَوَّضْتُ اَمْرِیْ اِلَیْكَ،
وَالْجَاؤُ ظَهْرِیْ اِلَیْكَ، رَغْبَةً وَرَهْبَةً اِلَیْكَ، لَا مَلْجَا وَلَا مَنَاجَا مِنْكَ اِلَّا اِلَیْكَ، اَمَنْتُ
بِكِتَابِكَ الَّذِیْ اَنْزَلْتَ وَبِنَبِیِّكَ الَّذِیْ اَرْسَلْتَ.

Maksudnya: "Ya Allah, aku menyerahkan diriku kepadaMu, aku menghadapkan wajahku kepadaMu, aku menyerahkan semua urusanku kepadaMu, aku menyandarkan belakangku kepada (pemeliharaan) Mu, kerana mengharapakan kelebihanMu yang luas dan nikmatMu yang agung, dan berindung dari kemurkaanMu. Tidak ada tempat perlindungan dan keselamatan dari (kemurkaan)Mu, kecuali kembali kepadaMu. Aku beriman pada kitab yang telah Engkau turunkan, dan kepada NabiMu yang telah Engkau utuskan. Jika kamu meninggal dunia (di waktu tidur), maka kamu meninggal dunia dalam keadaan fitrah (agama Islam), maka jadikanlah ungkapan ini akhir perkataan kamu (sebelum tidur). Maka aku mengulangi membaca doa ini untuk mengingatnya, aku menyebut: اَمَنْتُ بِرِسُوْلِكَ الَّذِیْ اَرْسَلْتَ (sedangkan tadi baginda membaca: اَمَنْتُ بِرِسُوْلِكَ الَّذِیْ اَرْسَلْتَ), Nabi bersabda: "Tidak,²⁷ (kekalkan dengan membaca: اَمَنْتُ بِرِسُوْلِكَ الَّذِیْ اَرْسَلْتَ)." (HR al-Bukhari dan Muslim)

43

6. Daripada Huzafah bin al-Yaman RA yang berkata: "Nabi SAW apabila hendak tidur akan mengucapkan:

بِسْمِكَ اَللّٰهُمَّ اَمُوْتُ وَاَحْيَا

Maksudnya: "Dengan NamaMu ya Allah, aku tidur (dimatikan) dan jaga (dihidupkan)." Apabila baginda bangun dari tidur membaca:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِیْ اَحْيَاَنَا بَعْدَ مَا اَمَاتَنَا وَاِلَیْهِ التَّسْوُرُ

²⁷ Larangan Nabi SAW dari diubah lafaz zikir ini dari perkataan Nabi kepada Rasul menunjukkan an pentingnya berpada dengan lafaz yang diajar oleh baginda.

Maksudnya: ***“Segala pujian adalah untuk Allah, Yang telah menghidupkan kami setelah menidurkan kami, dan kepadaNya kami akan dikembalikan (pada hari kiamat).”*** (HR Muslim)

7. Daripada al-Barra bin ‘Azib RA katanya: *“Dahulunya Nabi SAW apabila hendak tidur, baginda akan meletakkan tangan di bawah pipi kanan baginda dan mengucapkan:*

اللَّهُمَّ قِنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ

Maksudnya: *“Ya Allah, lindungi daku dari azabMu, pada hari Engkau menghimpunkan hamba-hambaMu.”* (HR al-Bukhari di dalam *al-Adab al-Mufrad*. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Adab al-Mufrad*)

8. Daripada Abu Hurairah RA katanya, Nabi SAW bersabda: *“Jika seseorang daripada kamu mendatangi tempat tidurnya, maka hendaklah dia melibas tempat tidurnya dengan hujung kainnya, kerana dia tidak tahu apa yang berada di atasnya, kemudian hendaklah dia membaca:*

بِسْمِكَ رَبِّي وَضَعْتُ جَنْبِي، وَبِكَ أَرْفَعُهُ، إِنَّ أَمْسَكْتَ نَفْسِي فَارْحَمْهَا، وَإِنْ أَرْسَلْتَهَا فَاحْفَظْهَا بِمَا تَحْفَظُ بِهِ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya: *“Dengan namaMu wahai Tuhanku, daku meletakkan rusukku, dan denganMu juga daku mengangkatnya (semula nanti), jika Dikau mengambil jiwaku, maka rahmatilah dia. Jika Dikau biarkan dia terus hidup, maka peliharalah dia sepertimana Dikau memelihara hamba-hambaMu yang saleh.”* (HR al-Bukhari dan Muslim)

9. Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar RA, yang pernah menyuruh seorang lelaki sebelum tidur untuk membaca:

اللَّهُمَّ خَلَقْتَ نَفْسِي، وَأَنْتَ تَوْفَّأَهَا، لَكَ مَمَاتُهَا وَمَحْيَاهَا، إِنَّ أَحْيَيْتَهَا فَاحْفَظْهَا، وَإِنْ أَمَمْتُهَا فَاغْفِرْ لَهَا، اللَّهُمَّ أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ

Maksudnya: ***“Ya Allah, Engkau telah menciptakan diriku, dan Engkaulah yang akan mematikannya, di bawah kuasa dan urusanMu mati dan hidupnya, jika Engkau membiarkan dia hidup, maka peliharalah ia, jika Engkau mematikannya, maka berilah keampunan kepadanya. Ya Allah daku memohon dariMu ‘afiah. Lalu lelaki itu bertanya kepada ‘Abdullah bin ‘Umar, apakah anda mendengar kalimah ini dari ‘Umar? Jawab beliau: Aku mendengarnya dari orang yang lebih baik dari ‘Umar iaitulah dari Rasulullah SAW.”*** (HR Muslim)

10. Daripada Anas bin Malik RA, katanya: “ Rasulullah SAW apabila mendatangi tempat tidur akan membaca:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَطْعَمَنَا وَسَقَانَا، وَكَفَانَا وَاَوَانَا، فَكَمْ مِمَّنْ لَا كَافِيَ لَهُ وَلَا مُؤْوِي

Maksudnya: ***“Segala pujian adalah untuk Allah yang telah memberi makan dan minum kepada kami, mencukupkan kami (dengan melindungi dari sebarang keburukan) dan memberi tempat tinggal kepada kami, berapa ramai yang tidak memperoleh kecukupan dan tempat perlindungan.”*** (HR Muslim)

45

11. Dari Abu Hurairah RA katanya: “Rasulullah SAW menyuruh kami, apabila hendak tidur membaca:

اَللّٰهُمَّ رَبَّ السَّمَاوَاتِ، وَرَبَّ الْاَرْضِ، وَرَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيْمِ، رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ،
فَالِقِ الْحَبِّ وَالنَّوَى، وَمُنْزِلِ التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيْلِ وَالْفُرْقَانِ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ
دَايَّةٍ اَنْتَ اَخِذُ بِنَاصِيَتِهَا. اَللّٰهُمَّ اَنْتَ الْاَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ، وَاَنْتَ الْاٰخِرُ فَلَيْسَ
بَعْدَكَ شَيْءٌ، وَاَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ شَيْءٌ، وَاَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُوْنَكَ شَيْءٌ،
اِقْضِ عَنَّا الدِّيْنَ وَاَغْنِنَا مِنَ الْفَقْرِ.

Maksudnya: ***“Ya Allah Tuhan kepada Arasy yang agung, Tuhan kami semua dan tuhan setiap sesuatu, tuhan yang membelah benih tumbuhan dan bijian buah, Tuhan yang menurunkan kitab al-Taurat, al-Injil dan al-Furqan (al- Quran). Daku memohon perlindungan denganMu dari kejahatan setiap yang melata, Engkau yang menguasai ubun-ubunnya, Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Awal, dan tiada sesuatupun sebelumMu, Engkaulah Tuhan Yang Maha Akhir dan tiada sesuatu selepas dariMu, Engkaulah Tuhan Yang Maha Tinggi, tiada yang lebih tinggi dariMu, Engkaulah Yang Maha Dekat, tiada yang lebih dekat berbandingMu, Langsaikanlah hutang kami (hutang dengan Allah dan manusia) dan bebaskanlah kami dari kefakiran.”*** (HR Muslim)

12. Dari Anas bin Malik RA yang berkata: ***“Bahawa Rasulullah SAW apabila hendak tidur, baginda membaca:***

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَطْعَمَنَا وَسَقَانَا، وَكَفَانَا وَاَوَانَا، فَكَمْ مِمَّنْ لَا كَافِيَ لَهُ وَلَا مُؤْوِيْ

46

Maksudnya: ***“Segala pujian untuk Allah yang telah memberi makan, minum, mencukupkan kami, dan memberi tempat berteduh (tempat tinggal) kepada kami. Maka berapa ramai yang tidak mempunyai siapa yang memberi kecukupan dan tempat tinggal kepadanya.”*** (HR Muslim)

13. Dari ‘Ali bin Abi Tolib RA, menceritakan tentang Fatimah binti Rasulullah SAW (Isteri beliau) datang menemui Nabi SAW dan meminta seorang khadam, lalu baginda menjawab:

اَلَا اَخْبِرُكَ مَا هُوَ خَيْرٌ لِّكَ مِنْهُ، تُسَبِّحُ اللّٰهَ عِنْدَ مَنَامِكَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِيْنَ، وَتَحْمَدِيْنِ اللّٰهَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِيْنَ، وَتُكَبِّرِيْنَ اللّٰهَ اَرْبَعًا وَثَلَاثِيْنَ

Maksudnya: ***“Mahukah kamu aku beritahukan kepadamu suatu yang lebih baik dari seorang khadam? Iaitulah dengan kamu bertasbih sebelum tidur sebanyak 33 kali, bertahmid 33 kali dan bertakbir 34 kali.”***

*Kata 'Ali: "Maka aku tidak meninggalkan amalan tersebut selepas dari itu."
Lalu ditanya kepada beliau: "Sekalipun ketika malam peristiwa (peperangan)
Siffin?" Beliau menjawab: "Sekalipun pada malam peristiwa Siffin." (HR al-
Bukhari dan Muslim)*

ZIKIR BANGUN TIDUR

1. Dari 'Ubadah bin al-Somit RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ تَعَارَّ مِنَ اللَّيْلِ فَقَالَ:

Maksudnya: "Sesiapa yang terjaga dari tidur malam, lalu membaca:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ،
الْحَمْدُ لِلَّهِ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

"Tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Esa, tidak ada sekutu baginya, bagiNya kekuasaan, dan baginya segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa ke atas setiap sesuatu, segala pujian bagi Allah dan Maha Suci Allah, dan tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan Allah Maha Besar, dan tiada keupayaan dan kekuatan melainkan Allah." Kemudian membaca:

اغْفِرْ لِي يَا اللَّهُمَّ (Ya Allah, ampunilah daku) – atau berdoa (dengan doa yang lain) dan akan diperkenankan permohonannya. Sekiranya dia berwudhu', akan diterima solatnya." (HR al- Bukhari)

2. Dari Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda: "Apabila seseorang kamu bangun dari tidur, maka hendaklah dia membaca:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَاقَانِي فِي جَسَدِي وَرَدَّ عَلَيَّ رُوحِي، وَأَذِنَ لِي بِذِكْرِهِ

Maksudnya: "Segala pujian milik Allah yang telah memberi kesihatan pada tubuh badanku, dan mengembalikan kepadaku nyawaku, dan mengizinkan daku mengingatiNya." (HR al-Tirmizi. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam Sahih al- Jami')

DOA KETIKA BANGUN TERKEJUT ATAU KETAKUTAN KETIKA TIDUR

1. Dari 'Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash RA, Rasulullah SAW bersabda:
"Apabila seseorang terkejut jaga dari tidur maka hendaklah dia membaca:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ غَضَبِهِ وَعِقَابِهِ، وَشَرِّ عِبَادِهِ، وَمِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ
وَأَنْ يَحْضُرُونِ

Maksudnya: *"Daku memohon perlindungan dengan kalimat Allah yang sempurna dari kemurkaan dan balasanNya, dari kejahatan hamba-hambaNya dan dari bisikan-bisikan syaitan dan kehadiran mereka. Maka syaitan tidak akan dapat memudharatkannya"* (Abu Daud, al-Tirmizi. Dinilai Hasan oleh al- Albani di dalam Sahih al-Jami')

ZIKIR KETIKA MELIHAT SESUATU YANG BAIK ATAU BURUK DI DALAM TIDUR

1. Dari Sa'id al-Khudriy RA, bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا رَأَى أَحَدُكُمْ رُؤْيَا يُحِبُّهَا فَإِنَّمَا هِيَ مِنَ اللَّهِ فَلْيَحْمَدُ اللَّهَ عَلَيْهَا وَلْيُحَدِّثْ بِهَا وَإِذَا رَأَى غَيْرَ ذَلِكَ مِمَّا يَكْرَهُ فَإِنَّمَا هِيَ مِنَ الشَّيْطَانِ فَلْيَسْتَعِذْ مِنْ شَرِّهَا وَلَا يَذْكُرْهَا لِأَخِي فَإِنَّهَا لَا تَضُرُّهُ

Maksudnya: "Apabila seseorang dari kamu bermimpi sesuatu yang disukainya, maka perkara itu adalah dari Allah, maka bertahmidlah kepada Allah, dan ceritakanlah perkara tersebut. Jika dia melihat sesuatu yang tidak disukainya, perkara itu adalah dari syaitan, maka mohonlah perlindungan dari kejahatannya (kejahatan mimpi), dan jangan diceritakan kepada seseorangpun, kerana sesungguhnya mimpi itu tidak dapat mendatangkan mudharat kepadanya." (HR al-Bukhari)

2. Dari Abu Salamah, katanya:

لَقَدْ كُنْتُ أَرَى الرُّؤْيَا فَتَمْرَضُنِي حَتَّى سَمِعْتُ أَبَا قَتَادَةَ يَقُولُ وَأَنَا كُنْتُ لَأَرَى الرُّؤْيَا تَمْرَضُنِي حَتَّى سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الرُّؤْيَا الْحَسَنَةُ مِنَ اللَّهِ فَإِذَا رَأَى أَحَدُكُمْ مَا يُحِبُّ فَلَا يُحَدِّثْ بِهِ إِلَّا مَنْ يُحِبُّ، وَإِذَا رَأَى مَا يَكْرَهُ فَلْيَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّهَا وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَلْيَتَنَفَّلْ ثَلَاثًا وَلَا يُحَدِّثْ بِهَا أَحَدًا فَإِنَّهَا لَنْ تَضُرَّهُ

Maksudnya: "Sesungguhnya aku pernah bermimpi suatu yang tidak elok, sehingga menyebabkan aku jatuh sakit, sehinggalah aku mendengar Abu Qatadah berkata: "Aku juga sebelum ini pernah bermimpi buruk sehingga menyebabkan aku jatuh sakit. Lalu aku mendengar Nabi SAW bersabda: Mimpi yang baik itu dari Allah, oleh yang demikian jika seseorang dari

kamu bermimpi sesuatu yang disukainya, maka jangan dia menceritakannya melainkan kepada sesiapa yang dia suka. Dan jika dia bermimpi sesuatu yang tidak disukainya, maka hendaklah dia meminta perlindungan dengan Allah dari kejahatan mimpi dan syaitan, dan meludah (meludah angin tanpa air liur) tiga kali, dan jangan dia menceritakannya kerana ia tidak akan memudharatkannya.” (HR al-Bukhari dan Muslim)

3. Dari Jabir RA pula, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا رَأَى أَحَدُكُمْ الرُّؤْيَا يَكْرَهُهَا فَلْيَبْصُقْ عَنْ يَسَارِهِ ثَلَاثًا، وَلْيَسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنْ الشَّيْطَانِ ثَلَاثًا، وَلْيَتَحَوَّلْ عَنْ جَنْبِهِ الَّذِي كَانَ عَلَيْهِ.

Maksudnya: “Jika seseorang dari kamu semua bermimpi suatu yang dibencinya, maka hendaklah dia meludah (meludah angin tanpa air liur) ke sebelah kirinya tiga kali, dan meminta perlindungan dengan Allah daripada syaitan tiga kali, **dan hendaklah dia berubah dari rusuk yang dia berada ketika itu.**” (HR Muslim)

ZIKIR KELUAR RUMAH

Sunnah Nabi SAW telah menyenaraikan beberapa doa dan zikir yang dipenuhi keberkatan untuk diucapkan oleh seseorang muslim ketika keluar dari rumah. Doa dan zikir tersebut berperan mendatangkan pemeliharaan dari Allah SWT, dicukupkan setiap keperluannya, dilindungi dari sebarang keburukan dan diberi petunjuk ke jalan yang lurus dan benar. Zikir dan doa tersebut sebahagiannya adalah seperti berikut:

1. Dari Anas bin Malik RA, Nabi SAW bersabda: *"Apabila seseorang kamu keluar dari rumahnya, maka hendaklah dia membaca:*

بِسْمِ اللَّهِ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Maksudnya: ***"Dengan nama Allah, daku bertawakkal kepada Allah, tiada keupayaan dan kekuatan melainkan dengan Allah."*** Baginda seterusnya bersabda: *"Dikatakan ketika itu: "Engkau telah diberi petunjuk, diberi kecukupan dan diberi pemeliharaan, lalu syaitan menjauhinya dan berkata syaitan yang lain: "Bagaimana kamu (mampu memesongkan) seorang lelaki yang telah diberi hidayah, diberi kecukupan dan perlindungan?" (HR Abu Daud dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami')*

2. Dari Umm Salamah RA katanya: *"Rasulullah SAW tidak pernah keluar dari rumah baginda sama sekali melainkan baginda akan mengangkat pandangannya ke langit dan membaca:*

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُبِكَ اَنْ اَضِلَّ اَوْ اُضَلَّ، اَوْ اَزِلَّ اَوْ اُزَلَّ، اَوْ اُظْلِمَ اَوْ اُظْلَمَ، اَوْ اَجْهَلَ اَوْ يُجْهَلَ عَلَيَّ

Maksudnya: ***"Ya Allah, sesungguhnya daku berindung denganMu dari tersesat atau disesatkan, atau dari tergelincir atau digelincirkan, atau menzalimi atau dizalimi, atau daku melakukan perbuatan orang bodoh atau daku dibodohkan."*** (HR Abu Daud dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Ibn Majah)

ZIKIR MASUK RUMAH

Kebanyakan zikir yang digalakkan untuk dibaca apabila masuk ke dalam rumah ialah membaca Basmalah, memperbanyakkan berzikir kepada Allah dan memberi salam sama ada terdapat orang di dalam rumah ataupun tiada. Hadis- hadis tersebut adalah seperti di bawah:

1. Dari Jabir bin 'Abdillah RA yang mendengar Nabi SAW bersabda: *"Apabila seseorang dari kamu masuk ke dalam rumahnya, lalu menyebut nama Allah ketika memasukinya dan ketika hendak makan, berkata syaitan: "Tiada tempat bermalam dan tiada makan malam untuk kamu semua (para syaitan)." Dan apabila seseorang masuk ke dalam rumahnya tidak menyebut nama Allah ketika memasukinya, maka berkata syaitan: "Kamu semua (para syaitan) telah mendapat tempat bermalam." Jika dia tidak menyebut nama Allah ketika hendak makan, berkata pula syaitan: "Kamu semua telah mendapati tempat bermalam dan makan malam." (HR Muslim)*
2. Digalakkan memberi salam sebelum masuk ke dalam rumah, tidak kira sama ada rumah sendiri atau rumah orang lain, sama ada berpenghuni ataupun tidak. Allah SWT berfirman:

فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ تَحِيَّةٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبْرَكَةٌ طَيِّبَةٌ ﴿٦١﴾

Maksudnya: "...Maka apabila kamu memasuki mana-mana rumah, berilah salam ke atas sesama kamu sebagai penghormatan yang disyariatkan oleh Allah, yang diberkati (mengandung keselamatan, rahmat dan keberkatan) lagi baik..." (al-Nur: 61)

Perkataan السلام عليكم ketika memasuki rumah memiliki keberkatan ke atas seseorang insan dan ahli keluarganya seperti yang ditunjukkan di dalam ayat yang lalu (al-Nur: 61). Di dalam kitab Sunan al-Tirmizi, dari Anas RA yang berkata: "Rasulullah SAW berkata kepadaku:

يا بني، إذا دخلت على أهلك م، تكن بركة فسل عليك وعلى أهل بيتك

Maksudnya: "Wahai anakku, jika kamu memasuki (rumah) menemui ahli keluarga kamu, berikanlah salam, ia menjadi keberkatan ke atas kamu dan ke atas ahli keluarga kamu." (al-Tirmizi. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Targhib*)

ADAB DAN ZIKIR-ZIKIR MEMASUKI TANDAS

1. Disunatkan sebelum masuk ke dalam tandas untuk membaca:

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ

Maksudnya: “Dengan nama Allah, Ya Allah sesungguhnya daku berindung denganMu dari syaitan jantan dan betina.” (HR al-Bukhari dan Muslim dari Anas bin Malik tanpa ada bacaan بِسْمِ اللَّهِ di awal) Tambahan lafaz بِسْمِ اللَّهِ di awal bacaan sebelum memasuki tandas terdapat di dalam sebahagian riwayat hadis lain. Al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani RH berkata: “al-‘Umari telah meriwayatkan hadis ini dari jalan ‘Abd al-‘Aziz bin al-Mukhtar, daripada ‘Abd al-‘Aziz bin Suhaib dengan lafaz perintah:

إِذَا دَخَلْتُمُ الْخَلَاءَ فَقُولُوا

Maksudnya: “Apabila kamu memasuki tandas, maka bacalah:

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ

Seterusnya al-Hafiz berkata: “Isnad hadis ini berdasarkan syarat Muslim.” (Fath al-Bari: 1/244)

Riwayat ini juga disokong dengan hadis riwayat Ibn Majah dan selainnya dari ‘Ali RA secara Marfu’:

سِتْرُ مَا بَيْنَ الْجَنِّ وَعَوْرَاتِ بَنِي آدَمَ إِذَا دَخَلَ الْخَلَاءَ أَنْ يَقُولَ: بِسْمِ اللَّهِ

Maksudnya: “Pelindung antara jin dan aurat anak Adam apabila masuk ke dalam tandas, ialah dengan dia membaca; بِسْمِ اللَّهِ.” (HR Ibn Majah. Kata al-Syeikh ‘Abd al-Razak bin ‘Abd al-Muhsin al-Badr: “Hadis ini Sahih dengan himpunan jalan-jalannya.” Lihat juga Irwa’ al-Ghalil oleh al-Albani)

2. Menjauhi dari pandangan orang lain. Daripada al-Mughirah bin Syu'bah: *"Bahawasanya Nabi SAW apabila hendak menunaikan hajat, baginda akan pergi jauh sehingga tidak kelihatan oleh seseorang."* (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih Abi Daud*)
3. Tidak menyingkap pakaian, melainkan setelah menghampiri tanah berdasarkan riwayat daripada Ibn 'Umar RA: *"Bahawa Nabi SAW apabila hendak menunaikan hajat, baginda tidak akan menyingkap pakaian baginda melainkan setelah menghampiri tanah."* (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al- Albani di dalam *al-Silsilah al-Sahihah*)
4. Menjauhi buang air di laluan orang ramai. Dari Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: *"Takutlah kamu semua dari dua sebab mendapat laknat. Para sahabat bertanya: Apakah dua sebab mendapat laknat itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: "Iaitulah orang yang membuang najisnya di jalan orang ramai atau tempat mereka berteduh."* (HR Muslim)
5. Tidak menghadap atau membelakangi Kiblat dan tidak mensucikan najis dengan tangan kanan. Demikian juga, jika beristinja, tidak mengurangkan bilangan sapuan istinja kurang dari tiga kali dan tidak beristinja menggunakan najis kering dan tulang. Dari Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: *"Sesungguhnya daku bagaikan seorang bapa yang mengajar kamu semua. Maka jika seseorang daripada kamu sedang menunaikan hajatnya (buang air), janganlah dia menghadap ke kiblat atau membelakanginya, dan jangan juga dia bersuci dengan menggunakan tangan kanannya, baginda juga mengarahkan beristinja dengan tiga ketul batu dan melarang menggunakan najis kering."* (HR Abu Daud. Dinilai hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)
6. Berjaga-jaga dari terkena percikan najis sama ada pada pakaian atau tubuh badan. Daripada Ibn 'Abbas RA katanya: Rasulullah SAW pernah lalu berhampiran dua buah kubur, lalu baginda bersabda:

"Adapun kedua-dua penghuni kubur ini sedang diazab. Tidaklah mereka diazab kerana perkara yang besar (untuk ditinggalkan). Iaitulah salah seorangnya suka menyampaikan namimah. Manakala seorang lagi tidak membersihkan diri dari air kecilnya." (HR al-Bukhari dan Muslim)

7. Tidak berkata-kata ketika membuang air, demikian juga tidak menyibukkan diri dengan zikir dan doa. Hal ini demikian kerana Nabi SAW tidak menjawab salam yang diberikan kepada beliau ketika membuang air,²⁸ sedangkan salam adalah termasuk di dalam zikir dan doa.
8. Adapun bacaan ketika keluar dari tandas, berdasarkan hadis dari 'Aisyah RA yang berkata: *"Adalah Nabi SAW, apabila keluar dari tandas baginda membaca:*

غُفْرَانَكَ

Maksudnya: *"KeampunanMu."*²⁹ (HR Ahmad, Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibn Majah. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

²⁸ Berdasarkan hadis riwayat Muslim di dalam Sahihnya.

²⁹ Dikatakan permohonan ampun ketika keluar dari tandas kerana bimbang berkurang dalam bersyukur kepada Allah di atas nikmat yang dikurniakan terdiri dari kurniaan makanan, penghadaman seterusnya memudahkan pembuangan najis.

DOA WUDHU'

1. Dari Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَا وُضُوءَ لَهُ، وَلَا وُضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرِ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ

Maksudnya: "Tiada solat bagi orang yang tidak berwudhu', dan tiada wudhu' bagi orang yang tidak membaca bismillah." (HR Ahmad, Abu Daud dan Ibn Majah. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *al-Irwa'*)

Perlu diperhatikan juga bahawa tidak ada sebarang doa khusus ketika membasuh setiap anggota wudhu'. Al-Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah berkata:

Maksudnya: "Adapun zikir-zikir yang dibaca oleh orang ramai ketika membasuh setiap anggota wudhu', maka ia tidak ada asal-usulnya dari Rasulullah SAW, tidak juga dari salah seorang para Sahabat, al-Tabi'ien dan para imam Mazhab yang empat. Tentangnya ada satu hadis yang didustakan atas Nabi SAW." (*al- Wabil al-Sayyib*, hal: 316)

2. Selesai berwudhu' disunatkan membaca doa berdasarkan riwayat dari 'Uqbah bin 'Amir yang berkata:

Maksudnya: "Dahulu kami ada giliran menjaga unta, apabila datang giliranku, aku mengembalikan unta-unta tersebut ke kandangnya pada akhir siang (waktu petang). Setelah itu aku pergi kepada Nabi SAW, dan aku dapati baginda sedang berdiri berbicara kepada orang ramai, aku dapati dari perkataan baginda ialah: Tiada seorang muslim yang berwudhu' dan memperelokkan wudhu'nya, kemudian berdiri dan menunaikan solat sunat dua rakaat dengan dihadirkan jantung hati dan wajahnya, melainkan akan dimasukkannya ke dalam syurga. Kata 'Uqbah: Lalu aku berkata: Alangkah baik (hebat) perkara ini. Tiba-tiba seseorang di hadapanku berkata: Yang sebelumnya adalah lebih baik (hebat). Lalu aku melihat orang itu, rupanya beliau adalah 'Umar RA, lalu 'Umar

berkata: Sesungguhnya aku melihat ketika engkau datang sebentar tadi, sebelum itu (sebelum kehadiranmu), baginda bersabda: Tiada seorang dari kalanganmu yang berwudhu', dan memperelokkan wudhu'-nya, kemudian membaca:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ

Melainkan dibuka untuknya kelapan-lapan pintu Syurga, dia boleh memasukinya dari mana-mana pintu yang dia mahu.” (HR Muslim)

Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi terdapat tambahan selepas mengucapkan dua kalimah Syahadah di atas dengan membaca:

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: **“Ya Allah, jadikan daku dari kalangan orang-orang yang bertaubat, dan jadikan daku dari kalangan orang-orang yang mensucikan diri.”** (HR al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Tirmizi)

Selain itu boleh juga dibaca doa yang diriwayatkan dari Abu Sa'id al-Khudri RA yang berkata, Nabi SAW bersabda: **“Sesiapa yang berwudhu', selepas itu membaca:**

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

Maksudnya: **“Maha Suci Engkau Ya Allah dan dengan segala pujian untukMu, tidak ada tuhan melainkan Allah, daku memohon keampunan dariMu dan daku bertaubat kepadaMU.”** Dicit di atas lembaran kemudian dicop (tidak dibuka sehingga hari kiamat). (al-Mustadrak. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam al-Silsilah al-Sahihah)

ZIKIR MENUJU KE MASJID

1. Dari 'Abdullah bin 'Abbas RA, Nabi SAW keluar menuju ke masjid untuk menunaikan solat membaca:

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ فِيْ قَلْبِيْ نُوْرًا، وَفِيْ لِسَانِيْ نُوْرًا، وَاجْعَلْ فِيْ سَمْعِيْ نُوْرًا، وَاجْعَلْ فِيْ
بَصَرِيْ نُوْرًا، وَاجْعَلْ مِنْ خَلْفِيْ نُوْرًا، وَمِنْ اَمَامِيْ نُوْرًا، وَاجْعَلْ مِنْ فَوْقِيْ نُوْرًا،
وَمِنْ تَحْتِيْ نُوْرًا، اَللّٰهُمَّ اَعْطِنِيْ نُوْرًا.

Maksudnya: **"Ya Allah jadikanlah cahaya di hatiku, cahaya di lidahku, dan jadikan juga cahaya di pendengaranku, dan jadikan cahaya di penglihatan-ku, dan jadikan cahaya di belakangku, dan cahaya di hadapanku, dan jadikan cahaya di atasku, dan di bawahku cahaya. Ya Allah berikan kepadaku cahaya."** (HR Muslim)

60

2. Ketika masuk ke dalam masjid membaca doa yang diriwayatkan dari Anas bin Malik RA yang berkata: *"Dahulunya Rasulullah SAW, apabila masuk ke dalam masjid, baginda membaca:*

بِسْمِ اللّٰهِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ

Maksudnya: **"Dengan nama Allah, Ya Allah berselawatlah ke atas (Nabi) Muhammad."** Apabila baginda keluar, baginda akan membaca (seperti bacaan di atas)³⁰:

بِسْمِ اللّٰهِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ

3. Dari Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda: *"Apabila seseorang daripada kamu memasuki masjid, hendaklah dia mengucapkan salam ke atas Nabi SAW, dan membaca:*

اَللّٰهُمَّ افْتَحْ لِيْ اَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

³⁰ Riwayat Ibn al-Sunniy di dalam 'Amal al-Yaum wa al-Lailah, dengan Sanad yang Lemah. Kata al- Albani RH: "Akan tetapi bagi hadis ini ada sokongan (Syahid) dari hadis Fatimah di sisi Ibn al- Sunniy dan al-Tirmizi, dan kata al-Tirmizi: Hadis Hasan.

Maksudnya: **“Ya Allah, bukakanlah untukku, pintu-pintu rahmatMu.”**
Dan apabila keluar dari masjid, mengucapkan salam ke atas Nabi SAW
dan membaca:

اَللّٰهُمَّ اغْصِنِيْ مِنَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya: **“Ya Allah, peliharalah daku dari syaitan.”** (HR al-Nasa’ie, Ibn Majah dan al-Hakim. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami’*). Dalam sebahagian lafaz lain, dibaca:

اَللّٰهُمَّ بَاعِدْنِيْ مِنَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya: **“Ya Allah, jauhkan daku dari syaitan.”**

4. Dari Abu Humaid atau dari Abu Usaid RA katanya, Rasulullah SAW bersabda: *“Apabila seseorang daripada kamu memasuki masjid, maka hendaklah ia membaca:*

اَللّٰهُمَّ افْتَحْ لِيْ اَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

Maksudnya: **“Ya Allah, bukakanlah untukku pintu-pintu rahmatMu.”**

Apabila keluar dari masjid, bacalah:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ

Maksudnya: **“Ya Allah, sesungguhnya daku memohon dariMu, limpah kurniaMu.”** (HR Muslim)

5. Dari ‘Abdullah bin ‘Amr bin al-‘Ash RA, dari Nabi SAW, dimana baginda apabila masuk ke dalam masjid akan membaca:

اَعُوْذُ بِاللّٰهِ الْعَظِيْمِ وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيْمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

Maksudnya: *“Daku berlindung dengan Allah yang Maha Agung dan dengan wajahNya yang Maha Mulia, dan penguasaanNya yang al-Qadim (yang tidak ada pendahuluan) dari syaitan yang direjam. Apabila dibaca ungkapan ini, syaitan berkata: Dia dipelihara dariku sepanjang hari ini.”* (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Targhib*)

UCAPAN KETIKA MENDENGAR AZAN

Azan memiliki kelebihanannya yang tersendiri. Terdapat beberapa hadis yang menyebut tentang kelebihan tukang azan, antaranya:

- Daripada Abu Sa'id al-Khudri RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَسْمَعُ مَدَى صَوْتِ الْمُؤَذِّنِ جِنَّ وَلَا إِنْسٌ وَلَا شَيْءٌ إِلَّا شَهِدَ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: "Tidak mendengar suara azan sesuatu jin ataupun seseorang manusia, mahupun sesuatu apapun, melainkan dia akan menjadi saksi di akhirat kelak." (HR al-Bukhari dan Muslim)

- Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي النِّدَاءِ وَالصَّفِّ الْأَوَّلِ ثُمَّ لَمْ يَجِدُوا إِلَّا أَنْ يَسْتَمِعُوا عَلَيْهِ لَأَسْتَمِعُوا وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي التَّهَجِيرِ لَأَسْتَبَقُوا إِلَيْهِ وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي الْعَتَمَةِ وَالصُّبْحِ لَأَتَوْهُمَا وَلَوْ حَبَوًّا

Maksudnya: "Sekiranya manusia mengetahui kelebihan yang ada pada azan dan saf pertama, kemudian mereka tidak mendapatinya melainkan melalui undian, sudah tentu mereka akan melakukan undian tersebut. Sekiranya manusia mengetahui kelebihan yang ada kerana awal pergi untuk solat Zohor (dikatakan juga untuk semua solat), sudah tentu mereka akan berlumba untuknya. Sekiranya manusia mengetahui kelebihan yang ada pada solat 'Isyak, sudah tentu mereka akan mendatangnya sekalipun dengan merangkak." (HR al-Bukhari dan Muslim)

- Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا نُودِيَ بِالصَّلَاةِ ، أَذْبَرَ الشَّيْطَانُ لَهُ ضُرَاطٌ حَتَّى لَا يَسْمَعَ التَّأْذِينَ ، فَإِذَا قُضِيَ التَّأْذِينَ أَقْبَلَ حَتَّى إِذَا تَوْبَّ بِهَا أَذْبَرَ حَتَّى إِذَا قُضِيَ التَّوْبُّ أَقْبَلَ ، يَخْطُرُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَنَفْسِهِ وَيَقُولُ : اذْكُرْ كَذَا اذْكُرْ كَذَا لِمَا لَمْ يَكُنْ يَذْكُرُ مِنْ قَبْلُ ، حَتَّى يَظَلَّ الرَّجُلُ إِنْ يَدْرِي كَمْ صَلَّى

Maksudnya: "Apabila dilaungkan azan untuk solat, syaitan akan berpaling pergi sehinggalah dia tidak mendengar lagi suara azan. Apabila selesai azan, dia akan datang semula sehinggalah dilaungkan iqamat, maka dia berpaling pergi sehinggalah selesai laungan iqamat dia akan datang pula, syaitan mendatangkan lintasan di dalam hati seseorang yang sedang solat dengan berkata: Ingat perkara ini dan ingat perkara itu, sedang sebelumnya orang itu tidak teringat untuk mengingati perkara tersebut, sehinggalah seseorang itu tidak mengetahui berapa rakaat yang telah dia tunaikan." (al-Bukhari dan Muslim)

Adapun tentang bacaan ketika azan adalah seperti berikut:

1. Dari 'Umar bin al-Khattab RA, katanya, Nabi SAW bersabda: "Apabila tukang azan melaungkan:

LAUNGAN AZAN	JAWAPAN
الله أكبر، الله أكبر (x2)	الله أكبر، الله أكبر (x2)
أشهد أن لا إله إلا الله (x2)	أشهد أن لا إله إلا الله (x2)
أشهد أن محمدا رسول الله (x2)	أشهد أن محمدا رسول الله (x2)
حي على الصلاة (x2)	لا حول ولا قوة إلا بالله (x2)

LAUNGAN AZAN	JAWAPAN
حي على الفلاح (x2)	لا حول ولا قوة إلا بالله (x2)
الله أكبر، الله أكبر	الله أكبر، الله أكبر
لا إله إلا الله	لا إله إلا الله

Dia menyebutkan dengan hatinya, dia akan dimasukkan ke dalam syurga.”
(HR Muslim)

Termasuk di dalam sunnah juga, iaitulah ketika mendengar laungan dua kalimah syahadah oleh tukang azan, dengan menjawab:

وَأَنَا أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا

65

2. Dari Sa'ad bin Abi Waqqas RA, seperti yang diriwayatkan oleh Abu 'Iwanah. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَالَ حِينَ يَسْمَعُ الْمُؤَذِّنَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، غُفِرَ لَهُ
ذَنْبُهُ

Maksudnya: “Sesiapa yang mendengar muazzin melaungkan azan kemudian membaca: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا (mafhumnya): “Aku bersaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah, Dia yang esa tiada sekutu bagiNya, dan aku bersaksikan bahawa Muhammad itu adalah hamba dan rasulNya. Telah aku reda, Allah itu sebagai tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad itu sebagai rasul dan nabi,” akan diampunkan dosanya.” (Mustakhraj oleh Abu 'Iwanah)

Abu 'Iwanah pula meriwayatkan di dalam *Mustakhrajnya* hadis dengan lafaz:

مَنْ قَالَ حِينَ يَسْمَعُ الْمُؤَذِّنَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، قَالَ: الْمُؤَذِّنُ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَضِيتُ بِاللَّهِ...

Maksudnya: "Sesiapa yang mendengar laungan tukang azan melaungkan, أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَضِيتُ بِاللَّهِ... dia menjawab:

Maka berdasarkan hadis ini dengan jelas menunjukkan orang yang mendengar azan menyebut jawapan ini selepas dia menjawab tukang azan yang melaungkan dua kalimah syahadah, dia menyebutnya sekali. (Lihat *Tashih al-Doa* oleh al- Syeikh Bakar Abu Zaid RH)

Al-Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin RH berpandangan bacaan ini dibaca selepas mendengar tukang azan melaungkan dua syahadah, dan sebelum tukang azan melaungkan Hayya 'alas Solah. Sila lihat *al-Syarh al- Mummti'* dan *Liqā al-Bab al-Maftuh* oleh al-'Uthaimin untuk penjelasan yang lebih terperinci. Al-Syeikh Muhammad al-Mukhtar al-Syanqiti pula berkata: Sekumpulan ulama berkata: "Yang Sunnahnya diucapkan رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا selepas selesai dilaungkan azan. Ini kerana Nabi SAW menjadikan orang yang mendengar azan sibuk untuk menjawab azan sama seperti lafaz azan yang dilaungkan, mereka berdalilkan dengan hadith di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dari hadith Abu Musa al-Asy'ari RA, Nabi SAW bersabda: "Jika kamu semua mendengar azan, maka jawablah sama seperti laungannya." Maka ulama kumpulan ini berkata hadith ini menjadi bukti, berdasarkan sunnah hendaklah dijawab azan sama seperti laungan tukang azan ketika melaungkan azan, dan tidak perlu sibuk dengan bacaan yang lain. Manakala sekumpulan ulama yang lain pula berkata: Bacaan ini dibaca selepas tukang azan selesai melaungkan dua syahadah. Ini kerana Nabi SAW bersabda: مَنْ قَالَ حِينَ يَسْمَعُ الْأُذْنَ يَتَشَهَّدُ mafhumnya: "Sesiapa yang ketika

mendengar tukang azan mengucapkan syahadah, lalu membaca (doa tersebut)” iaitulah selepas selesai tukang azan mengucapkan dua kalimah syahadah. Inilah pandangan yang Asah (lebih benar) diantara dua pandangan ini. (Siri kuliah Syarh Sunan al-Tirmizi Muhammad al-Mukhtar al-Syanqiti)

3. Selepas mendengar Azan disunatkan berselawat ke atas Nabi SAW, dan memohon **Wasilah** untuk baginda. Daripada 'Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash RA, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: *”Apabila kamu mendengar tukang Azan melaungkan Azan, maka jawablah seperti yang tukang Azan laungkan, setelah itu (habis Azan) berselawatlah kepadaku, kerana sesungguhnya sesiapa yang berselawat ke atasku sekali selawat, Allah akan berselawat ke atasnya dengan 10 kali selawat, setelah itu mintalah kepada Allah untuk dikurniakan kepadaku al-Wasilah, sesungguhnya Wasilah itu merupakan satu kedudukan di dalam Syurga, tidak layak melainkan untuk seorang hamba Allah, dan aku mengharapkan hamba Allah itu adalah aku. Maka sesiapa yang memohon wasilah untukku, dia berhak mendapat syafaatku.”* (HR Muslim)

67

Al-Bukhari di dalam Sahihnya meriwayatkan hadis daripada Jabir bin Abdillah RA, Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: *”Sesiapa yang mendengar Azan, kemudian membaca:*

اللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ، وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ، آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ،
وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتُهُ

Maksudnya: *”Sesiapa yang mendengar seruan azan, setelah itu dia membaca (mafhumnya): “Ya Allah, tuhan kepada seruan yang sempurna ini (azan), dan sembahyang yang akan didirikan, (Ya Allah) kurniakan kepada Nabi Muhammad SAW al-Wasilah dan kelebihan,*

dan kurniakanlah kepada baginda kedudukan terpuji yang telah Engkau janjikan," layak untuk dia memperoleh syafaatku pada hari kiamat." (HR al-Bukhari)

Lafaz Selawat yang paling afdhal dan terbaik pula ialah *Selawat al-Ibrahimiyyah*, iaitulah selawat yang dibaca di dalam Tasyahhud Akhir, antaranya:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى آلِ اِبْرَاهِيْمَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ، اَللّٰهُمَّ بَارِكْ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى آلِ اِبْرَاهِيْمَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ

4. Digalakkan juga memperbanyakkan doa kepada Allah SWT setelah berdoa selepas Azan. Daripada Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash RA, katanya: "*Seorang lelaki berkata: Wahai Rasulullah sesungguhnya tukang Azan memperoleh kelebihan (يَفْضُلُونَ) berbanding kami? Jawab baginda:*

قُلْ كَمَا يَقُولُونَ، فَإِذَا انْتَهَيْتَ فَسَلْ تُعْطَهُ

Maksudnya: "*Ucapkanlah seperti yang dia ucapkan (jawab Azan), apabila selesai, mohonlah permintaan, kamu akan diberi (oleh Allah).*" (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

Diriwayatkan juga dari Anas RA, Nabi SAW bersabda:

لَا يُرَدُّ الدُّعَاءُ بَيْنَ الْأَذَانِ وَالْإِقَامَةِ

Maksudnya: "*Tidak ditolak doa di antara Azan dan Iqamah.*" (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

DOA AL-IFTITAH DI DALAM SOLAT

Thabit dari Nabi SAW berbagai lafaz doa al-Iftitah. Baginda juga tidak kekal dengan satu bacaan tertentu sahaja. Oleh yang demikian seseorang muslim lebih utama mengamalkan sesuatu lafaz secara kadang-kadang, dan kadang-kadang mengamalkan lafaz yang lain pula. Inilah bentuk yang paling sempurna dalam mengikut sunnah Nabi SAW. Antara lafaz doa Iftitah tersebut ialah:

1. Daripada Abu Hurairah RA katanya: *"Rasulullah SAW apabila membuka solatnya, baginda akan berdiam diri seketika sebelum baginda membaca (al- Fatihah). Maka Abu Hurairah berkata: Wahai Rasulullah, apakah yang tuan baca ketika tuan diam antara takbir dan bacaan (al-Fatihah)? Sabda Baginda SAW, saya membaca:*

اَللّٰهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِيْ وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ، اَللّٰهُمَّ نَقِّيْ مِنْ خَطَايَايَ، كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الْاَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، اَللّٰهُمَّ اغْسِلْنِيْ مِنْ خَطَايَايَ بِالتَّلْجِ وَالْمَاءِ وَالْبَرَدِ.

Maksudnya: **"Ya Allah, jauhkanlah antara daku dan kesalahan-kesalahanku, sebagaimana Engkau menjauhkan antara timur dan barat. Ya Allah, bersihkanlah daku dari kesalahan-kesalahanku, sebagaimana baju putih dibersihkan dari kotoran. Ya Allah, cucikanlah daku dari kesalahan- kesalahanku dengan salju, air dan air sejuk"** (HR al-Bukhari dan Muslim)

2. Daripada 'Aisyah, Abu Sa'id, dan selain mereka berdua RA, Nabi SAW membuka solat baginda dengan membaca:

سُبْحَانَكَ اَللّٰهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، وَتَبَارَكَ اسْمُكَ، وَتَعَالَى جَدُّكَ، وَلَا اِلَهَ غَيْرُكَ.

Maksudnya: **"Maha Suci Engkau ya Allah, dan dengan segala kepujian untukMu, Maha Berkah akan nama-Mu, Maha Tinggi keagunganMu, dan tiada ilah yang berhak disembah selainMu."** (HR Abu Daud dan Muslim dari 'Umar bin al-Khattab RA secara Mauquf)

3. Daripada 'Abdullah bin 'Umar RA, katanya: **"Ketika kami menunaikan solat bersama Rasulullah SAW, seorang lelaki membaca:**

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

Maksudnya: **"Allah yang Maha Besar Sebesar-besarnya, segala pujian untuk Allah sebanyak-banyaknya, dan Maha Suci Allah pada waktu pagi dan petang."** Baginda bertanya: Siapakah yang menyebut perkataan demikian dan demikian tadi? Kata seorang lelaki: Saya wahai Rasulullah." Jawab baginda: Menakjubkan daku kalimah tersebut, kerana dibuka untuknya pintu-pintu langit." Kata Ibn 'Umar: Aku tidak meninggalkan kalimah-kalimah tersebut semenjak aku mendengar perkara ini dari Rasulullah SAW." (HR Muslim)

4. Daripada 'Ali RA yang berkata: **"Baginda SAW apabila bangun menunaikan solat membaca:**

وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ، إِنَّ صَلَاتِي، وَنُسُكِي، وَمَحْيَايَ، وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ. أَنْتَ رَبِّي وَأَنَا عَبْدُكَ، ظَلَمْتُ نَفْسِي وَاعْتَرَفْتُ بِذُنُوبِي فَاعْفُ عَنِّي دُنُوبِي جَمِيعًا إِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ. وَاهْدِنِي لأَحْسَنَ الْأَخْلَاقِ لَا يَهْدِي لِأَحْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ، وَأَصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا، لَا يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلَّا أَنْتَ، لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ، وَالْخَيْرُ كُلُّهُ بِيَدِكَ، وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ، أَنَا بِكَ وَإِلَيْكَ، تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

Maksudnya: *"Aku menghadap (dengan ikhlas) kepada Tuhan Pencipta langit dan bumi, dalam keadaan mentaahidkannya dan aku bukanlah tergolong dari kalangan orang-orang musyrik. Sesungguhnya solatku, ibadahku dan hidupku serta matiku adalah untuk Allah, Tuhan sekalian alam. Tiada sekutu bagiNya, dan dengan demikian itu aku diperintahkan dan aku termasuk dari kalangan orang-orang muslim. Ya Allah, Engkau adalah Raja, tiada Tuhan (yang berhak disembah) kecuali Engkau, Engkau Tuhanku dan aku adalah hambaMu. Aku telah menganiaya diriku, aku mengakui dosaku (yang telah ku lakukan). Oleh kerana itu ampunilah seluruh dosaku, sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa-dosa, kecuali Engkau. Tunjukkan aku pada akhlak yang terbaik, tiada yang dapat menunjukkannya melainkan Engkau. Hindarkan aku dari akhlak yang jahat, tiada yang dapat menjauhkan aku daripadanya, kecuali Engkau. Aku memenuhi semua panggilanMu, kebaikan keseluruhannya berada dalam genggamannya, kejelekan tidak dinisbahkan kepadaMu. Aku hidup dengan pertolongan dan rahmatMu, dan kepadaMu (aku kembali). Maha BerkatMu dan Maha Tinggi. Aku minta ampun dan bertaubat kepadaMu".* (HR Muslim)

Terdapat juga bacaan lain dari Nabi SAW yang baginda membacanya sebagai al-Iftitah pada solat malam. Antaranya:

5. Daripada Ibn 'Abbas RA yang berkata: *"Baginda SAW apabila bangun malam bertahajjud akan membaca:*

اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ اَنْتَ قَيِّمُ السَّمَاوَاتِ وَالْاَرْضِ وَمَنْ فِيْهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ، لَكَ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْاَرْضِ وَمَنْ فِيْهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ، اَنْتَ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْاَرْضِ، وَلَكَ الْحَمْدُ، اَنْتَ مَلِكُ السَّمَاوَاتِ وَالْاَرْضِ، وَلَكَ الْحَمْدُ اَنْتَ الْحَقُّ، وَوَعْدُكَ الْحَقُّ، وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ، وَقَوْلُكَ حَقٌّ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ حَقٌّ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ، وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقٌّ، وَالسَّاعَةُ حَقٌّ، اَللّٰهُمَّ لَكَ اَسْلَمْتُ، وَبِكَ اَمَنْتُ، وَعَلَيْكَ

تَوَكَّلْتُ، وَإِلَيْكَ أُنَبِّتُ، وَبِكَ خَاصَمْتُ، وَإِلَيْكَ حَاكَمْتُ، فَاعْفُ عَنِّي مَا قَدَّمْتُ وَمَا
أَخَّرْتُ، وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya: "Ya, Allah! BagiMu segala puji, Engkau yang Menguruskan langit dan bumi serta seisinya. BagiMu segala puji, untukMU pemilihan langit dan bumi serta seisinya. BagiMu segala puji, Engkau Tuhan (yang memberi cahaya) kepada langit dan bumi. BagiMu segala puji, Engkau adalah raja langit dan bumi. BagiMu segala puji, Engkau Yang Maha Benar, janjiMu suatu yang benar, bertemu denganMu adalah benar, firmanMu adalah benar, syurga itu suatu yang benar, neraka itu juga suatu yang benar, para nabi kesemuanya benar, Muhammad SAW itu juga benar, hari kiamat itu benar. Ya Allah, kepadaMu aku berserah diri, denganMu aku beriman, kepadaMu aku bertawakal, kepadaMu jua aku kembali, dengan pertolonganMu aku berdebat (kepada orang-orang kafir), kepadaMu (dan dengan ajaran-Mu) aku menjatuhkan hukum. Oleh karena itu, ampunilah dosaku yang terdahulu dan yang akan datang, dan apa yang aku sembunyikan dan apa yang aku nyatakan, Engkaulah Tuhan yang terdahulu dan terkemudian, tidak ada Tuhan yang berhak disembah kecuali Engkau." (HR al-Bukhari dan Muslim)

6. Daripada 'Aisyah RA yang berkata: "Rasulullah SAW apabila bangun malam, baginda memulakan solat malamnya dengan membaca:

اَللّٰهُمَّ رَبَّ جِبْرَائِيْلَ، وَمِيكَائِيْلَ، وَإِسْرَافِيْلَ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ تَخْتَكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ. إِهْدِنِي لِمَا اخْتَلَفَ
فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

Maksudnya: "Ya Allah, Tuhan Jibrail, Mikail dan Israfil. Tuhan Yang Mencipta langit dan bumi. Tuhan Yang Maha Mengetahui perkara ghaib dan nyata. Engkau Tuhan yang menjatuhkan hukum antara hamba-hambaMu apa yang mereka perselisihkan. Tunjukkanlah kepadaku

***akan kebenaran apa yang diperselisihkan dengan keizinan dariMu.
Sesungguhnya Engkau Tuhan yang menunjukkan pada jalan yang lurus
bagi sesiapa yang Engkau kehendaki.” (HR Muslim)***

ZIKIR-ZIKIR RUKUK, I'TIDAL, SUJUD DAN DUDUK ANTARA DUA SUJUD

1. Daripada Huzaifah RA katanya: "Aku pernah menunaikan solat bersama Nabi SAW pada suatu malam, baginda memulakan solat (selepas al-Fatihah) dengan membaca surah al-Baqarah. Aku berkata: Baginda akan rukuk bila sampai ayat 100. Setelah itu baginda melepasi ayat 100. Aku berkata: Baginda akan menghabiskan surah al-Baqarah dalam satu rakaat. Setelah itu baginda membaca surah al-Nisa', surah Ali Imran, baginda membacanya dengan perlahan-lahan (bacaan tartil), apabila sampai pada ayat al-Quran yang memuji Allah baginda bertasbih (memuji Allah), apabila sampai pada ayat permohonan kepada Allah baginda memohon kepada Allah, apabila sampai pada ayat perlindungan, baginda berlindung dengan Allah. Setelah itu baginda rukuk dan membaca:

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ

Maksudnya: **"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung."** Dan rukuk baginda seperti panjang ketika berdiri, kemudian baginda mengucapkan:

سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

Maksudnya: **"Allah mendengar³¹ sesiapa yang memujinya."** Kemudian baginda berdiri lama hampir sama seperti baginda rukuk, kemudian baginda sujud dan membaca:

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى

Maksudnya: **"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi."** Dan sujud baginda hampir sama seperti i'tidal baginda." (HR Muslim)

³¹ Kalimah سَمِعَ yang diterjemahkan sebagai mendengar di sini membawa maksud استجاب الله, iaitulah Allah memperkenankan dan menjawab sesiapa yang memujinya. Sila lihat *Fiqh al-Ad'iyah wa al-Azkar* oleh al-Syeikh 'Abdul Razak bin 'Abdul Muhsin al-Badr.

2. Daripada 'Aisyah RA yang berkata: "Adalah Nabi SAW memperbanyakkan membaca di dalam rukuk dan sujud baginda:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي

Maksudnya: **"Maha Suci Mu Ya Allah Tuhan kami, dan dengan segala pujian untukMu, Ya Allah ampunilah daku."** Baginda mentakwilkan (menafsirkan) al- Quran." (HR al-Bukhari dan Muslim)

3. Daripada 'Aisyah RA juga katanya: "Rasulullah SAW membaca di dalam rukuk dan sujud baginda:

سُبُّوحٌ قُدُّوسٌ رَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ

Maksudnya: **"Maha Suci dan Maha Mulia, Tuhan para Malaikat dan al-Ruh (Jibril AS)."**

75

4. Daripada 'Auf bin Malik al-Asyja'ie RA katanya: "Aku berdiri menunaikan solat malam bersama Rasulullah SAW, baginda membaca surah al-Baqarah, baginda tidak melalui ayat rahmat melainkan baginda berhenti dan memohon rahmat kepada Allah, baginda tidak melalui ayat azab, melainkan baginda berhenti dan memohon perlindungan dari azab. Seterusnya beliau berkata: Kemudian baginda rukuk sama seperti lamanya berdiri dan membaca:

سُبْحَانَ ذِي الْجَبَرُوتِ وَالْمَلَكُوتِ وَالْكِبَرِيَاءِ وَالْعَظَمَةِ

Maksudnya: **"Maha Suci Tuhan yang memiliki kekuasaan, kerajaan, keagungan dan kekuasaan."** Setelah itu baginda sujud sama seperti lama baginda berdiri, kemudian baginda membaca di dalam sujud sama seperti bacaan tadi, setelah itu baginda bangun dan membaca surah Ali Imran, kemudian baginda membaca satu surah, satu surah." (HR Abu Daud, al-Nasa'ie. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Abi Daud)

5. Daripada 'Ali bin Abi Talib RA di dalam sebuah hadis yang panjang ada dinyatakan: *"Rasulullah SAW apabila rukuk baginda akan membaca:*

اَللّٰهُمَّ لَكَ رَكَعْتُ، وَبِكَ اٰمَنْتُ، وَلَكَ اَسْلَمْتُ، خَشَعَ لَكَ سَمْعِيْ وَبَصَرِيْ وَمَخِيَ وَعَظْمِيْ وَعَصْبِيْ.

Mafhumnya **"Ya Allah, hanya untukMu daku ruku'. DenganMu daku beriman, kepadaMu daku berserah. Pendengaranku, penglihatanku, otakku, tulangku, dan sarafku merendah dan menghina di hadapanMu."** Apabila bangun baginda menyebut:

اَللّٰهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءَ السَّمٰوٰتِ، وَمِلْءَ الْاَرْضِ، وَمِلْءَ مَا بَيْنَهُمَا، وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ

Maksudnya: **"Ya Allah Ya Tuhan kami, untukMu segala pujian yang memenuhi langit, memenuhi bumi dan memenuhi apa yang ada antara keduanya, dan memenuhi setiap sesuatu mengikut kehendakMu setelah dari yang itu."** Apabila sujud baginda akan membaca pula:

اَللّٰهُمَّ لَكَ سَجَدْتُ وَبِكَ اٰمَنْتُ، وَلَكَ اَسْلَمْتُ، سَجَدَ وَجْهِيْ لِلَّذِيْ خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ، تَبَارَكَ اللهُ اَحْسَنُ الْخَالِقِيْنَ.

Maksudnya: **"Ya Allah, hanya kepadaMu daku bersujud, denganMu daku beriman, kepadaMu daku berserah, wajahku bersujud kepada Tuhan yang menciptakannya, yang membentuk rupanya, yang memberikan pendengaran dan penglihatannya, Maha Berkah Allah, Tuhan sebaik baik Pencipta."** (HR Muslim)

6. Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: *"Apabila imam berkata:*

سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

Maksudnya: **“Allah memperkenankan sesiapa yang memujiNya.”** Maka ucapkan pula:

اَللّٰهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ

Maksudnya: **“Ya Allah ya tuhanku, untukMu segala pujian.”**³² Sesungguhnya sesiapa yang bertepatan ucapannya dengan ucapan para malaikat, akan diampunkan dosa-dosanya.” (HR al-Bukhari dan Muslim)

7. Daripada Abi Sa'id al-Khudriy RA katanya: **“Adalah Rasulullah SAW apabila bangun dari rukuk akan mengucapkan:**

رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَمِلْءُ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ، أَهْلُ الثَّنَاءِ وَالْمُجْدِ، أَحَقُّ مَا قَالِ الْعَبْدُ، وَكُلُّنَا لَكَ عَبْدٌ، اَللّٰهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيٍّ لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

Maksudnya: **“Ya tuhanku, untukMu segala pujian yang memenuhi langit dan bumi, yang memenuhi apa yang Engkau kehendaki setelah itu. Wahai Tuhan yang layak dipuja dan diagungkan, Yang paling berhak dipuja dan diagungkan oleh seseorang hamba dan kami semuanya adalah hambaMu. Ya Allah tidak ada yang dapat menghalang apa yang Engkau berikan dan tidak ada pula yang dapat memberi apa yang Engkau halang, tidak bermanfaat orang yang memiliki kekayaan untuk terlepas dari azabMu.”** (HR Muslim)

8. Daripada Rifa'ah bin Rafi' al-Zuraqi RA katanya: **“Kami pernah dahulu suatu hari solat di belakang Nabi SAW, ketikamana bangun dari rukuk, baginda mengucapkan:** سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ lalu salah seorang yang berada di belakang baginda mengucapkan:

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ، حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ

³² Dalam lafaz hadis yang lain dibaca: اللهم ربنا ولك الحمد dengan ditambah huruf و, juga diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Maksudnya: ***“Wahai Tuhan kami, bagiMu segala pujian, daku memujiMu dengan pujian yang banyak, yang baik dan penuh dengan berkah.”*** Apabila selesai menunaikan solat baginda bertanya: “Siapakah yang mengucapkan ucapan tadi?” Orang itu berkata: “Saya.” Baginda bersabda: “Aku melihat lebih dari 30 malaikat berebut-rebut siapakah di kalangan mereka yang pertama mencatatnya.” (HR al-Bukhari)

ZIKIR DAN DOA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN SOLAT

1. Daripada 'Aisyah RA katanya: "Saya kehilangan Rasulullah SAW pada suatu malam, lalu aku mencari baginda, maka tanganku tersentuh perut kaki baginda, ketika itu baginda di dalam masjid (dan sedang sujud), kedua-dua telapak kaki baginda ditegakkan, baginda membaca di dalam sujud:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوْبَتِكَ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْكَ، لَا اُحْصِيْ ثَنَاءً عَلَيْكَ اَنْتَ كَمَا اَتْنَيْتَ عَلٰى نَفْسِكَ.

Maksudnya: *"Ya Allah, daku berlindung dengan keredhaanMu dari kemurkaanMu, dan dengan kemaafanMu (agar terselamat) dari siksaanMu. Daku berlindung dengan rahmatMu dari hukumanMu tidak terhitung pujian kepadaMu. Engkau adalah sepertimana pujianMu kepada diriMu."* (HR Muslim)

79

2. Daripada Abu Hurairah RA yang berkata: "Rasulullah SAW membaca di dalam sujud baginda:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ ذَنْبِيْ كُلَّهُ، دِقَّةً وَجِلَّةً، اَوَّلُهُ وَاٰخِرُهُ وَ عَلَانِيَتُهُ وَسِرُّهُ

Maksudnya: *"Ya Allah, ampunilah untukku dosaku keseluruhannya, samaada yang kecil dan yang besar, yang awal dan yang akhir dan yang jelas mahupun yang tersembunyi."* (HR Muslim)

3. Daripada Huzaifah RA: "Bahawa Rasulullah SAW membaca antara dua sujud:

رَبِّ اغْفِرْ لِيْ، رَبِّ اغْفِرْ لِيْ

Maksudnya: **“Wahai tuhan, ampunilah daku, wahai tuhan, ampunilah daku.”** (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih Abi Daud*)

Al-Syeikh ‘Abd al-Razaq bin ‘Abd al-Muhsin al-Badr berkata: *“(Hadis ini bermaksud) Baginda mengulang-ulangi doa ini ketika duduk antara dua sujud, bukan bermaksud baginda hanya membacanya dua kali sahaja.”*

4. Daripada Ibn ‘Abbas RA katanya: *“Dahulunya Nabi SAW membaca ketika duduk antara dua sujud*

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ وَارْحَمْنِيْ وَاجْبُرْنِيْ وَعَافِنِيْ وَاهْدِنِيْ وَارْزُقْنِيْ

Maksudnya: **“Ya Allah, ampunilah daku, rahmatilah daku, cukupkanlah aku, selamatkanlah daku, berilah hidayah kepadaku dan berilah rezeki kepadaku.”** (HR Abu Daud dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih Abi Daud*)

ZIKIR AL-TASYAHHUD

1. Daripada 'Abdullah bin 'Abbas RA katanya: "Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada kami al-Tasyahhud sepertimana baginda mengajarkan kami satu surah dari al-Quran, baginda membaca:

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ، أَلَسَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ،
أَلَسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya: "**Segala ucapan penghormatan, segala keberkatan, segala kebaikan adalah kerana Allah, segala keselamatan untukmu wahai Nabi, demikian juga rahmat dan keberkatan Allah. Semoga segala keselamatan dikurniakan kepada kami dan hamba-hamba yang soleh. Saya bersaksikan bahawa tiada Tuhan yang sebenar-benarnya disembah melainkan Allah, dan saya juga bersaksikan bahawa Muhammad itu adalah Rasulullah.**"

81

2. Daripada 'Abdullah bin Mas'ud RA katanya: "Dahulunya kami apabila menunaikan solat di belakang Nabi SAW, kami membaca:

السلام على جبريل، وميكائيل، السلام على فلان وفلان

Maksudnya: "Keselamatan ke atas Jibril dan Mikail, keselamatan ke atas fulan dan fulan." Lalu Rasulullah SAW memandang kepada kami dan baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah Ta'ala, Dialah al-Salam, maka apabila seseorang daripada kamu menunaikan solat, maka hendaklah dia membaca:

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ، أَلَسَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ،
أَلَسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ،

Maksudnya: ***"Segala pengagungan, segala selawat, dan segala perkataan dan perbuatan baik adalah kerana Allah, keselamatan, rahmat dan berkat Allah ke atasmu wahai Nabi, keselamatan ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang soleh."***

Sesungguhnya jika kamu semua mengucapkan ucapan ini, ia mengenai semua hamba Allah yang soleh samaada di langit mahupun di bumi. (setelah itu ucapkanlah):

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Maksudnya: ***"Saya bersaksikan bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan saya bersaksikan bahawa Muhammad itu adalah hamba dan RasulNya (Allah)."*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

82

Setelah membaca al-Tasyahhud, hendaklah membaca selawat ke atas Nabi SAW dengan selawat Ibrahimiah, antara lafaz selawat tersebut ialah:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى اِبْرٰهِيْمَ وَعَلٰى آلِ اِبْرٰهِيْمَ
 اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ، اَللّٰهُمَّ بَارِكْ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى
 اِبْرٰهِيْمَ وَعَلٰى آلِ اِبْرٰهِيْمَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

Maksudnya: ***"Ya Allah, selawatlah kepada Muhammad dan keluarganya, sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Ibrahim dan keluarganya. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung. Ya Allah, kurniakanlah keberkatan kepada Muhammad dan keluarganya, sebagaimana Engkau telah mengurniakan keberkatan kepada Ibrahim dan keluarganya. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung."*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

3. Daripada Abi Humaid al-Saaidi RA, para sahabat berkata kepada Nabi SAW: “Wahai Rasulullah bagaimanakah kami hendak mengucapkan selawat kepada tuan?” Lalu baginda menjawab: “*Ucapkanlah:*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَاَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى آلِ اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى
مُحَمَّدٍ وَاَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى آلِ اِبْرَاهِيْمَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ

Maksudnya: “*Ya Allah selawatlah ke atas Muhammad, para isteri dan para zuriat baginda, sepertimana Engkau telah berselawat ke atas keluarga Ibrahim, berkatilah juga ke atas Muhammad, para isteri dan para zuriat baginda, sepertimana Engkau telah memberkati keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung.*” (HR al-Bukhari dan Muslim)

Setelah membaca selawat, seseorang muslim boleh berdoa dengan sebarang doa yang dikehendakinya sebelum memberi salam. Bab yang berikutnya akan menyebut beberapa doa tersebut.

DOA SEBELUM SALAM

Nabi SAW menggalakkan umat baginda untuk berdoa selepas bertasyahhud, berselawat dan sebelum memberi salam di dalam solat. 'Abdullah bin Mas'ud RA berkata: *"Nabi SAW telah mengajarkan kepada beliau al- Tasyahhud kemudian baginda bersabda:*

ثم ليتخير من الدعاء أعجبه إليه، فيدعو

Maksudnya: ***"Setelah itu hendaklah dia memilih mana-mana doa yang dikehendaknya, maka dia memohon dengan doa tersebut."*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

Hadis di dalam Sahih Muslim pula dinyatakan:

ثم ليتخير من المسألة ما شاء

84

Maksudnya: ***"Setelah itu dia boleh memohon permohonan y a n g dikehendaknya."*** (HR Muslim)

Doa yang lebih utama untuk dibaca selepas al-Tasyahhud dan sebelum salam ialah doa yang diambil dari sunnah Nabi SAW. Namun sekiranya seseorang itu berdoa dengan doa yang lain, ia juga tidak mengapa. Di bawah ini disertakan beberapa doa yang diambil dari sunnah Nabi SAW untuk dibaca selepas al- Tasyahhud dan sebelum memberi salam di dalam solat:

1. Daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda: *"Apabila seseorang daripada kamu selesai bertasyahhud, maka hendaklah dia memohon perlindungan kepada Allah dari empat perkara, dengan mengucapkan:*

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا
وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيْحِ الدَّجَالِ.

Maksudnya: ***“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari siksaan neraka jahannam, dari siksaan kubur, dari fitnah kehidupan dan kematian, serta dari kejahatan fitnah al-Masih al-Dajjal.”*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

2. Daripada ‘Aisyah RA, dahulunya Rasulullah SAW akan berdoa di dalam solat (sebelum salam):

اَللّٰهُمَّ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيْحِ الدَّجَالِ، وَاَعُوْذُ بِكَ
مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا، وَفِتْنَةِ الْمَمَاتِ، اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْمَأْثَمِ وَالْمَغْرَمِ

Maksudnya: ***“Ya Allah, daku berlindung kepadanya dari azab kubur, daku berlindung kepadaMu dari fitnah al-Masih al-Dajjal, daku berlindung kepadaMu dari fitnah kehidupan dan fitnah ketika mati, Ya Allah sesungguhnya daku berlindung kepadaMu dari perkara yang menjadikan daku berdosa (kepadaMu) dan berhutang. Lalu ditanya kepada baginda: Alangkah banyaknya tuan meminta perlindungan dari al-Maghram?”*** Baginda menjawab: ***“Hal ini kerana apabila seseorang dibelenggu berhutang, dia akan berbohong ketika berbicara, dan apabila berjanji dia akan mengingkarinya.”*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

85

3. Daripada ‘Ali bin Abi Tolib, dalam sebuah hadis yang panjang berkata: ***“Bahawa Rasulullah SAW antara bacaan akhir yang baginda baca antara al-Tasyahhud dan memberi salam ialah:***

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ مَا قَدَّمْتُ وَمَا اَخَّرْتُ، وَمَا اَسْرَرْتُ وَمَا اَعْلَنْتُ، وَمَا اَسْرَفْتُ وَمَا
اَنْتَ اَعْلَمُ بِهِ مِنِّيْ. اَنْتَ الْمَقْدِمُ وَاَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya: “Ya Allah! Ampunilah daku apa-apa (kesalahan dan dosa) yang telah aku lakukan mahupun yang akan datang, dan (ampunilah daku) apa-apa yang aku lakukan secara sembunyi dan apa-apa yang aku lakukan secara terang, dan (ampunilah daku) apa-apa (kesalahan dan doa) yang aku lakukan dengan menzalimi diriku, serta apa yang Engkau lebih mengetahui daripadaku, Engkau yang mendahulukan (bantuan dan taufik kepada sesiapa yang Engkau kehendaki) dan Engkau yang mengakhirkan (bantuan dan taufik kepada sesiapa yang Engkau kehendaki), tidak ada tuhan yang berhak disembah kecuali Engkau.” (HR Muslim)

4. Daripada Abu Saleh, daripada sebahagian sahabat Nabi SAW, baginda pernah berkata kepada seorang lelaki: “Apa yang kamu baca di dalam solat?” Jawab lelaki itu: “Aku bertasyahhud, setelah itu aku membaca:

اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ، وَاعُوْذُ بِكَ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: **“Ya Allah, sesungguhnya daku memohon kepadaMu syurga dan daku berlindung kepadaMu dari neraka.”** Lelaki itu menyambung: Adapun aku langsung tidak tahu apa yang Tuan (Nabi SAW) dan Muaz ucapkan. Nabi SAW bersabda: **“Sekitar itu juga kami ucapkan.”** (HR Abu Daud, Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih Ibn Majah*)

Selain doa-doa di atas, terdapat juga hadis-hadis lain yang menyebut doa-doa untuk dibaca di dalam solat, namun tidak dijelaskan tempat doa itu perlu dibaca. Maka yang lebih utama doa sebegini dibaca samaada di dalam sujud atau selepas membaca al-Tasyahhud dan sebelum salam. Hal ini demikian kerana sunnah Nabi SAW menggalakkan doa di dalam solat dibaca pada dua tempat tersebut.

Doa-doa tersebut antaranya:

5. Daripada Abu Bakr al-Siddiq RA, dia pernah berkata kepada Nabi SAW: “Ajarkan kepadaku satu doa untuk aku membacanya di dalam solat. Baginda menjawab, bacalah doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Maksudnya: “Ya Allah! Sesungguhnya daku banyak menzalimi diriku sendiri, dan tidak ada yang dapat mengampunkan dosa-dosa melainkan Engkau. Oleh karena itu, ampunilah dosa-dosaku dengan keampunan dari sisiMu, dan berilah rahmat kepadaku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun dan Maha Penyayang.” (HR al-Bukhari dan Muslim)

6. Daripada ‘Ato’ bin Saib, daripada bapanya RA yang berkata: “Solat bersama dengan kami ‘Ammar bin Yasir RA satu solat, lalu beliau ringankan solat tersebut. Sebahagian jemaah bertanya kepada beliau: Anda telah ringankan dan ringkaskan solat? Jawab ‘Ammar bin Yasir: Adapun demikian, aku telah berdoa di dalamnya dengan bacaan doa yang aku dengarnya dari Rasulullah SAW.” Apabila beliau bangun, seorang lelaki bangun mengikutinya – iaitulah bapaku, akan tetapi ketika dia menyampaikan hadis ini dia tidak menyebut namanya – lalu dia (bapa ‘Ato) bertanya kepada ‘Ammar doa tersebut, setelah itu dia pergi kepada orang ramai dan menceritakan doa yang dibaca oleh ‘Ammar, iaitulah:

اللَّهُمَّ بِعِلْمِكَ الْغَيْبِ وَقُدْرَتِكَ عَلَى الْخَلْقِ، أَخْبَيْنِي مَا عَلِمْتَ الْحَيَاةَ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّنِي إِذَا عَلِمْتَ الْوَفَاةَ خَيْرًا لِي، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ حَشِيَّتَكَ فِي الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، وَأَسْأَلُكَ كَلِمَةَ الْحَقِّ فِي الرِّضَا وَالْغَضَبِ، وَأَسْأَلُكَ الْقَصْدَ فِي الْغِنَى وَالْفَقْرِ، وَأَسْأَلُكَ نَعِيمًا لَا يَنْفَدُ، وَأَسْأَلُكَ قُرَّةَ عَيْنٍ لَا تَنْقُطُ، وَأَسْأَلُكَ الرِّضَا بَعْدَ الْقَضَاءِ، وَأَسْأَلُكَ بَرْدَ الْعَيْشِ بَعْدَ الْمَوْتِ، وَأَسْأَلُكَ لَذَّةَ النَّظَرِ إِلَى وَجْهِكَ وَالشَّوْقَ

إِلَى لِقَائِكَ فِي غَيْرِ ضَرَاءٍ مُضِرَّةٍ وَلَا فِتْنَةٍ مُضِلَّةٍ، اَللّٰهُمَّ زَيِّنَّا بِرِزْقَةِ الْإِيْمَانِ وَاجْعَلْنَا هَذَا مُهْتَدِينَ.

Maksudnya: “Ya Allah, dengan ilmuMu atas yang ghaib dan dengan Maha KuasaMu atas seluruh makhluk, hiduskanlah daku, sekiranya kehidupan itu lebih baik untukku, matikanlah daku jika kematian itu lebih baik untukku. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu agar dikurniakan rasa takut kepadaMu dalam keadaan bersendirian atau di hadapan orang ramai. Aku memohon kepadaMu perkataan yang benar di waktu rela atau marah. Aku memohon kepadaMu, kesederhanaan dalam keadaan kaya atau fakir, aku mohon kepadaMu agar diberi nikmat yang tidak akan lenyap dan aku memohon kepadaMu, agar diberi penyejuk mata yang tidak putus. Aku mohon kepadaMu keredhaan setelah berlakunya Qadha’ (ketentuan). Aku memohon kepadaMu kehidupan yang menyenangkan setelah meninggal dunia. Aku mohon kepadaMu kenikmatan memandang wajahMu (di Syurga), rindu bertemu denganMu tanpa penderitaan yang membahayakan dan fitnah yang menyesatkan. Ya Allah, hiasilah kami dengan keimanan dan jadikanlah kami sebagai penunjuk jalan (lurus) yang memperoleh bimbingan dariMu.” (HR al- Nasaai. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami’)

ZIKIR-ZIKIR SELEPAS SALAM

1. Daripada Thauban RA katanya: *"Dahulunya Rasulullah SAW apabila selesai dari solat, baginda akan beristighfar tiga kali dan membaca:*

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ السَّلَامُ، وَمِنْكَ السَّلَامُ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.

Maksudnya: **"Ya Allah, Engkaulah al-Salam, dariMu keselamatan, Maha berkat Engkau, wahai Tuhan Pemilik Keagungan dan Kemuliaan."** Salah seorang periwayat hadis ini yang bernama al-Walid berkata: "Aku bertanya kepada al-Auza'ie: Bagaimanakah istighfar itu (untuk dibaca selepas solat)?" jawab beliau:

اَسْتَغْفِرُ اللهَ، اَسْتَغْفِرُ اللهَ، اَسْتَغْفِرُ اللهَ

Maksudnya: **"Saya memohon keampunan dari Allah, Saya memohon keampunan dari Allah, Saya memohon keampunan dari Allah."** (HR Muslim)

89

2. Daripada Warrad Maula al-Mughirah bin Syu'bah katanya: *"Al-Mughirah pernah menulis kepada Mu'awiyah bin Abi Sufyan: Bahawa Rasulullah SAW dahulunya apabila selesai menunaikan solat dan memberi salam, baginda akan membaca:*

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ،
اَللّٰهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا اَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِي لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

Maksudnya: **"Tidak ada tuhan yang berhak disembah sebenar-benarnya melainkan Allah yang Esa, tidak ada sekutu bagiNya, bagiNya kekuasaan dan bagiNya segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa atas setiap sesuatu, Ya Allah tidak ada yang dapat menghalang apa yang Engkau berikan**

dan tidak ada pula yang dapat memberi apa yang Engkau halang, tidak bermanfaat orang yang memiliki kekayaan untuk terlepas dari azabMu.”
(HR al-Bukhari dan Muslim)

3. Daripada 'Abdullah bin Zubair RA katanya: *"Baginda akan membaca setiap kali di penghujung solat dengan bacaan:*

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، لَهُ الْبَعْثُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ التَّنَازُلُ الْحَسَنُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

Maksudnya: **"Tiada Tuhan (yang berhak disembah) kecuali Allah, Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagiNya. BagiNya kerajaan dan segala pujian. Dia Maha berkuasa atas segala sesuatu. Tidak ada daya dan kekuatan kecuali (dengan pertolongan) Allah. Tiada Tuhan (yang hak disembah) kecuali Allah. Kami tidak menyembah kecuali kepadaNya. BagiNya nikmat, anugerah dan pujaan yang baik. Tiada Tuhan (yang hak disembah) kecuali Allah, dengan memurnikan ibadah kepadaNya, sekalipun orang-orang kafir sama membenci."** Seterusnya 'Abdullah bin Zubair berkata: Rasulullah SAW bertahlil dengan kalimat-kalimat ini pada penghujung setiap kali solat." (HR Muslim)

4. Setelah membaca zikir-zikir di atas, dianjurkan pula bertasbih seperti yang dilakukan oleh Nabi SAW. Daripada Abu Hurairah RA, daripada Rasulullah SAW sabdanya: *"Sesiapa yang bertasbih setiap kali selepas solat 33 kali, bertahmid 33 kali, bertakbir 33 kali, semuanya menjadi 99 kali, seterusnya membaca:*

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: **"Tiada Tuhan (yang berhak disembah) kecuali Allah, Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagiNya. BagiNya kerajaan dan segala pujian. Dia Mahaberkuasa atas segala sesuatu."** Akan diampun dosa-dosanya sekalipun seperti buih di lautan." (HR Muslim)

5. Daripada 'Abdullah bin 'Amr RA, daripada Nabi SAW yang bersabda: *"Dua kebiasaan yang dipelihara oleh seseorang hamba muslim, melainkan dia akan dimasukkan ke dalam syurga. Kedua-dua perkara tersebut suatu yang ringan (mudah), orang yang mengamalkannya pula adalah sedikit, iaitulah bertasbih setiap kali selepas solat sebanyak 10 kali, bertahmid 10 kali, bertakbir 10 kali, jadilah jumlahnya sebanyak 150 kali diucapkan dengan lisan dan sebanyak 1500 pahala pada pertimbangan. Demikian juga bertakbir sebanyak 34 kali sebelum tidur, bertahmid 33 kali dan bertasbih 33 kali, semuanya menjadi bilangan 100 kali diucapkan dengan lidah, manakala 1000 pahala pada pertimbangan. Sesungguhnya aku pernah melihat Rasulullah SAW berzikir dengan zikir-zikir ini menggunakan tangan baginda. Pernah ditanya kepada baginda: Wahai Rasulullah, mengapa kedua-dua kebiasaan ini ringan, namun sedikit yang melakukannya? Baginda bersabda: "Syaitan datang kepada seseorang dari kamu di tempat tidurnya, lalu syaitan itu menjadikan dia tertidur sebelum orang tadi sempat membaca zikir-zikir tersebut, demikian juga syaitan akan datang kepada seseorang daripada kamu di dalam solatnya, lalu syaitan tadi menjadikan orang itu teringat suatu urusan, sehingga dia tidak sempat membaca zikir-zikir tersebut."* (HR Abu Daud, al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Targhib)
6. Disunatkan juga setiap kali selepas solat membaca surah al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Naas. Daripada 'Uqbah bin 'Amir RA katanya:

أمرني رسول الله صلى الله عليه وسلم أن أقرأ المعوذات دبر كل صلاة

Maksudnya: *"Rasulullah SAW mengarahkan aku untuk membaca al-Mu'awwazat selepas setiap kali menunaikan solat."* (HR Abu Daud dan al-Nasa'ie. Dinilai Sahih oleh al-ALbani di dalam Sahih Abi Daud)

7. Disunatkan juga membaca ayat al-Kursi berdasarkan hadis daripada Abu Umamah RA katanya: *"Rasulullah SAW bersabda:*

من قرأ آية الكرسي في دبر كل صلاة مكتوبة لم يمنعه من دخول الجنة إلا أن

يموت

Maksudnya: “Sesiapa yang membaca ayat al-Kursi di penghujung setiap solat (selepas solat) fardhu, tiada sesuatu yang menghalang (berada) antara dia dan dari memasuki syurga, melainkan kematian.” (HR al-Nasa’ie di dalam ‘Amal al- Yaum wa al-Lailah, dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami’)

8. Membaca bacaan yang dipesan oleh Nabi SAW kepada Mu’az bin Jabal RA, seperti kata Mu’az: “Suatu hari Rasulullah SAW memegang tanganku dan bersabda: Wahai Mu’az, demi Allah sesungguhnya aku benar-benar menyayangimu, aku berpesan kepadamu agar jangan kamu meninggalkan setiap kali selepas menunaikan solat untuk membaca:

اَللّٰهُمَّ اَعِنِّيْ عَلَى ذِكْرِكَ، وَشُكْرِكَ، وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Maksudnya: “**Ya Allah, bantulah daku untuk sentiasa mengingatiMU, bersyukur kepadaMu dan memperelokkan ibadah kepadaMU.**” (HR Abu Daud dan al-Nasa’id. dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Abi Daud)

Berlaku perbezaan pendapat di kalangan ulama tentang waktu yang sebenarnya untuk dibaca zikir ini. Apakah sebelum salam atau selepas salam. Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah RH memilih pandangan yang berpendapat zikir ini dibaca sebelum salam. Wallahu a'lam.

DOA QUNUT DI DALAM SOLAT WITIR

1. Daripada al-Hasan bin 'Ali RA katanya: "Rasulullah SAW telah mengajarkan kepadaku beberapa ungkapan untuk dibaca di dalam solat Witir, iaitulah:

اَللّٰهُمَّ اهْدِنِيْ فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِيْ فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّيْنِيْ فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِيْ فِيمَا اَعْطَيْتَ، وَفِيْ شَرِّ مَا قَضَيْتَ، فَاِنَّكَ تَقْضِيْ وَلَا يُقْضَىٰ عَلَيْكَ، اِنَّهُ لَا يَدِلُّ مَنْ وَّالَيْتَ، [وَلَا يَعْرِضُ مَنْ عَادَيْتَ]، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ.

Maksudnya: "Ya Allah! Berilah aku petunjuk sebagaimana orang yang telah Engkau beri petunjuk kepada mereka, berilah daku kesihatan sebagaimana orang yang telah Engkau berikan kesihatan kepada mereka, dan jadilah wali kepadaku sebagaimana orang telah Engkau menjadi wali kepada mereka. Berilah keberkatan kepadaku terhadap apa-apa yang Engkau berikan kepadaku, jauhkanlah daku dari kejelekan apa yang Engkau takdirkan, sesungguhnya Engkau yang menetapkan ketentuan (qadha), dan tiada yang menetapkan hukuman kepadaMu. Sesungguhnya orang yang Engkau menjadi wali kepada mereka tidak akan terhina, dan orang yang Engkau musuhi mereka tidak akan mulia. Maha Suci Engkau, wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi Engkau." (HR Abu Daud dan al-Nasa'ie. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Abi Daud)

DOA ISTIKHARAH

1. Daripada Jabir bin 'Abdillah RA katanya: "Dahulunya Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada kami al-Istikharah sebagaimana baginda mengajarkan kepada kami satu surah daripada al-Quran, baginda bersabda: Apabila seseorang daripada kamu hendak melakukan sesuatu perkara, maka hendaklah dia menunaikan solat sunat dua rakaat, kemudian dia membaca (selepas solatnya doa):

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْتَخِيْرُكَ بِعِلْمِكَ، وَاسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ، وَاسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيْمِ،
فَاِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا اَقْدِرُ، وَتَعْلَمُ وَلَا اَعْلَمُ، وَاَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوْبِ. اَللّٰهُمَّ اِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ
اَنْ هَذَا الْاَمْرَ -وَبُسْطَى حَاجَتِهِ- خَيْرٌ لِّيْ فِيْ دِيْنِيْ وَمَعَاشِيْ وَعَاقِبَةِ اَمْرِيْ -أَوْ قَالَ:
عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ- فَاقْدُرْهُ لِيْ وَيَسِّرْهُ لِيْ ثُمَّ بَارِكْ لِيْ فِيْهِ، وَاِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ اَنْ هَذَا الْاَمْرَ
شَرٌّ لِّيْ فِيْ دِيْنِيْ وَمَعَاشِيْ وَعَاقِبَةِ اَمْرِيْ -أَوْ قَالَ: عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ- فَاصْرِفْهُ عَنِّيْ
وَاصْرِفْنِيْ عَنْهُ وَاقْدِرْ لِيْ الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ اَرْضِنِيْ بِهِ

Maksudnya: "Ya Allah, sesungguhnya aku meminta pilihan yang tepat kepadaMu dengan ilmu pengetahuanMu dan aku memohon ketetapanMu dengan kekuasaanMu, Aku memohon dari anugerahMu Yang Maha Agung, sesungguhnya Engkau Maha kuasa, sedang aku tidak kuasa, Engkau Yang Maha Mengetahui, sedang aku tidak mengetahui dan Engkau adalah Maha Mengetahui hal yang ghaib. Ya Allah, apabila Engkau mengetahui bahawa urusan ini (sambil menyebut hajatnya) lebih baik untukku, agamaku, kehidupanku dan baik akibatnya sama ada di dunia atau akhirat- takdirkanlah ia untukku, mudahkan perkara itu untukku, kemudian berkatilah aku dengannya. Akan tetapi apabila Engkau mengetahui bahawa persoalan ini lebih buruk untukku, agamaku, kehidupanku dan akibat kesudahannya, sama ada di dunia

atau di akhirat, maka palingkanlah perkara itu dariku, dan palingkan aku daripadanya, setelah itu takdirkan kebaikan untukku di mana saja kebaikan itu berada, kemudian jadikanlah aku redha dengan perkara itu.” (HR al-Bukhari)

ZIKIR KETIKA BERADA DALAM KESUKARAN DAN KESEDIHAN

1. Daripada Ibn 'Abbas RA katanya, Rasulullah SAW ketika dalam kesukaran akan membaca:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَرَبُّ الْأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ.

Maksudnya: **"Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah Yang Maha Agung dan Maha Pemaaf³³. Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah, Tuhan yang menguasai arasy yang agung. Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah, Tuhan yang menguasai langit dan bumi. Tuhan Yang menguasai arasy yang mulia."** (HR al-Bukhari dan Muslim)

96

2. Daripada Asma' binti 'Umais (أَسْمَاءُ بِنْتُ عُمَيْسٍ) RA, katanya, Rasulullah SAW pernah berkata kepadaku: **"Mahukah aku ajarkan kepadamu beberapa kalimat doa untuk kamu membacanya ketika di dalam kesusahan?:**

اللَّهُ اللَّهُ رَبِّي لَا أُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا.

Maksudnya: **"Allah, Allah, Tuhanku. Daku tidak menyekutukanNya dengan sesuatupun."** (HR Abu Daud, Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Targhib*)

3. Daripada Abu Bakrah, daripada Nabi SAW yang bersabda: **"Permohonan ketika kesusahan ialah:**

³³ Pemaaf adalah terjemahan yang kami pilih untuk sifat Allah SWT al-Halim (الرحيم), iaitulah Tuhan yang memiliki sifat memberi tangguh, kesabaran, dan kemurahan. Dia Allah Yang Maha Mulia yang tidak segera dan gopoh membalas orang-orang yang menderhakaiNya. Dia memiliki kemaafan dan penyantunan yang luas. Sifat al-Halim menggambarkan sifat pemaaf dalam keadaan memiliki kemampuan dan kekuatan untuk membalas. Wallahu a'lam.

اللَّهُمَّ رَحْمَتَكَ أَرْجُو فَلَا تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ، وَأَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya: **"Ya Allah! Daku hanya mengharapkan rahmat dariMu, oleh karena itu, jangan Engkau wakikan (biarkan) diriku kepadaku sendiri walau sekelip mata. Perbaikilah seluruh urusanku, tiada Tuhan yang berhak disembah selain Engkau."** (HR Abu Daud. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

4. Daripada Sa'ad bin Abi Waqqas RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: **"Doa Nabi Yunus, ketika berada di dalam perut ikan Nun:**

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.

Maksudnya: **"Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Engkau. Maha Suci Engkau, sesungguhnya daku tergolong orang-orang yang zhalim."** Seterusnya baginda bersabda: Sesungguhnya tiada seseorang muslim yang berdoa dengan doa ini sama sekali, melainkan akan dimakbulkan oleh Allah untuknya." (HR al- Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

Himpunan doa dan zikir ini menggambarkan bahawa rawatan utama ketika ditimpa sebarang kesusahan, kesedihan dan musibah ialah dengan memperbaharui iman, dan mengulangi kalimah tauhid demikian juga menjauhi syirik sama ada syirik besar mahupun syirik kecil.

DOA KETIKA DITIMPA KESUSAHAN,³⁴ KEBIMBANGAN³⁵ DAN KESEDIHAN³⁶

1. Daripada 'Abdullah bin Mas'ud RA, bahawa Nabi SAW pernah bersabda: *"Tiada seseorang hamba ketika ditimpa rasa bimbang dan sedih sama sekali lalu membaca:*

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ عَبْدُكَ، اِبْنُ عَبْدِكَ، اِبْنُ اَمَّتِكَ، نَاصِيَتِيْ بِيَدِكَ، مَاضِي فِيْ حُكْمِكَ، عَدْلٌ فِيْ قَضَاؤِكَ، اَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ، سَمَّيْتَ بِهِ نَفْسَكَ، اَوْ اَنْزَلْتَهُ فِيْ كِتَابِكَ، اَوْ عَلَّمْتَهُ اَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ، اَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِيْ عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ، اَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رِبْعَ قَلْبِيْ، وَنُوْرَ صَدْرِيْ، وَجَلَاءَ حُزْنِيْ، وَدَهَابَ هَمِّيْ.

Maksudnya: *"Ya Allah! Sesungguhnya daku adalah hambaMu, anak kepada hamba lelakiMu dan anak kepada hamba perempuanMu. Ubun-ubunku di dalam genggam tanganMu, telah berlalu atasku hukumanMu, telah adillah untukku ketentuanMu, Aku mohon kepadaMu dengan setiap nama (baik) yang telah Engkau namakan untuk diriMu, atau dengan setiap nama yang Engkau turunkan dalam kitabMu, atau yang Engkau ajarkan kepada seseorang dari makhlukMu atau dengan nama yang Engkau khususkan pengetahuan tentangnya kepada diriMu dalam ilmu ghaib di sisiMu, agar Engkau menjadikan Al-Qur'an itu sebagai penenteram hatiku, cahaya di dadaku, pelenyap duka dan kesedihanku."* Melainkan Allah akan menghilangkan rasa bimbangNya dan menggantikan rasa sedihnya dengan kegembiraan. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, sewajarnya kami mempelajari (menghafal) kalimat-kalimat doa ini! Baginda menjawab: Sudah tentu, bagi yang mendengarnya untuk dia mempelajari." (HR Ahmad. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam al-Silsilah al-Sahihah)

³⁴ الْغَمُّ ialah sesuatu musibah yang sedang berlaku.

³⁵ الْهَمُّ ialah sesuatu yang dibimbangi pada masa akan datang.

³⁶ الْحُزْنُ ialah sesuatu musibah yang telah menimpa dan berlaku.

BACAAN KETIKA BERTEMU MUSUH

Bacaan ini juga dibaca ketika bertemu dengan penguasa-penguasa yang jahat. Mengandung maksud berlindung kepada Allah agar dijauhkan kejahatan, perancangan dan tipu-daya musuh dan penguasa yang jahat. Sesungguhnya Allah adalah tuhan Yang Maha Pemelihara sesiapa yang berlindung kepadaNya, sesungguhnya perlindungan dan pemeliharaan dariNya amat memadai kerana semua perkara berada di dalam kekuasaanNya.

1. Daripada Anas bin Malik RA katanya: *“Dahulunya Rasulullah SAW apabila berperang akan membaca:*

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ عَضْبِيَّ وَ نَصِيْرِيَّ، بِكَ اَحُوْلُ، وَبِكَ اَصُوْلُ، وَبِكَ اَقَاتِلُ.

Maksudnya: *“Ya Allah! Kepada Engkaulah daku mengharapkan pertolongan. Engkau adalah pembelaku,. Dengan pertolonganMu daku menang, dengan pertolonganMu aku bertindak dan dengan pertolonganMu aku memerangi musuh.”* (HR Abu Daud, al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al- Jami'*)

99

2. Daripada Abu Musa al-Asy'ari RA, Nabi SAW apabila bimbangkan kejahatan sesuatu kaum, baginda akan membaca:

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَجْعَلُكَ فِيْ نُحُوْرِهِمْ وَنَعُوْذُ بِكَ مِنْ شُرُوْرِهِمْ.

Maksudnya: *“Ya Allah! Sesungguhnya aku menjadikan Engkau di leher mereka. Dan aku berlindung kepadaMu dari kejahatan mereka.”* (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al- Jami'*)

3. Daripada 'Abdullah bin 'Abbas RA yang berkata:

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

Maksudnya: ***“Cukuplah Allah bagi kami. Dan Dialah Tuhan sebaik-baik tempat berlindung.”*** Ibn 'Abbas seterusnya menyambung: “Ucapan ini dibaca oleh Nabi Ibrahim AS ketika dilontar ke dalam api, dan diucapkan juga oleh Nabi Muhammad SAW, firman Allah SWT: “(Ada orang berkata kepada golongan yang beriman) Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk memerangi kamu, kerana itu takutlah kepada mereka, maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung³⁷.” (HR al-Bukhari)

³⁷ Ali Imran: 173

BACAAN KETIKA DITIMPA MUSIBAH

Allah SWT juga telah memberi panduan kepada hambaNya ketika menghadapi sesuatu musibah untuk membaca:

1. Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ
لَقَدْ وَبَّيَّرَ الصَّابِرِينَ (١٥٥) الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ
رَاجِعُونَ (١٦٥) أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۖ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ
(١٧٥)

Maksudnya: "Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (laitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

"Sesungguhnya Kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah Kami kembali." Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayahNya." (al-Baqarah: 155-157)

2. Daripada Ummu Salamah RA katanya: Saya pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Tiada seorang hamba yang ditimpa musibah, lalu mengucapkan:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ، اللَّهُمَّ أَجْزِنِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Maksudnya: **"Sesungguhnya Kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah Kami kembali. Ya Allah, kurniakanlah pahala atas musibah yang melandaku ini, dan gantikan untukku suatu yang lebih baik darinya."** Seterusnya baginda bersabda: Melainkan Allah akan memberikan ganjaran kepadanya atas musibah tersebut, dan menggantikan suatu yang lebih baik kepadanya. Kata Ummu Salamah: Ketika meninggalnya Abu Salamah (Suami Ummu Salamah), aku mengucapkan bacaan ini seperti yang diajarkan oleh Baginda SAW, lalu Allah SWT menggantikan untukku seorang yang lebih baik berbanding Abu Salamah iaitulah Rasulullah SAW." (HR Muslim)

BACAAN KETIKA DIBEBANI HUTANG

1. Daripada 'Ali bin Abi Tolib yang berkata: "Bahawa seorang hamba Mukatab (Hamba yang diletakkan syarat oleh tuannya untuk bebas dengan sesuatu bayaran) datang kepadanya dan berkata: Sesungguhnya aku telah tidak mampu untuk memenuhi bayaran yang ditetapkan oleh tuanku (الكتابة), bantulah aku! Jawab 'Ali RA: Mahukah kamu aku mengajarkan kepadamu beberapa kalimat yang diajar kepadaku oleh Rasulullah SAW? Sekalipun kamu memiliki hutang seumpama bukit yang besar, Allah akan melangsbaikannya darimu. 'Ali berkata: Bacalah:

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ، وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

Maksudnya: ***"Ya Allah cukupkanlah daku dengan perkara-perkara halal dari yang haram, dan kayakan daku dengan kelebihanMu berbanding dari selainMu."*** (HR al-Tirmizi. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Targhib*)

ZIKIR-ZIKIR MENJAUHKAN SYAITAN

1. Daripada Abu Darda' RA katanya: "Suatu hari Rasulullah SAW berdiri (di dalam solat), kemudian kami mendengar baginda berkata:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْكَ

Maksudnya: "**Daku berlindung kepada Allah daripadamu.**" Kemudian baginda menyambung:

أَلْعَنَكَ بَلْعَنَةِ اللَّهِ (3x)

Maksudnya: "**Aku melaknatmu dengan laknat Allah.**" (3x) Kemudian baginda menghulur tangan, seolah-olah mengambil sesuatu, apabila baginda selesai menunaikan solat kami bertanya: Wahai Rasulullah, kami mendengar tuan mengucapkan sesuatu yang kami belum pernah mendengar tuan berkata seperti itu sebelum ini, kami juga melihat tuan menghulurkan tangan sebentar tadi? Baginda menjawab: Sesungguhnya musuh Allah Iblis, datang membawa panahan api untuk dikenakan kepada wajahku, lalu aku berkata:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْكَ

Maksudnya: "**Daku berlindung kepada Allah daripadamu.**" (3x), kemudian aku menyambung:

أَلْعَنَكَ بَلْعَنَةِ اللَّهِ الثَّامَةِ

Maksudnya: "**Aku melaknatmu dengan laknat Allah keseluruhannya.**" Kemudian aku hampir memegangnya, demi Allah jika bukan kerana permohonan saudara kami (para anbiya') Nabi Sulaiman, sudah pasti iblis tadi aku jadikan dia terikat di salah satu tiang masjid, sehingga budak-budak di Madinah bermain dengannya (yang terikat)." (HR Muslim)

2. Daripada 'Uthman bin Abi al-'Ash al-Thaqafi RA, dimana beliau pernah berjumpa dengan Nabi SAW dan berkata: *"Wahai Rasulullah, sesungguhnya syaitan telah menghalang aku dengan solat dan bacaan solatku, dia mengganggu dan meragukan aku di dalam solat."* Baginda SAW menjawab: *"Demikian itu syaitan yang dipanggil Khinzab (خِنْزَبٌ), oleh itu jika kamu merasakan dia mengganggu, maka berlindunglah (berta'awwuz) kepada Allah darinya dan ludahlah (ludah angin) ke sebelah kiri sebanyak tiga kali."* Kata 'Uthman: *"Maka aku lakukan demikian itu, lalu Allah menjauhkan dia dariku."* (HR Muslim)
3. Daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda: *"Syaitan akan mendatangi setiap orang dari kalangan kamu, lalu berkata: Siapakah yang menciptakan perkara ini? Siapakah menciptakan perkara itu, sehinggalah dia berkata: Siapakah pula yang menciptakan tuhan kamu?, Maka jika syaitan datang kepadamu dengan soalan-soalan ini, maka mintalah perlindungan kepada Allah³⁸ dan berhenti dari melayannya."*
4. Laungan Azan juga dapat menjauhkan syaitan. Daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda: *"Apabila dilaungkan untuk solat (dilaungkan azan), syaitan akan menjauhkan diri dengan segera kerana bersangatan permusuhan³⁹, sehingga dia tidak mendengar lagi laungan azan, apabila selesai dilaungkan azan, dia datang semula, apabila iqamat dia menjauhkan diri sekali lagi, apabila selesai iqamat dia datang semula."* (HR al-Bukhari dan Muslim)

³⁸ Iaitulah dengan membaca اَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

³⁹ Kalimat asal di dalam hadis ialah ضَرَامٌ sebahagian ulama menafsirkannya sebagai bersangatan permusuhan dan menjauhkan diri, sebahagian lain menafsirkannya sebagai angin kentut. Sila lihat Syarh al-Suyuti li Sunan al-Nasa'i.

5. Memperbanyakkan berzikir kepada Allah SWT dalam setiap keadaan.

إِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا إِذَا مَسَّهُمْ طَافٌ مِّنَ الشَّيْطَانِ تَذَكَّرُوا فَإِذَا هُم مُّبْصِرُونَ
(٢٠١)

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan dari Syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah) maka dengan itu mereka nampak (jalan Yang benar).*” (al-A’raf: 201)

وَمَنْ يَعِشْ عَنْ ذِكْرِ الرَّحْمَنِ نُقِصْ لَهُ شَيْطَانًا فَهُوَ لَهُ قَرِينٌ (٣٦)

Maksudnya: “*Dan sesiapa Yang tidak mengindahkan pengajaran (Al-Quran Yang diturunkan oleh Allah) yang Maha Pemurah, Kami akan adakan baginya Syaitan (yang menghasut dan menyesatkannya), lalu menjadilah Syaitan itu Temannya yang tidak renggang daripadanya.*” (Al-Zukhruf: 36)

6. Membaca Bismillah. Daripada Jabir RA, baginda Nabi SAW bersabda:

إذا استجنح الليل أو كان جُنح الليل فكفوا صبيانكم فإن الشياطين تنتشر حينئذ، فإذا ذهب ساعة من العشاء فخلوهم وأغلق بابك واذكر اسم الله وأطفئ مصباحك واذكر اسم الله وأوك سقائك واذكر اسم الله وخمر إنائك واذكر اسم الله ولو تعرض عليه شيئاً

Maksudnya: “*Apabila malam tiba, maka tahanlah anak-anakmu, kerana sesungguhnya syaitan berkeliaran pada ketika itu. Apabila telah malam maka biarkan mereka, dan tutuplah pintu rumahmu dengan menyebut nama Allah⁴⁰, padamkanlah lampu-lampumu dengan menyebut nama Allah, ikatkan bekas- bekas minumanmu dengan menyebut nama Allah, tutuplah bekas-bekas makananmu dengan menyebut nama Allah, sekalipun dengan membentangkan sesuatu di atasnya.*” (HR Muslim)

⁴⁰ Membaca bismillah

BACAAN JAMPIAN UNTUK ORANG SAKIT

1. **Surah al-Fatihah.** Daripada Abu Sa'id al-Khudriy RA katanya: *"Bahawa sekumpulan sahabat Rasulullah SAW ketika dalam salah satu permusafiran mereka singgah di satu perkampungan Arab, dan meminta diterima sebagai tetamu. Namun penghuni perkampungan tersebut tidak mahu menerima mereka. Tidak lama selepas itu pemimpin mereka dipatuk binatang berbisa, mereka berusaha mengubatnya dengan segala apa yang ada namun semuanya tidak memberi kesan. Lalu sebahagian daripada mereka berkata: Jika kamu semua memanggil rombongan tadi yang singgah di perkampungan kita, barangkali sebahagian mereka memiliki sesuatu (untuk dibuat ubat). Lalu mereka memanggil para sahabat RA, dan berkata: Wahai sekalian ahli rombongan, sesungguhnya pemimpin kami telah dipatuk binatang berbisa, kami telah usahakan semua yang kami tahu, namun satupun tidak memberi kesan, apakah seseorang daripada kamu memiliki sesuatu (yang boleh berubat)? Jawab sebahagian sahabat Nabi saw: Ya, demi Allah, sesungguhnya aku seorang yang boleh menjampi, akan tetapi sebelum ini kami telah meminta untuk kamu semua menerima kami sebagai tetamu, namun kamu semua menolaknya. Saya tidak akan menjampikan untuk kamu semua, melainkan setelah kamu semua menjanjikan sesuatu imbuhan untuk kami. Maka termeterailah persetujuan beberapa ekor kambing sebagai imbuhan. Sahabat tadi pergi menjampi, dia meludah dan membaca surah الرَّحْمٰنُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ , sehinggalah pemimpin tadi terus bangun seolah-olah tidak mengalami sebarang kesakitan. Lalu kata pemimpin tadi: Tunaikan kepada mereka imbuhan yang telah kamu semua persetujui. Kata sebahagian sahabat: Bahagikan sesama kita imbuhan tersebut. Kata sahabat yang menjampi, jangan bahagikan, sehinggalah terlebih dahulu kita bawakan kepada Rasulullah SAW, dan kita menceritakan kepada baginda apa yang telah berlaku, dan kita lihat apakah arahan baginda. Setelah mereka sampai kepada Rasulullah SAW, mereka menceritakan apa yang telah berlaku. Baginda bersabda: Bagaimana kamu tahu al-Fatihah itu sebagai jampi,*

kamu telah melakukan suatu perkara yang benar. Bahagikan pemberian tersebut sesama kamu semua, dan tinggalkan juga sebahagian untukku.”
(HR al-Bukhari dan Muslim)

2. **Al-Mu’awwizaat**, iaitulah surah:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ۝

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ۝

Dari ‘Aisyah ra katanya: “Bahawa Rasulullah SAW dahulu apabila sakit, baginda akan membaca ke atas dirinya al-Mu’awwizat, dan baginda menghembusnya. Ketika mana sakitnya bersangatan, daku yang membaca untuk baginda, daku menyapukan tangan baginda, kerana mengharapkan keberkatannya.” (HR al- Bukhari dan Muslim)

3. Daripada ‘Uthman bin Abi al-‘Ash yang pernah mengadu sakit di tubuhnya kepada Rasulullah SAW semenjak dia memeluk Islam. Lalu Rasulullah SAW bersabda kepadanya: “*Letakkan tanganmu di atas bahagian yang sakit, dan bacalah: بِسْمِ اللَّهِ tiga kali, dan baca pula tujuh kali:*

أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا آجِدُ وَأُحَاذِرُ

Maksudnya: “*Daku berlindung kepada Allah dan kekuasaannya dari keburukan penyakit yang daku alami sekarang, dan dari apa yang daku bimbangi (penyakit akan datang).*” (HR Muslim)

4. Daripada Abu Sa’id al-Khudriy ra yang berkata: “Bahawa Jibril pernah datang kepada Nabi SAW dan berkata: “Wahai Muhammad, kamu ditimpa sakit?” Baginda menjawab: Ya. Lalu Jibril membaca:

بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ، مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ. اللَّهُ
يَشْفِيكَ، بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ

Maksudnya: ***"Dengan nama Allah aku menjampimu dari setiap sesuatu yang menyakitimu, dari setiap kejahatan jiwa atau 'ain yang hasad. Allah yang akan menyembuhkan mu, dengan nama Allah daku menjampimu."***
(HR Muslim)

5. Daripada 'Aisyah ra Nabi SAW melindungi ahli keluarga baginda, dengan menyapu tangan kanan baginda dan membaca:

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهِبِ الْبَاسَ⁴¹، وَاشْفِهِ وَأَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا بِشِفَاؤِكَ،
شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا

Maksudnya: ***"Ya Allah, tuhan sekalian manusia, hilangkanlah kesakitan, semuhkanlah ia, dan Engkau adalah tuhan yang Maha Penyembuh, tiada kesembuhan melainkan dengan kesembuhanMu, kesembuhan yang tidak meninggalkan kesan lain."*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

Di dalam riwayat Muslim, 'Aisyah berkata: ***"Dahulunya Rasulullah SAW jika ada seseorang daripada kami (ahli keluarga) ditimpa sakit, baginda akan menyapu tangan kanan baginda kemudian membaca..."*** lalu 'Aisyah menyebut doa di atas.

⁴¹ الْبَاسُ adalah keletihan, keperitan dan kesakitan. Namun di sini dinyatakan الْبَاسُ tanpa "ء" kerana kedua-dua lughah adalah dibolehkan (الإزدواج والواحدة).

6. Daripada 'Abdul 'Aziz bin Suhaib katanya: "Saya bersama Thabit pernah pergi menemui Anas bin Malik. Lalu Thabit berkata: "Wahai Abu Hamzah (Kuniah untuk Anas bin Malik), aku ditimpa sakit sekarang ini." Lalu Anas bin Malik berkata: "Mahukah kamu aku jampikan dengan jampian Rasulullah saw?" Jawab Thabit: "Silakan." Anas seterusnya membaca:

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ، مُذْهِبَ الْبَاسِ، اشفِ أَنْتَ الشَّافِي، لَا شَافِيَ إِلَّا أَنْتَ، شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا

Maksudnya: "Ya Allah, tuhan sekalian manusia, yang menghilangkan kesakitan, sembuhkanlah ia, dan Engkau adalah tuhan yang Maha Penyembuh, tiada kesembuhan melainkan dengan kesembuhanMu, kesembuhan yang tidak meninggalkan kesan lain." (HR al-Bukhari)

7. Daripada Ibn 'Amr RA yang berkata, Nabi SAW pernah bersabda: "Jika seseorang lelaki pergi menziarahi seorang pesakit, maka hendaklah dia membaca:

اللَّهُمَّ اشفِ عَبْدَكَ يَنْكَأُ لَكَ عَدُوًّا أَوْ يَمْشِي لَكَ إِلَى صَلَاةٍ

Maksudnya: "Ya Allah, sembuhkanlah hambaMu ini, agar dia dapat mengalahkan musuh untukMu atau dia dapat berjalan kepadaMu pergi menunaikan solat." (HR Abu Daud. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam al- Silsilah al-Sahihah)

BERLINDUNG DARI SIHIR, PENYAKIT 'AIN DAN HASAD

Antara penyakit yang dideritakan dan mendatangkan keburukan yang besar kepada manusia ialah penyakit yang disebabkan dengan sihir, 'ain dan hasad (kedengkian). Sepertimana sihir dapat memberi kesan kepada orang yang disihir dengan mendatangkan kesan sakit bahkan kadangkala membawa kepada kematian, demikian juga dengan 'ain yang hasad. Kesemuanya dapat mendatangkan kesan buruk kepada manusia dengan izin dari Allah SWT.

Alhamdulillah, termasuk di dalam nikmat kurniaan Allah kepada hamba-hambaNya, telah disediakan beberapa sebab yang bermanfaat bagi tujuan menjauhkan kejahatan sihir, ain dan hasad ini. al-Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah telah menghimpunkan 10 sebab yang dapat menghindarkan seseorang dari kesan Sihir, 'Ain dan Hasad⁴². Jika direalisasikan oleh seseorang hamba, ia dapat menghilangkan kejahatan dan keburukan tersebut, secara ringkasnya adalah seperti berikut:

111

Pertama: Memohon perlindungan, berlindung dan bergantung kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ (١) مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (٢) وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ (٣) وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ (٤) وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ (٥)

Maksudnya: "1. Katakanlah (Wahai Muhammad); "Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk; 2. "Dari bencana makhluk-makhluk Yang ia ciptakan; 3. "Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk; 4. "Dan dari kejahatan makhluk-makhluk Yang menghembus-hembus pada simpulan- simpulan (dan ikatan-ikatan); 5. "Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya". (al-Falaq: 1-5)

⁴² Lihat *Badaai' al-Fawaaid* oleh Ibn al-Qayyim

Kedua: Bertakwa kepada Allah, menjaga setiap arahan dan laranganNya. Ini kerana sesiapa yang bertakwa kepada Allah, Allah SWT akan memeliharanya, dan dia tidak akan dibiarkan begitu sahaja. Allah SWT berfirman:

إِنْ تَمْسَسْكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِنْ تُصِيبْكُمْ سَيِّئَةٌ يَفْرَحُوا بِهَا ۖ وَإِنْ تَصِيرُوا وَتَتَّقُوا
لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ (١٠٢)

Maksudnya: “Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa, (maka) tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikitpun. Sesungguhnya Allah meliputi pengetahuannya akan apa yang mereka lakukan.” (Ali Imran: 120)

Nabi SAW bersabda kepada ‘Abdullah bin ‘Abbas RA:

إِحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ، إِحْفَظِ اللَّهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ

112

Maksudnya: “Peliharalah (arahan dan tegahan) Allah, Dia akan memeliharamu, peliharalah Allah, kamu akan dapati Dia berada di mana sahaja kamu berada.”⁴³ (HR al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Tirmizi)

Ketiga: Bersabar dengan kejahatan musuh, tidak membalas kejahatan, tidak mengeluh dengan kejahatan musuh. Sesungguhnya tidak ada pertolongan yang dapat menandingi kesabaran terhadap musuh. Seseorang yang bersabar dengan kejahatan musuh, kejahatan itu akan memakan diri musuhnya sendiri dalam keadaan ia tidak sedar. Allah SWT berfirman:

وَلَا يَحِيقُ الْمَكْرُ السَّيِّئُ إِلَّا بِأَهْلِهِ ۚ

Maksudnya: “Sedang rancangan yang jahat itu tidak menimpa melainkan ke atas orang yang menjalankannya.” (Fatir: 43)

⁴³ Sesiapa yang Allah ada bersamanya, maka apakah mungkin ada sebarang kejahatan dan keburukan lain yang dapat menghampirinya?

Keempat: Bertawakal kepada Allah, ini kerana bertawakal kepada Allah sudah memadai bagi setiap hamba dalam menghadapi sebarang kejahatan makhluk. Tawakal juga merupakan sebab yang paling kuat untuk menolak sebarang kejahatan, kezaliman dan permusuhan makhluk yang tidak mampu dipikul.

Kelima: Kosongkan jiwa dari terus sibuk mengingati dan berfikir tentangnya. Cara ini merupakan penawar yang paling bermanfaat dapat membantu menolak kejahatan musuh.

Keenam: Menuju Allah, ikhlas kepadaNya, berusaha mendapatkan keredhaanNya. Allah SWT berfirman tentang iblis:

قَالَ فَبِعِزَّتِكَ لَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ (٨٢) إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُخْلَصِينَ (٨٣)

Maksudnya: "Iblis berkata: "Demi kekuasaanmu (Wahai Tuhanku), Aku akan menyesatkan mereka semuanya, kecuali hamba-hambaMu yang ikhlas." (Shaad: 82-83)

113

Ketujuh: Bertaubat kepada Allah SWT dari dosa-dosa yang menyebabkan musuh dapat menguasainya. Hal ini demikian kerana penguasaan musuh ke atas seseorang insan adalah disebabkan dosa-dosa yang dilakukannya sama ada dia sedar atau tidak. Allah SWT berfirman:

وَمَا أَصْبَحُكُمْ مِنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ (٣٠)

Maksudnya: "Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu." (al-Syura: 30)

Nabi SAW juga mengajarkan kita untuk berdoa:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ اَنْ اُشْرِكَ بِكَ وَاَنَا اَعْلَمُ، وَاَسْتَغْفِرُكَ لِمَا لَا اَعْلَمُ

Maksudnya: “Ya Allah, daku berlindung denganMu dari aku membuat syirik denganMu sedang daku mengetahui. Daku juga memohon keampunanMu dari perkara yang tidak aku ketahui.” (HR al-Bukhari di dalam al-Adab al-Mufrad. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Adab al-Mufrad)

Kelapan: Bersedekah dan berbuat baik sekadar yang termampu

Kesembilan: Membalas kejahatan dengan kebaikan. Firman Allah SWT:

وَلَا تَسْتَوِ الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ۚ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ اَحْسَنُ فَاِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ
عَدَاوَةٌ كَاَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ (٣٤) وَمَا يُلْقَاهَا اِلَّا الَّذِيْنَ صَبَرُوْا وَمَا يُلْقٰهَا اِلَّا ذُوْ حِظٍّ
عَظِيْمٍ (٣٥)

Maksudnya: “Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumNya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) Dengan cara Yang lebih baik; apabila Engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib. dan sifat yang terpuji ini tidak dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang-orang yang bersikap sabar, dan tidak juga dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang yang mempunyai bahagian yang besar dari kebahagiaan dunia dan akhirat.” (Fussilat: 34-35)

Perhatikan apa yang berlaku kepada Nabi SAW. Ketikamana kaumnya memukul baginda sehingga berdarah. Baginda mengucapkan:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِقَوْمِيْ، فَاِنَّهُمْ لَا يَعْلَمُوْنَ

Maksudnya: *“Ya Allah berilah keampunan kepada kaumku, kerana sesungguhnya mereka tidak mengetahui.”* (HR al-Bukhari dan Muslim)

Kesepuluh: Murnikan tauhid, dengan menyakini setiap sesuatu tidak dapat memberi mudharat dan manfaat melainkan dengan keizinan dari Allah SWT. firmanNya:

وَإِنْ يَمَسُّكَ آلَهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَادَّ لِفَضْلِهِ
يُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۚ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (١٠٧)

Maksudnya: *“Dan jika Allah mengenakan Engkau Dengan sesuatu Yang membahayakan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia; dan jika ia menghendaki Engkau beroleh sesuatu kebaikan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghalangi limpah kurniaNya. Allah melimpahkan kurniaNya itu kepada sesiapa yang dikendakiNya dari hamba-hambaNya, dan Dia lah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”* (Yunus: 107)

Nabi SAW bersabda kepada ‘Abdullah bin ‘Abbas RA: *“Ketahuilah bahawa, sekiranya kesemua umat berkumpul untuk mendatangkan manfaat kepadamu, mereka tidak akan dapat memberi manfaat kepadamu melainkan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah untukmu. Demikian juga sekiranya kesemua umat berkumpul untuk mendatangkan mudharat kepadamu, mereka tidak akan mampu datang mudharat tersebut melainkan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah untukmu.”* (HR al-Tirmizi. Dinilai sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al- Jami’).⁴⁴

⁴⁴ Lihat Bada’i’ al-Fawa’id oleh al-Imam Ibn al-Qayyim 2/238-246)

Apabila seseorang hamba memurnikan tauhidnya kepada Allah SWT, maka akan keluarlah sebarang ketakutan kepada selain Allah dari dalam dirinya. Justeru setiap kejahatan musuh menjadi ringan baginya, dia tidak mahu kebimbangannya dengan kejahatan musuh akan mencalarakan rasa takutnya kepada Allah SWT. Lalu dia menyibukkan dirinya untuk memurnikan tauhidnya kepada Allah SWT. Dia juga sedar Allah SWT sentiasa memelihara orang-orang yang beriman mengikut tahap iman mereka. Jika sempurna iman seseorang maka lebih sempurna perlindungan Allah kepadanya.

BACAAN KEPADA ORANG SAKIT

Antara bacaan-bacaan tersebut adalah seperti berikut:

1. Daripada Ibn 'Abbas RA, Nabi SAW pernah menziarahi seorang Arab Badwi, beliau berkata: *"Nabi SAW apabila menziarahi orang sakit akan berkata:*

لَا بَأْسَ، طَهَّرَ إِنِّشَاءَ اللَّهِ

Maksudnya: ***"Tiada mengapa, sebagai pembersih⁴⁵ insyaAllah."*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

Termasuk dari adab yang perlu diperhatikan ketika menziarahi pesakit ialah memilih waktu yang sesuai. Hal ini kerana tujuan disyariatkan menziarahi pesakit ialah untuk mendatangkan kegembiraan dan menyenangkan hati pesakit, bukan untuk mendatangkan kesukaran dan kesempitan terhadap mereka. Demikian juga jangan memanjangkan masa bersama dengannya melainkan jika si pesakit sendiri yang menghendakinya.

2. Bagi orang yang menziarahi pesakit dianjurkan dia berada berhampiran dengan kepala pesakit. Di dalam *al-Adab al-Mufrad*, daripada Ibn 'Abbas RA yang berkata: *"Dahulunya Rasulullah SAW apabila menziarahi orang sakit, baginda akan duduk berhampiran kepalanya, kemudian baginda mengucapkan sebanyak tujuh kali:*

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيَكَ

Maksudnya: ***"Daku memohon kepada Allah Yang Maha Agung, Tuhan kepada 'Arasyh yang agung, untuk Dia menyembuhkanmu. Jika ajalNya belum datang, maka dia akan disembuhkan dari penyakit tersebut."***

⁴⁵ Membersihkan dari semua kesalahan dosa.

(*al-Adab al-Mufrad*. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Adab al-Mufrad*)

3. Termasuk di dalam sunnah meletakkan tangan di atas tubuh orang yang sakit ketika hendak berdoa untuknya. Di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim diriwayatkan ketika Nabi SAW menziarahi Sa'ad bin Abi Waqqas RA, baginda meletakkan tangan baginda ke atas dahi Sa'ad, kemudian baginda menyapu tangan baginda ke muka dan perut Sa'ad sambil membaca:

اللَّهُمَّ اشْفِ سَعْدًا

Maksudnya: **"Ya Allah, sembuhkanlah Sa'ad"** (HR al-Bukhari dan Muslim)

118

4. Orang yang menziarahi pesakit juga dianjurkan berdoa dengan ikhlas untuk pesakit dan jangan memperkatakan sesuatu melainkan perkara-perkara yang baik sahaja. Daripada Ummu Salamah RA yang berkata: *"Baginda Rasulullah SAW bersabda: "Apabila kamu semua menziarahi orang sakit atau orang yang meninggal dunia, maka ucapkanlah perkara-perkara yang baik. Kerana sesungguhnya para Malaikat akan mengaminkan apa yang kamu semua katakan."* (HR Muslim)

Kita dibenarkan untuk memilih sebarang bentuk doa, dan yang terbaik ialah doa yang datang dari Nabi SAW seperti doa-doa yang telah dinyatakan dalam bab- bab yang lalu.

5. Daripada 'Aisyah RA yang berkata: *"Dahulunya Nabi SAW, jika ada seseorang ditimpa sakit atau terluka, baginda akan melakukan begini – lalu Sufian (periwayat hadis) meletakkan jari telunjuk beliau ke tanah, kemudian mengangkatnya – dan membaca:*

بِسْمِ اللَّهِ تَرْبَةُ أَرْضِنَا، بِرِيقَةِ بَعْضِنَا، يُشْفَى سَقِيمُنَا، بِإِذْنِ رَبِّنَا

Maksudnya: ***“Dengan nama Allah, ini sebahagian dari tanah bumi kami, dengan sedikit air liur kami, (semoga) diberi kesembuhan kepada orang yang sakit di kalangan kami dengan izin tuhan kami.”*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

Al-Imam al-Nawawi ketika mensyarahkan hadis ini berkata:

ومعنى الحديث أن يأخذ من ريق نفسه على أصبعه السبابة ، ثم يضعها على التراب ليتعلق بها شيء منه ، فيمسح به على الموضع العليل أو الجرح ، ويقول هذا الكلام في حال المسح

Maksudnya: *“Hadis ini bermaksud baginda mengambil sedikit air liur baginda dengan jari telunjuk, kemudian meletakkannya ke atas tanah agar tanah melekat sedikit pada jari telunjuk itu, seterusnya menyapukannya ke tempat sakit atau luka, baginda membaca perkataan tersebut ketika melakukan sapuan.”* (Lihat Syarh Sahih Muslim oleh al-Imam al-Nawawi)

Pernah juga ditanya kepada al-Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin RH: *“Di dalam fatwa, tuan ada menyatakan mengambil berkat dengan air liur selain dari Nabi SAW adalah haram dan termasuk di dalam syirik, kecuali jampi dengan ayat al-Quran. Perkara ini menimbulkan tanda-tanya kerana terdapat di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim hadis dari 'Aisyah RA, yang menceritakan bahawa Nabi SAW pernah menyebut di dalam jampi baginda: “Dengan nama Allah, ini sebahagian dari tanah bumi kami, dengan sedikit air liur kami, (semoga) diberi kesembuhan kepada orang yang sakit di kalangan kami dengan izin tuhan kami.” Kami mengharapkan dari yang berbahagia tuan untuk memberi penjelasan.”*

Jawapan al-Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin:

ذكر بعض العلماء أن هذا مخصوص برسول الله صلى الله عليه وسلم وبأرض المدينة فقط وعلى هذا فلا إشكال. ولكن رأي الجمهور أن هذا ليس خاصاً برسول الله صلى الله عليه وسلم ولا بأرض المدينة بل هو عام في كل راقٍ وفي كل أرضٍ، ولكنه ليس من باب التبرك بالريق المجرد بل هو ريق مصحوب برقية وتربة للاستشفاء وليس لمجرد التبرك. وجوابنا في الفتوى السابقة هو التبرك المحض بالريق وعليه فلا إشكال لاختلاف الصورتين.

Maksudnya: "Sebahagian ulama menyebut hadis ini khusus untuk Rasulullah SAW dan khusus untuk tanah Madinah sahaja, jika berdasarkan pendapat ini maka tidak timbul masalah. Akan tetapi kebanyakan ulama berpandangan hadis ini tidak dikhususkan untuk Rasulullah SAW dan bukan juga khusus untuk tanah Madinah sahaja, bahkan ia umum untuk semua air liur dan semua tanah, akan tetapi ia tidak termasuk mengambil berkat hanya dengan air liur, sebaliknya dengan air liur beserta dengan jampi dan tanah untuk memohon kesembuhan, bukan semata-mata mengambil berkat. Jawapan kami dalam fatwa yang lalu iaitulah tentang mengambil berkat semata-mata dengan air liur tidak menimbulkan masalah kerana berbeza keadaan." (Majmuk Fatawa wa Rasail al- Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin, Jilid pertama)

BACAAN KETIKA BERADA DI SISI ORANG NAZAK

1. Bercakap perkara-perkara yang baik sahaja ketika berada di sisi orang yang sedang nazak.
2. Mengajarkan kalimah Tauhid لا إله إلا الله kepada orang yang sedang nazak. Daripada Abu Sa'id al-Khudri RA katanya: *"Rasulullah SAW bersabda: "Ajarkanlah orang yang hampir mati di kalangan kamu dengan لا إله إلا الله"* (HR Muslim)

Daripada 'Uthman bin 'Affan RA katanya: *"Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang meninggal dunia dalam keadaan mengetahui (memperakui) tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, orang itu akan masuk ke dalam syurga."* (HR Muslim)

3. Orang yang sedang nazak amat dituntut untuk memohon keampunan dan rahmat dari Allah SWT. Daripada 'Aisyah RA, bahawa beliau memerhatikan perkataan Nabi SAW sebelum baginda wafat, ketika itu baginda bersandar kepada dada beliau, baginda berkata:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَأَلْحِقْنِي بِالرَّفِيقِ الْأَعْلَى

Maksudnya: ***"Ya Allah ampunkanlah daku, rahmatilah daku dan gabungkan daku bersama al-Rafiq al-A'la."*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

4. Orang yang berada di sisi seseorang yang sedang nazak perlu memperingatkan dia agar berbaik sangka dengan Allah SWT. Daripada Jabir bin 'Abdillah RA katanya: *"Nabi SAW bersabda:*

لَا يَمُوتَنَّ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ بِاللَّهِ الظَّنَّ

Maksudnya: *“Jangan seseorang daripada kamu mati melainkan dia berada dalam keadaan terbaik sangka dengan Allah.”* (HR Muslim)

5. Tidak ada sebarang surah tertentu yang sunat dibaca kepada orang yang sedang nazak. Hadis-hadis yang mengkhususkan sesuatu surah untuk dibaca kepada orang nazak seperti surah Yasin dan seumpamanya adalah tidak Sahih. Silalah ambil perhatian, jangan terpengaruh dengan amalan orang-orang jahil, telah ramai di kalangan ulama yang menjelaskan perkara ini.⁴⁶
6. Orang yang sedang nazak hendaklah redha dan bersabar dengan ketentuan Allah SWT, agar memperolehi pahala dari Allah SWT.
7. Jauhi dari bercita-cita untuk dimatikan segera, sekalipun bertambah berat sakit yang dialaminya. Daripada Anas bin Malik RA, Nabi SAW bersabda: *“Jangan seseorang daripada kamu bercita-cita untuk mati disebabkan kemudharatan yang menyimpannya, jika dia tidak tahan juga, maka ucapkanlah:*

اللَّهُمَّ أَحْيِنِي مَا كَانَتْ الْحَيَاءُ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّنِي مَا كَانَتْ الْوَفَاءُ خَيْرًا لِي

Maksudnya: *“Ya Allah, hidupakanlah daku selagi hidup itu lebih baik untukku, matikanlah daku selagi mati itu lebih baik untukku.”* (HR al-Bukhari dan Muslim)

8. Berusaha menghimpunkan rasa al-Raja' (الرَّجَاءُ)⁴⁷ dan al-Khauf (الْخَوْفُ)⁴⁸. Daripada Anas bin Malik RA, Nabi SAW pernah masuk menziarahi seorang pemuda dalam keadaan nazak, lalu baginda bertanya: *“Apakah yang kamu rasa sekarang ini?”* Pemuda itu

⁴⁶ Sila lihat *Irwaa' al-Ghaili* 3/150.

⁴⁷ Mengharapkan rahmat dan keampunan Allah.

⁴⁸ Takutkan azab Allah terhadap dosa-dosa.

menjawab: *"Demi Allah wahai Rasulullah, sesungguhnya aku benar-benar mengharapakan rahmat Allah, dan aku benar-benar takutkan (azab) kerana dosa-dosaku."* Sabda Nabi SAW:

لا يجتمعان في قلب عبد في مثل هذا الوطن، إلا أعطاه الله ما يرجو وأمنه مما يخاف

Maksudnya: *"Tidak berhimpun dua perasaan ini dalam jantung seseorang hamba ketika keadaannya seperti sekarang ini, melainkan Allah berikan apa yang dia harapkan dan akan selamatkannya dari apa yang dia takutkan."* (HR al- Tirmizi dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

9. Disunatkan menulis wasiat untuk dilaksanakan oleh ahli keluarganya atau orang-orang yang dipercayainya. Terutama perkara yang tidak dapat dia lakukan dalam keadaan sakit tersebut. Nabi SAW bersabda:

123

Maksudnya: *"Tidak wajar bagi seseorang muslim melalui dua malam, dimana dia mempunyai sesuatu yang hendak diwasiatkan melainkan wasiatnya itu hendaklah tertulis bersamanya."* (HR al-Bukhari dan Muslim)

10. Jika hendak mewasiatkan sebahagian harta agar disalurkan ke jalan kebaikan kerana mengharapakan pahala yang berterusan selepas kematian, maka ia adalah sunat, dan tidak boleh melebihi 1/3.
11. Disunatkan juga mewasiatkan kepada ahli keluarga agar bertaqwa kepada Allah dengan memelihara arahan dan tegahan agama. Demikian juga berwasiat agar ahli keluarga tetap berpegang teguh dengan sunnah Nabi SAW dan menjauhi bid'ah dan mengikut hawa nafsu. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik dan beberapa sahabat lain yang berkata: *"Dahulunya mereka (para sahabat Nabi SAW) menulis di permulaan wasiat-wasiat mereka:*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، هَذَا مَا أَوْصَى بِهِ فَلَانُ بْنُ فُلَانٍ، أَوْصَى أَنَّهُ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لَا رَيْبَ فِيهَا، وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُورِ، وَأَوْصَى مَنْ تَرَكَ مِنْ أَهْلِهِ أَنْ يَتَّقُوا اللَّهَ، وَيُصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَيُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنْ كَانُوا مُؤْمِنِينَ، وَأَوْصَا هُمْ بِمَا أَوْصَى بِهِ إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ يَعْقُوبُ

Mafhumnya: “Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang, ini adalah wasiat Fulan bin Fulan, dia berwasiat bahawa dia bersaksikan tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, dan bahawa Muhammad itu adalah hamba Allah dan RasulNya, dan bahawa hari kiamat itu akan berlaku, tiada keraguan padanya, dan bahawa Allah akan membangkitkan orang-orang dari dalam kubur. Dia juga berwasiat kepada ahli keluarganya untuk bertaqwa kepada Allah, dan perbaikilah hubungan sesama mereka, dan hendaklah mereka mentaati Allah dan Rasul jika mereka beriman. Dia juga berwasiat kepada mereka sepertimana wasiat Nabi Ibrahim kepada anak-anaknya demikian juga Ya'kub:

وَوَصَّيْ يَحْيَا إِبْرَاهِيمَ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ بَنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى لَكُمُ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ (١٣٢)

Maksudnya: Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: “Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam”. (al-Baqarah: 132)⁴⁹

⁴⁹ Sunan Sa'id bin Mansur. Hal: 126. Cet: al-Dar al-Salafiah.

12. Sewajarnya juga ditinggalkan wasiat agar jenazahnya diuruskan dan dikebumikan berdasarkan sunnah, dijauhi dari segala bid'ah. Wasiat sebegini amat penting terutamanya jika dia bimbang perkara bid'ah itu akan berlaku dalam pengurusan jenazahnya. Hal ini berdasarkan apa yang dilakukan oleh Abu Musa RA yang berwasiat ketika hendak meninggal dunia dengan berkata:

إذا انطلقتم بجنائتي فأسرعوا بي الشئ ي، ولا تتبعوني بمجمر، ولا تجعل
على لحدي شيئاً يحول بيني وبين التراب، ولا تجعل على قبري بناءً، وأشهدكم
أني بريء من كل حالقة أو سالقة أو خارقة، قالوا: سمعت فيه شيئاً؟
اللّٰهُ عليه وسلم. قال: نعم، من رسول اللّٰهُ صلى اللّٰهُ عليه وسلم

Maksudnya: "Apabila kamu semua membawa jenazahku, maka berjalanlah dengan bersegera, jangan bawakan bersamanya api, dan jangan adakan di dalam liang lahadku sesuatu yang menghalang antaraku dengan tanah, jangan membuat sesuatu binaan di atas kuburku, dan aku menjadikan kamu semua sebagai saksi bahawa aku berlepas diri dari setiap Haliqah⁵⁰, Saliqah⁵¹ dan Khariqah⁵²." Ditanya kepada beliau: "Anda telah mendengar perkara ini dari seseorang?" Beliau menjawab: "Ya, dari Rasulullah SAW." (HR Ahmad. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam Ahkam al-Janaiz)

⁵⁰ Wanita yang mencukur rambut ketika ditimpa musibah.

⁵¹ Wanita yang meninggikan suara (menjerit) ketika ditimpa musibah.

⁵² Wanita yang mengoyak baju ketika ditimpa musibah.

BACAAN-BACAAN DI DALAM SOLAT JENAZAH

1. Daripada 'Auf bin Malik RA katanya: "Rasulullah SAW pernah menunaikan solat jenazah, lalu aku menghafal doa baginda:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَاَرْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاغْفِرْ عَنْهُ، وَاکْرِمْ نُزْلَهُ، وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ، وَاعْسِلْهُ
بِالمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ،
وَأُبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ، وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ، وَأَدْخِلْهُ
الْجَنَّةَ، وَأَعِذْهُ مِنَ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ

Maksudnya: "Ya Allah! Ampunilah dia, berilah rahmat kepadanya, berilah 'afiah kepadanya, maafkanlah dia dan muliakanlah kunjungannya, luaskan kuburnya, mandikan dia dengan air, salju dan air sejuk. Bersihkan dia dari segala kesalahan, sebagaimana Engkau membersihkan baju yang putih dari kotoran, gantikan rumah yang lebih baik dari rumahnya (di dunia), gantikan keluarga yang lebih baik daripada keluarganya (di dunia), pasangan yang lebih baik dari pasangannya (di dunia), dan masukkan dia ke Syurga, dan jauhkan dia dari siksa kubur dan Neraka." Lalu kata 'Auf bin Malik: "Sehingga aku bercita- cita sekiranya jenazah yang didoakan oleh baginda itu adalah aku." (HR Muslim)

2. Daripada Abu Hurairah RA katanya: "Rasulullah SAW pernah menunaikan solat jenazah, baginda membaca:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّتِنَا وَمَيِّتِنَا وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا وَذَكَرِنَا وَأُنْثَانَا، اَللّٰهُمَّ
مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ، وَمَنْ تَوَقَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَقَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ، اَللّٰهُمَّ
لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تُضِلَّنَا بَعْدَهُ.

Maksudnya: ***“Ya Allah! Ampunilah kepada orang yang hidup di antara kami dan yang mati, orang yang hadir di antara kami dan yang tidak hadir ,laki-laki maupun perempuan. Ya Allah! Orang yang Engkau hidupkan di antara kami, hidupkan dengan memegang ajaran Islam, dan orang yang Engkau matikan di antara kami, maka matikan dengan memegang keimanan. Ya Allah! Jangan menghalangi kami untuk tidak memperoleh pahalanya dan jangan sesatkan kami sepeninggalnya.”*** (HR Ahmad dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani)

3. Termasuk doa lain yang boleh dibaca di dalam solat jenazah, iaitulah doa yang diriwayatkan daripada Yazid bin Rukanah bin al-Muttalib RA, katanya: ***“Rasulullah SAW apabila berdiri menunaikan solat jenazah, baginda membaca:***

اَللّٰهُمَّ عَبْدُكَ وَابْنُ اُمَّتِكَ اِحْتَاجُ اِلَى رَحْمَتِكَ، وَاَنْتَ عَنِّيْ عَنْ عَدَائِهِ، اِنْ كَانَ مُحْسِنًا فَزِدْ فِيْ حَسَنَاتِهِ، وَاِنْ كَانَ مُسِيْنًا فَتَجَاوَزْ عَنْهُ.

127

Maksudnya: ***“Ya, Allah, ini hambaMu, anak hambaMu perempuan (Hawa), membutuh-kan rahmatMu, sedang Engkau tidak membutuhkan untuk menyiksanya, jika ia berbuat baik tambahkanlah dalam amalan baiknya, dan jika dia orang yang salah, lewatkanlah dari kesalahannya.”*** (Hadis ini Thabit, Diriwayatkan oleh al-Tabarani di dalam *al-Mu'jam al-Kabir* dan al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*. Sila lihat *Ahkam al-Janaiz* oleh al-Albani)

BACAAN KETIKA DAN SELEPAS KEBUMIKAN MAYAT

1. Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar RA, Nabi SAW apabila hendak meletakkan mayat ke dalam kubur, baginda akan membaca:

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ

Maksudnya: **“Dengan nama Allah, dan di atas sunnah Rasulullah.”** Di dalam riwayat yang lain baginda membaca: **“dan di atas millah (agama) Rasulullah.”** (HR Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *al-Irwa’*)

2. Setelah selesai dari kebumikan mayat, disunnahkan kepada kita untuk memohon keampunan untuk mayat dan ketetapan ketika menjawab soalan- soalan di dalam kubur. Daripada ‘Uthman bin al-‘Affan RA katanya: *“Dahulunya Nabi SAW apabila selesai dari kebumikan mayat, baginda akan berdiri berhampiran dengan kubur tersebut dan bersabda:*

إِسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ، وَسَلُّوا لَهُ التَّثْبِيتَ، فَإِنَّهُ الآنَ يُسْأَلُ

Maksudnya: *“Mohonlah keampunan untuk saudara kamu ini, dan mintalah agar dia tetap, kerana dia nanti akan ditanya.”* (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al- Albani di dalam Sahih al-Jami’)

3. Dianjur mengucapkan takziah kepada ahli keluarga jenazah dan membantu mereka menghadapi musibah tersebut. Nabi SAW bersabda:

ما من مؤمن يُعْزِي أَخَاهُ بِمُصِيبَةٍ إِلَّا كَسَاهُ اللَّهُ عِزًّا وَجَلَّ مِنْ حُلِّ الْكَرَامَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: *“Tiada seseorang muslim yang mengucapkan takziah kepada saudaranya yang ditimpa musibah melainkan Allah Azza wa Jalla akan*

memberikan pakaian kepadanya dengan pakaian kemuliaan pada hari kiamat.” (HR Ibn Majah dan selainnya. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam Sahih al- Targhib)

4. Antara bentuk takziah yang pernah diucapkan oleh Nabi SAW iaitulah seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Usamah bin Zaid RA yang berkata: *“Salah seorang puteri Nabi SAW datang memberitahu baginda, bahawa anak lelakiNya (cucu Nabi SAW) hampir meninggal dunia, datanglah kepada kami. Baginda lalu mengutus seorang utusan menyampaikan ucapan:*

إِنَّ لِلَّهِ مَا أَخَذَ ، وَلَهُ مَا أُعْطِيَ ، وَكُلُّ عِنْدَهُ بِأَجَلٍ مُّسَمًّى ؛ فَلْتَصْبِرْ وَلْتَحْتَسِبْ

Maksudnya: ***“Sesungguhnya apa yang akan Allah ambil Dialah juga yang memberinya, maka apa yang Dia ambil adalah milikNya, setiap sesuatu di sisiNya dengan ketentuan yang telah ditetapkan, oleh kerana itu bersabar dan harapkanlah pahala dariNya.”*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

129

5. Hadis tentang kematian Abu Salamah RA, ketikamana baginda SAW datang menziarahinya, baginda menutupkan mata Abu Salamah kemudian bersabda: *“Sesungguhnya sesuatu ruh apabila ditarik, penglihatan akan menurutinya.”* Lalu kedengaran suara riuh-rendah orang ramai, baginda seterusnya bersabda: *“Jangan kamu semua menyebut perkara-perkara yang tidak baik untuk diri kamu sendiri, kerana sesungguhnya para malaikat mengaminkan apa yang kamu semua katakan.”* Seterusnya baginda membaca:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَبِي سَلَمَةَ وَارْفَعْ دَرَجَتَهُ فِي الْمُهَيِّدِينَ وَاخْلُفْهُ فِي عَقِبِهِ فِي الْغَائِبِينَ
وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ اللَّهُمَّ افْسَحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ وَتَوَرَّ لَهُ فِيهِ

Maksudnya: ***“Ya Allah berilah keampunan untuk Abu Salamah, tinggikan kedudukannya bersama orang-orang yang menerima hidayah,***

jadilah pengganti kepadanya untuk ahli keluarganya yang masih hidup, berilah keampunan kepada kami dan dia, wahai tuhan sekalian alam, Ya Allah luaskanlah untuknya kuburnya dan berilah cahaya kepadanya.
(HR Muslim)

6. Digalakkan menziarahi kubur. Dari Buraidah bin al-Husaib (بريدة بن الحبيب) RA katanya, Nabi SAW bersabda:

إني نهيتكم عن زيارة القبور فزروها

Maksudnya: “*Sesungguhnya aku dahulunya melarang kamu semua dari menziarahi kubur, akan tetapi sekarang ziarahilah.*” (HR Muslim, Ahmad, al-Nasaie dan selain mereka) Dalam riwayat dari Ahmad terdapat tambahan:

فإنها تذكركم الآخرة

130

Maksudnya: “*Kerana sesungguhnya dengan menziarahi kubur itu dapat mengingatkan kamu kepada akhirat.*” Dalam riwayat al-Nasaie pula terdapat tambahan:

فمن أراد أن يزورها فليزر، ولا تقولوا هُجْرًا

Maksudnya: “*Sesiapa yang menziarahi kubur maka ziarahlah, dan jangan kamu semua mengucapkan Hujran.*”

Hujran (هُجْرًا) ialah percakapan dusta termasuk di dalamnya meminta bantuan dari kubur, bertawassul dengannya, mengambil berkat dan seumpamanya. Adapun perkara yang dibenarkan ketika menziarahi kubur adalah seperti berikut:

7. Daripada ‘Aisyah RA, Nabi SAW bersabda: “*Sesungguhnya Jibril datang menemui kamu lalu berkata: “Sesungguhnya tuhanmu mengarahkan kamu untuk pergi menziarahi perkuburan al-Baqi” dan memohon keampunan untuk mereka.*” Kata ‘Aisyah RA, aku bertanya kepada baginda SAW:

"Bagaimana daku hendak mengucapkannya untuk penghuni perkuburan al-Baqi' wahai Rasulullah?" Baginda bersabda: "Ucapkanlah:

اَلْسَلَامُ عَلَىٰ اَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَيَرْحَمُ اللّٰهُ الْمُسْتَقْدِمِيْنَ مِنَّا
وَالْمُسْتَاخِرِيْنَ، وَاِنَّا اِنْشَاءَ اللّٰهُ بِكُمْ لِلْاِحْقُوْنَ

Maksudnya: **"Keselamatan ke atas penghuni dari kalangan orang-orang yang beriman dan Islam, semoga Allah merahmati orang-orang yang awal dan kemudian dari kalangan kami, dan jika dikehendaki oleh Allah, kami pula pasti akan menuruti kalian semua."** (HR Muslim)

8. Daripada Buraidah RA juga yang berkata: "Dahulunya Rasulullah SAW mengajarkan para sahabat, apabila mereka pergi ke tanah perkuburan untuk mengucapkan:

اَلْسَلَامُ عَلَيْكُمْ اَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاِنَّا اِنْشَاءَ اللّٰهُ لِلْاِحْقُوْنَ.
اَسْأَلُ اللّٰهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ

131

Maksudnya: **"Keselamatan ke atas penghuni ini dari kalangan orang-orang yang beriman dan islam, kami jika dikehendaki oleh Allah pasti akan menuruti, saya memohon kepada Allah agar mengurniakan 'afiat kepada kami dan kamu semua."** (HR Muslim)

DOA MINTA HUJAN (AL-ISTISQA')

Al-Istisqa' ialah doa meminta diturunkan hujan. Perkara ini disyariatkan ketika berlakukemarau panjang dan air hujan berkurangan. Sesungguhnya dengan memperbanyakkan bertaubat dan beristighfar kepada Allah SWT merupakan sebab dimustajabkan doa, diturunkan hujan, dilimpahkan kebaikan yang banyak dan diturunkan keberkatan pada harta-benda dan anak-pinak. Allah SWT berfirman tentang Nabi Nuh yang berkata kepada kaumnya:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا (١٠) يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا
(١١) وَيُمِدِّدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا (١٢)

Maksudnya: "Sehingga Aku berkata (kepada mereka): 'Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, Sesungguhnya adalah ia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), ia akan menghantarkan hujan lebat mencurahkan, kepada kamu; Dan ia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan ia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).'" (Nuh: 10-12)

Tentang Nabi Hud yang berkata kepada kaumnya, Allah SWT berfirman:

وَيَقَوْمِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ
قُوَّةً إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مُجْرِمِينَ (٥٢)

Maksudnya: "Dan Wahai kaumku! mintalah ampun kepada Tuhan kamu, kemudian kembalilah taat kepadaNya, supaya ia menghantarkan kepada kamu hujan lebat serta menambahkan kamu kekuatan di samping kekuatan kamu Yang sedia ada; dan janganlah kamu membelakangkan seruanaku dengan terus melakukan dosa!" (Hud: 52)

Firman Allah SWT lagi:

وَأَنِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُمْ مَتَاعًا حَسَنًا إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ ۖ وَإِن تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ (٣)

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepadanya; supaya ia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) ia akan memberi kepada tiap- tiap seorang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang soleh) akan pahala kelebihannya itu; dan jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka Sesungguhnya Aku bimbang kamu akan beroleh azab hari kiamat yang besar (huru-haranya).” (Hud: 3)

1. Daripada Anas bin Malik RA katanya: “Bahawa seorang lelaki masuk ke dalam masjid pada hari Jumaat dari salah satu pintu yang menghadap mimbar, ketika itu Rasulullah SAW sedang berdiri berkhutbah, lalu lelaki tadi berdiri menghadap Rasulullah SAW dan berkata: “Wahai Rasulullah, rosak binasalah harta benda, terputuslah jalan-jalan (aktiviti harian tidak dapat dilaksanakan kerana kemarau), berdoalah kepada Allah agar Dia menurunkan hujan kepada kita.” Kata Anas: “Lalu Rasulullah SAW mengangkat tangan baginda seraya berdoa: “

وَأَنِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُمْ مَتَاعًا حَسَنًا إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ ۖ وَإِن تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Ya Allah turunkanlah hujan kepada kami, Ya Allah turunkanlah hujan kepada kami, Ya Allah turunkanlah hujan kepada kami” kata Anas lagi: “Demi Allah, kami tidak melihat sedikitpun awan berkumpul di langit, mahupun awan bertompok, tiada sedikitpun tanda akan turunnya hujan, tidak ada juga sedikit awan pun yang menghalang

penglihatan kami kepada bukit Sal'in (سَلْع) dan rumah kami." Kata Anas lagi: "Tiba-tiba kelihatan awan dari belakang bukit Sal'in berkumpul dan bergerak memenuhi langit, kemudian menurunkan hujan." Kata Anas: "Demi Allah kami tidak kelihatan matahari sehinggalah pada minggu hadapan, lelaki tersebut datang semula ke masjid dari pintu yang sama ketika Rasulullah SAW sedang berkhotbah, beliau menghadap baginda dan berkata: "Wahai Rasulullah, rosak binasalah harta benda, terputuslah jalan-jalan (disebabkan hujan tidak berhenti), mohonlah kepada Allah agar Dia menahan hujan dari terus turun." Kata Anas: "Lalu Rasulullah SAW mengangkat kedua-dua tangan baginda seraya berdoa: "

اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا اللَّهُمَّ عَلَى الْأَكَامِ وَالْجِبَالِ وَالْأَجَامِ وَالْظُرَابِ وَالْأَوْدِيَةِ
وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ

134

Maksudnya: "Ya Allah turunkan hujan di sekitar kami, jangan jadikannya membawa keburukan kepada kami, Ya Allah turunkan hujan di kawasan banjaran dan bukit-bukau, kawasan takungan air dan kawasan berpokok." Kata Anas: "Lalu hujanpun berhenti, kami keluar dan berjalan di bawah cahaya matahari." (HR al-Bukhari dan Muslim)

2. Daripada 'Aisyah RA katanya: "Orang ramai mengadu kepada Rasulullah SAW tentang kemarau, lalu baginda meminta dibawakan Mimbar, setelah mimbar diletakkan di tempat solat, maka ditetapkan suatu hari untuk orang ramai keluar padanya." Kata 'Aisyah RA lagi: "Maka Rasulullah SAW keluar ketika matahari mula terbit, seterusnya baginda berada di atas mimbar, bertakbir dan memuji Allah 'Azza wa Jalla, seterusnya berkata: "Sesungguhnya kamu semua telah mengadu kepadaku tentang kemarau, dan lamanya hujan tidak turun, sesungguhnya Allah SWT telah mengarahkan kamu semua untuk berdoa kepadaNya, Dia juga berjanji untuk memperkenankan doa kamu semua." kemudian baginda membaca:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ ﴿٢﴾ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ ﴿٤﴾
 لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ يَفْعَلُ مَا يُرِيْدُ، اَللّٰهُمَّ اَنْتَ اللّٰهُ، لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ الْغَنِيُّ، وَنَحْنُ
 الْفُقَرَاءُ، اَنْزِلْ عَلَيْنَا الْغَيْثَ، وَاجْعَلْ مَا اَنْزَلْتَ لَنَا قُوَّةً وَبَلَاغًا اِلَى حِيْنٍ

Maksudnya: **"Segala pujian adalah milik Allah tuhan sekalian alam, Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Tuhan Yang Menguasai hari pembalasan. Tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Dia melakukan apa yang dikehendakiNya, Ya Allah Dikaulah Allah, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dikau Yang Maha Kaya, sedangkan kami yang fakir, turunkan untuk kami hujan, dan jadikan apa yang Dikau turunkan itu kekuatan dan memenuhi keperluan kami."** Seterusnya baginda mengangkat dua tangan baginda dan terus mengangkatnya sehingga menzahirkan tempat putih dua ketiak baginda, kemudian baginda menghadapkan belakang baginda kepada orang ramai, dan menebalikkan selendang baginda, dalam keadaan dua tangan baginda terangkat. Setelah itu baginda mengadap semula kepada orang ramai, baginda turun dari mimbar dan menunaikan solat dua rakaat. Setelah itu Allah (SWT) mendatangkan awan beserta kilat dan guruh, lalu bercucuran hujan dengan izin Allah, baginda belum sampai ke masjid baginda melainkan air mengalir banyak, ketikamana baginda melihat pantasnyanya perubahan cuaca panas kepada sejuk, baginda SAW ketawa sehingga menampakkan geraham baginda, seraya berkata:

135

أَشْهَدُ اَنَّ اللّٰهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ، وَاَتِي عَبْدُ اللّٰهِ وَرَسُوْلُهُ

Maksudnya: **"Daku bersaksikan bahawa Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu, dan sesungguhnya daku adalah hamba Allah dan pesuruhNya."** (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Abi Daud)

3. Daripada Jabir bin Abdillah RA katanya: *"Nabi SAW mengangkat kedua tangan baginda, seraya berdoa:*

اللَّهُمَّ اسْقِنَا غَيْثًا مُغِيثًا، مَرِيئًا مُرِيئًا، نَافِعًا، غَيْرَ ضَارٍّ، عَاجِلًا غَيْرَ آجِلٍ

Maksudnya: ***"Ya Allah turunkan hujan kepada kami sebagai bantuan, baik kesudahan, banyak, mendatangkan manfaat dan tidak mendatangkan mudharat, sekarang ini tanpa dilewatkan."*** Lalu awan menyelubungi kami." (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Sunan Abi Daud)

BACAAN KETIKA HUJAN TURUN

1. Daripada 'Aisyah RA: *"Bahawa Rasulullah SAW apabila melihat hujan, baginda akan membaca:*

اللَّهُمَّ صَيِّبًا نَافِعًا

Maksudnya: ***"Ya Allah jadikanlah hujan ini hujan yang membawa manfaat."*** (HR al-Bukhari)

2. Ketika angin bertiup kencang pula hendaklah dibaca doa yang diriwayatkan dari 'Aisyah RA yang berkata:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ مَا فِيهَا وَخَيْرَ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ مَا فِيهَا وَشَرِّ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ.

Maksudnya: ***"Ya Allah! Sesungguhnya aku mohon kepadaMu kebaikan angin (ribut ini), kebaikan apa yang di dalamnya dan kebaikan tujuan angin dihembuskan. Aku berlindung kepadaMu dari kejahatan angin ini, kejahatan apa yang di dalamnya dan kejahatan tujuan angin dihembuskan."*** (HR Muslim)

3. Daripada Salamah bin al-Akwa' RA berkata: *"Apabila angin kuat bertiup, Nabi SAW akan membaca:*

اللَّهُمَّ لَا قِيَحًا لَا عَقِيمًا

Maksudnya: ***"Ya Allah jadikan ia angin yang membawa hujan bukan yang tidak membawa hujan."*** (HR al-Bukhari di dalam al-Adab al-Mufrad. Dinilai Sahih oleh al-Albani)

4. Daripada 'Abdullah bin al-Zubair RA katanya: *"Bahawa Nabi SAW apabila mendengar guruh, baginda akan berhenti berbicara dan membaca:*

سُبْحَانَ الَّذِي يُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ.

Maksudnya: *"Maha Suci Allah yang mana guruh bertasbih dengan memujiNya, begitu juga para malaikat, karena takut kepadaNya."* (HR al-Bukhari di dalam al-Adab al-Mufrad. Dinilai sahih oleh al-Albani)

DOA KETIKA MELIHAT ANAK BULAN

Di dalam sunnah Nabi SAW terdapat doa yang sunat dibaca pada setiap kali melihat anak bulan baharu. Di dalamnya mengandung permohonan kepada Allah SWT agar menjadikan bulan tersebut dipenuhi dan ditetapkan dengan anugerah, keimanan, keselamatan dan keislaman. Maka sewajarnya setiap muslim mengamalkan doa ini.

1. Daripada Tolhah RA, Nabi SAW apabila melihat anak bulan, baginda akan mengucapkan:

اللَّهُمَّ أَهْلُهُ عَلَيْنَا بِالْإِيمَانِ وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ، رَبِّي وَرَبُّكَ اللَّهُ

Maksudnya: ***“Ya Allah terbitkanlah anak bulan yang baharu ini kepada kami dengan disertai kebahagiaan, tetap di dalam iman, selamat dari semua kemudharatan dan kejahatan dan tetap di dalam Islam, tuhanku dan tuhanmu (anak bulan) adalah Allah.”*** (HR al-Tirmizi, katanya: Hadis ini *Hasan Gharib*)

2. Bertakbir apabila melihat anak bulan. Berdasarkan hadis daripada Abdullah bin ‘Umar RA yang berkata: *“Dahulunya Rasulullah SAW apabila melihat anak bulan baginda akan berkata:*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُمَّ أَهْلُهُ عَلَيْنَا بِالْأَمْنِ وَالْإِيمَانِ وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ وَالتَّوْفِيقِ لِمَا تُحِبُّ وَتَرْضَى رَبُّنَا وَرَبُّكَ اللَّهُ

Maksudnya: ***“Ya Allah yang Maha Besar, Ya Allah terbitkanlah anak bulan ini kepada kami dengan disertai keamanan, tetap di dalam iman, selamat dari semua kemudharatan dan kejahatan, tetap di dalam Islam dan mendapat taufiq berdasarkan apa yang Engkau kehendaki dan yang Engkau redhai. Tuhanku dan tuhanmu (anak bulan) adalah Allah.”*** (HR al-Darimi di dalam sunannya dan Ibn Hibban di dalam Sahihnya. Dinilai *Sahih Lighairih* oleh al-Syeikh Syu’aib al-Arna’uth)

DOA PADA MALAM AL-QADR

1. Daripada 'Aisyah RA katanya: *"Wahai Rasulullah jika daku ketahui sesuatu malam itu adalah malam al-Qadr, apakah yang wajar daku ucapkan padanya? Jawab baginda SAW: "Mintalah dengan menyebut:*

اَللّٰهُمَّ اِنَّكَ عَفُوٌّ، تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّيْ

Maksudnya: *"Ya Allah, sesungguhnya Engkau adalah Tuhan Yang Maha Pemaaf, suka kepada kemaafan, oleh yang demikian berilah kemaafan kepadaku."* (HR al- Tirmizi dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih Ibn Majah*)

BACAAN MENAIKI KENDERAAN DAN BERMUSAFIR

1. Daripada 'Ali bin Rabi'ah katanya: "Daku pernah bersama dengan 'Ali RA, dibawakan kepadanya binatang tunggangan untuk ditunggangnya, ketikamana beliau meletakkan kakinya ditempat letak kaki, beliau membaca: بِسْمِ اللَّهِ, apabila beliau telah berada di belakang tunggangannya, beliau membaca: اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, kemudian menyambung:

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ﴿١﴾ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: **"Mahasuci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang Kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya. Dan Sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, Kami akan kembali!"** (al-Zukhruf: 13-14) kemudian baginda akan membaca: Kemudian membaca: اَلْحَمْدُ لِلَّهِ **tiga kali** اَكْبَرُ **tiga kali**.

سُبْحَانَكَ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي، فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya: **"Maha suci Engkau, sesungguhnya daku telah menzalimi diriku sendiri, oleh yang demikian ampunilah daku, kerana sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa selain Dikau."** Setelah itu beliau tertawa, lalu ditanya kepada beliau: "Wahai Amir al-Mukminin, apa yang menyebabkan engkau ketawa?" Beliau menjawab: "Daku telah melihat Nabi SAW melakukan seperti apa yang aku lakukan ini, kemudian baginda juga tertawa, lalu aku bertanya kepada baginda: "Wahai Rasulullah apa yang menyebabkan tuan tertawa?" Jawab Baginda: "Sesungguhnya Tuhanmu suka daripada hambanya yang mengucapkan: "Ampunkanlah dosaku." Kerana hamba itu tahu bahawa tiada yang dapat mengampunkan dosanya melainkan Daku (Allah)." (HR Abu Daud, al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Tirmizi)

2. Daripada Abdullah bin 'Omar RA katanya: "Rasulullah SAW apabila telah berada di atas unta baginda hendak keluar bermusafir, **baginda akan** اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ kemudian membaca:

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ. وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ، اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْإِثْرَ وَالتَّقْوَىٰ، وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَىٰ، اَللّٰهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هَذَا وَاطْوِ عَنَّا بُعْدَهُ، اَللّٰهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ وَالْخَلِيقَةُ فِي الْأَهْلِ، اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ وَكَآبَةِ الْمُنْظَرِ وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ. وَإِذَا رَجَعَ قَالَهُنَّ زَادَ فِيهِنَّ: أَيُّوْنَ تَائِبُونَ غَابِدُونَ لِرَبِّنَا حَامِدُونَ.

Maksudnya: "Allah Maha Besar (3x). Maha Suci Tuhan yang menundukkan kenderaan ini untuk kami, sedang sebelumnya kami tidak mampu. Dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami (di hari Kiamat). Ya Allah! Sesungguh-nya kami memohon kebaikan dan taqwa dalam perjalanan ini, dan kami juga memohon kerja yang meridhakanMu. Ya Allah! Permudahlah perjalanan kami ini, dan dekatkan jaraknya bagi kami. Ya Allah! Engkau-lah teman dalam perjalanan ini dan yang mengurus keluarga(ku). Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari kelelahan dalam perjalanan ini, pemandangan yang menyedihkan dan perubahan yang jelek dalam harta dan keluarga." Apabila pulang, doa di atas dibaca, dan ditambah: "Kami kembali dengan bertaubat, tetap beribadah dan selalu memuji kepada Tuhan kami." (HR Muslim)

3. Daripada Anas RA, Nabi SAW apabila menghampiri Madinah, baginda membaca: أَيُّوْنَ تَائِبُونَ غَابِدُونَ لِرَبِّنَا حَامِدُونَ dan baginda berterusan membacanya sehinggalah baginda memasuki Madinah. (HR al-Bukhari dan Muslim)

4. Bertakbir ketika menaiki atau melalui tempat tinggi dan bertasbih ketika menurunnnya. Daripada Jabir bin Abdilllah RA:

كُنَّا إِذَا صَعَدْنَا كَبَّرْنَا، وَإِذَا نَزَلْنَا سَبَّحْنَا

Maksudnya: **"Kami dahulunya apabila menaiki tempat tinggi (ketika bermusafir) kami akan bertakbir, apabila menuruni tempat rendah kami bertasbih."** (HR al-Bukhari)

5. Termasuk di dalam sunnah Nabi SAW mendoakan untuk orang yang hendak bermusafir. Daripada 'Abdullah bin 'Umar RA, beliau akan berkata kepada sesiapa yang akan bermusafir: *"Marilah dekat kepadaku, aku ingin mengucapkan selamat kepadamu sepertimana dahulunya Rasulullah SAW mengucapkan selamat tinggal kepada kami, lalu dia berkata:*

أَسْتَوْدِعُ اللَّهَ دِينَكَ، وَأَمَانَتَكَ، وَخَوَاتِيمَ عَمَلِكَ

143

Maksudnya: **"Aku biarkan atau tinggalkan agamamu, keamanan dan kesudahan kerjamu kepada Allah."** (HR al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Tirmizi*)

6. Daripada Abu Hurairah RA, seorang lelaki pernah berkata: *"Wahai Rasulullah, daku akan bermusafir, tinggalkanlah nasihatilah daku."* Sabda Nabi SAW: *"Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah, dan bertakbir bagi setiap perkara yang mulia."* *ketikamana lelaki itu bergerak, baginda membaca:*

اَللّٰهُمَّ اطْوِلْهُ الْاَرْضَ، وَهَوِّنْ عَلَيْهِ السَّفَرَ

Maksudnya: **"Ya Allah dekatkan untuknya destinasiya, dan mudahkan untuknya permusafirannya."** (HR al-Tirmizi dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Tirmizi*)

7. Daripada Anas bin Malik RA katanya: “Seorang lelaki datang kepada Nabi SAW dan berkata: “Wahai Rasulullah, daku hendak bermusafir, berikan sesuatu bekalan kepadaku.” Baginda SAW menjawab: *رَزَوْدَكَ اللَّهُ التَّقْوَى* semoga Allah berikan takwa kepadamu sebagai bekalan.” Kata lelaki itu lagi: “Lagi wahai Rasulullah!” *غَفَرَ ذَنْبَكَ* semoga Allah mengampunkan dosamu.”

Kata lelaki itu lagi: “Lagi wahai Rasulullah.” Jawab baginda: *وَيَسِّرْ لَكَ الْخَيْرَ حَيْثُمَا كُنْتَ* semoga Allah memudahkan kebaikan untukmu dimana sahaja kamu berada.” (HR al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al- Tirmizi)

8. Orang yang hendak bermusafir disunatkan berdoa untuk orang yang ditinggalkannya agar berada di dalam pemeliharaan Allah SWT. Daripada Musa bin Wardan katanya: “Aku pergi menemui Abu Hurairah untuk mengucapkan selamat tinggal kepadanya, kerana aku hendak bermusafir. Kata Abu Hurairah RA: “Mahukah kamu aku ajarkan sesuatu yang telah diajarkan kepada aku oleh Rasulullah SAW untuk aku menyebutnya sebagai ucapan selamat tinggal?” Jawab beliau: “Sudah tentu.” Kata Abu Hurairah:

أَسْتَوْدِعُكُمْ اللَّهَ الَّذِي لَا تَضِيْعُ وَدَائِعُهُ

Maksudnya: “Daku tinggalkan kamu semua kepada Allah yang tidak akan menjadi sia-sia apa-apa yang ditinggalkan kepadaNya.” (HR Ibn Sunniy di dalam ‘Amal al-Yaum wa al-Lailah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Ibn Majah)

BACAAN KETIKA SINGGAH DI SESUATU TEMPAT ATAU TEMPAT YANG DITUJU TELAH KELIHATAN

1. Daripada Khaulah binti Hakim RA, katanya: "Daku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang singgah di sesuatu tempat kemudian membaca:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya: **"Aku berindung dengan kalimah Allah yang sempurna, dari setiap kejahatan makhluknya"** tidak akan mendatangkan mudharat kepadanya sesuatupun, sehinggalah dia beredar dari tempat tersebut." (HR Muslim)

2. Daripada Suhaib RA: "Bahawa Nabi SAW tidak melihat sesuatu kampung yang akan dimasukinya melainkan baginda akan membaca:

اَللّٰهُمَّ رَبَّ السَّمَاوَاتِ السَّبْعِ وَمَا اُظْلِلْنَ، وَرَبَّ الْاَرْضَيْنِ السَّبْعِ وَمَا اُقْلِلْنَ، وَرَبَّ الشَّيَاطِينِ وَمَا اُضْلِلْنَ، وَرَبَّ الرِّيَّاحِ وَمَا ذَرَيْنَ. فَاِنَا نَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذِهِ الْقَرْيَةِ وَخَيْرَ اَهْلِهَا، وَخَيْرَ مَا فِيْهَا، وَنَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ اَهْلِهَا وَشَرِّ مَا فِيْهَا.

Maksudnya: **"Ya Allah, Tuhan tujuh langit dan apa yang dinaunginya, Tuhan penguasa tujuh bumi dan apa yang ada di atasnya, Tuhan yang menguasai syaitan-syaitan dan apa yang mereka sesatkan, Tuhan yang menguasai angin dan apa yang diterbangkannya. Aku mohon kepadaMu kebaikan desa ini, kebaikan penduduknya dan apa yang ada di dalamnya. Aku berindung kepadaMu dari keburukan desa ini, keburukan penduduknya dan keburukan apa yang ada di dalamnya."** (ʿAmal al-Yaum wa al-Lailah oleh al-Nasaie. Dinilai Sahih oleh al- Albani di dalam al-Silsilah al-Sahihah)

3. Digalakkan orang yang sedang bermusafir memperbanyakkan doa untuk diri sendiri, kedua orang tua, anak-anak, keluarganya dan keseluruhan umat Islam. Ini kerana doa orang yang sedang bermusafir adalah mustajab. Daripada Abu Hurairah RA katanya: *"Rasulullah SAW bersabda: "Tiga doa yang tidak diragukan lagi mustajabnya iaitulah: Doa orang yang dizalimi, doa orang yang bermusafir dan doa orang tua untuk anaknya." (HR Abu Daud, al- Tirmizi dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam al-Silsilah al- Sahihah)*

DOA MAKAN DAN MINUM

1. Daripada 'Umar bin Abi Salamah RA katanya: *"Dahulu ketika aku masih seorang budak, duduk di dalam pangkuan Rasulullah SAW, tanganku sering merewang di tempat hidangan makanan, lalu Rasulullah SAW berkata kepadaku:*

يا غلام، سم الله، وكل بيمينك، وكل مما يليك

Maksudnya: ***"Wahai budak, sebutlah bismillah, makanlah dengan tangan kananmu, dan makanlah apa yang dekat denganmu."*** (HR al-Bukhari dan Muslim)

2. Antara kebaikan membaca *Bismillah* sebelum makan iaitulah ia mampu menjauhkan syaitan dari bersama ketika makan. Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Jabir bin 'Abdillah RA yang pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: *"Jika seseorang lelaki memasuki rumahnya, lalu dia menyebut nama Allah ketika masuk dan ketika menjamah makanannya, syaitan akan berkata: "Tiada tempat bermalam untuk kamu semua (para syaitan yang lain), dan tiada makan malam untuk kamu semua. Jika dia memasuki rumahnya tanpa menyebut nama Allah ketika masuk dan ketika menjamah makanannya, kata syaitan: "Kamu semua telah mendapati tempat bermalam, dan makanan malam."* (HR Muslim).

Selain itu ia dapat mendatangkan keberkatan berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Wahsiy bin Harb bin Wahsiy, daripada bapanya, daripada datuknya RA yang berkata: *"Para sahabat Rasulullah SAW pernah berkata: "Wahai Rasulullah, kami semua telah makan, namun kami masih tidak kenyang.?" Baginda berkata: "Barangkali kamu semua makan secara berselerak." Jawab mereka: "Ya. Begitulah." Baginda berkata: "Berkumpullah untuk makan, dan sebutlah nama Allah, dia akan mendatangkan keberkatan."* (HR Abu Daud dan Ibn Majah)

3. Jika terlupa membaca *Bismillah* sebelum makan, hendaklah membaca bacaan yang diriwayatkan daripada ‘Aisyah RA yang berkata: “Bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: “Jika seseorang dari kalian hendak makan, maka sebutlah nama Allah Ta’ala (baca Bismillah), jika dia terlupa membacanya sebelum makan, maka ketika dia teringat, bacalah:

بِسْمِ اللَّهِ، أَوَّلَهُ وَآخِرَهُ

Maksudnya: “**Dengan nama Allah, ketika awal dan akhirnya.**” (HR Abu Daud dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami’*)

4. Memuji Allah SWT setelah selesai dari makan dan minum. Daripada Anas bin Malik RA katanya: “Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah benar- benar meredhai seseorang hambaNya, apabila selesai makan, dia memuji tuhanNya, apabila selesai minum dia memuji tuhannya.” (HR Muslim)

Terdapat berbagai lafaz pujian kepada Allah untuk dibaca selepas makan dan minum, antaranya:

5. Daripada Mu’az bin Anas RA, Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang memakan sesuatu makanan, kemudian menyebut:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنِي هَذَا وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةٍ.

Maksudnya: “**Segala puji bagi Allah yang memberi makan ini kepadaku dan yang memberi rezeki kepadaku tanpa daya dan kekuatanku. Akan diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu.**” (HR Abu Daud dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al- Albani di dalam *Sahih al-Jami’*)

6. Daripada Abu Umamah RA, Bahwa Rasulullah SAW setelah diangkat hidangan (setelah makan) akan membaca:

الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ، غَيْرَ مَكْفِيٍّ وَلَا مُوَدَّعٍ وَلَا مُسْتَعْنَى عَنْهُ رَبَّنَا

Maksudnya: ***"Segala pujian bagi Allah, pujian yang banyak dan berkat padanya, tanpa memadai, tanpa ditinggalkan dan tidak memadai semua pujian ini bagiNya."*** (HR al-Bukahari)

7. Daripada 'Abdul Rahman bin Jubair menceritakan bahawa seorang lelaki yang pernah berkhidmat untuk Nabi SAW selama lapan tahun, dimana beliau pernah mendengar Rasulullah SAW apabila hendak makan, baginda akan membaca: بِسْمِ اللَّهِ, apabila selesai dari makan, baginda akan membaca:

اَللّٰهُمَّ اَطْعَمْتَ وَاَسْقَيْتَ، وَاَغْنَيْتَ وَاَقْنَيْتَ، وَهَدَيْتَ وَاَحْيَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا اَعْطَيْتَ

Maksudnya: ***"Ya Allah, Engkau telah memberi makan dan minum, Engkau telah memberi kekayaan dan kecukupan, Engkau telah memberi hidayah dan memberi kehidupan, untuk Mu segala pujian atas apa yang Engkau berikan."*** (HR Ahmad di dalam Musnad. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami')

8. Ketika berbuka puasa pula berdasarkan riwayat daripada Ibn 'Umar RA, katanya: ***"Dahulunya Rasulullah SAW apabila berbuka akan membaca:***

ذَهَبَ الظَّمَأُ، وَابْتَلَّتِ الْعُرُوْقُ وَثَبَتَ الْأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Maksudnya: ***"Telah hilang dahaga, dan basahnya tekak, dan semoga memperoleh pahala, insyaAllah."*** (HR Abu Daud. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami')

9. Disunatkan juga untuk membaca doa kepada orang yang menjamu makan. Daripada al-Miqdad RA yang berkata, Nabi SAW membaca:

اَللّٰهُمَّ اَطْعِمْ مَنْ اَطْعَمَنِيْ، وَاَسْقِ مَنْ سَقَانِيْ

Maksudnya: ***"Ya Allah berilah makan kepada orang yang memberi makan kepadaku, dan berilah minum kepada orang yang memberi minum kepadaku."*** (HR Muslim)

10. Daripada 'Abdullah bin Busr RA pula katanya: *"Rasulullah SAW singgah bertemu dengan bapaku, lalu kami hidangkan kepada baginda makanan dan Watbah (sejenis makanan). Lalu baginda memakannya. Kemudian dibawakan pula tamar, baginda memakannya, baginda meletakkan biji tamar antara dua jari baginda, jari telunjuk dan tengah (tidak meletakkan biji tamar ke dalam bekas berisi tamar), kemudian didatangkan minuman, lalu baginda meminum, kemudian baginda mengambil makanan di sebelah kanan baginda. Lalu bapaku berkata: Wahai Rasulullah doakan untuk kami, lalu baginda membaca:*

اَللّٰهُمَّ بَارِكْ لَهُمْ فِيْ مَا رَزَقْتَهُمْ، وَاغْفِرْ لَهُمْ وَاَرْحَمْهُمْ

Maksudnya: ***"Ya Allah berkatilah mereka terhadap rezeki yang Engkau berikan kepada mereka, ampunilah mereka dan rahmatilah mereka."*** (HR Muslim)

11. Daripada Anas bin Malik katanya: “Nabi SAW datang bertemu Sa’ad bin ‘Ubadah, lalu beliau menjamu roti dan minyak, dan baginda memakannya, setelah itu baginda berkata:

أَفْطَرَ عَنْدَكُمْ الصَّائِمُونَ، وَأَكَلَ طَعَامَكُمْ الْأَبْرَارُ، وَصَلَّتْ عَلَيْكُمْ الْمَلَائِكَةُ

Maksudnya: **“Telah berbuka bersama kamu semua orang-orang yang berpuasa, dan telah memakan makanan kamu semua orang-orang yang baik dan para malaikat telah mengucapkan selawat ke atas kamu semua.”** (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Abu Daud)

BERKAITAN LAFAZ SALAM

1. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda: *"Allah SWT menciptakan Nabi Adam dan memuliakannya, tingginya 60 hasta, apabila Allah menciptanya, Allah berfirman: "Pergilah dan berilah salam kepada sekumpulan para malaikat, dan dengarlah ucapan yang mereka ucapkan kepadamu, kerana ia merupakan ucapan untukmu dan untuk zuriatmu. Lalu Nabi Adam mengucapkan kepada para malaikat: أَلْسَلَامُ عَلَيْكُمْ, jawab para malaikat: اللَّهُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْكَ وَرَحْمَةُ اللَّهِ, malaikat menambah اللَّهُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ, maka setiap orang yang akan masuk ke dalam syurga adalah seperti bentuk Adam, dan sentiasalah makhluk itu berkurangan sehinggalah sekarang."* (HR al- Bukhari dan Muslim)

2. Antara perkara sunnah yang perlu diperhatikan dalam bab memberi salam, iaitulah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA yang berkata, Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: *"Orang yang berkenderaan memberi salam kepada orang yang berjalan, orang yang berjalan memberi salam kepada orang yang duduk, dan orang yang sedikit memberi salam kepada orang yang lebih ramai."* (HR al- Bukhari dan Muslim)

Dalam riwayat al-Bukhari terdapat tambahan yang menyebut: *"Orang yang muda memberi salam kepada yang lebih tua, orang yang berjalan memberi salam kepada orang yang duduk, dan orang yang sedikit memberi salam kepada orang yang lebih ramai."*

3. Imam Muslim juga ada meriwayatkan di dalam sahihnya, Nabi SAW pernah datang pada satu malam dan baginda memberi salam dalam bentuk yang tidak mengejutkan orang yang sedang tidur dan mendengarkan orang yang berjaga.

4. Disunatkan memulakan salam sebelum berkata-kata berdasarkan hadis:

مَنْ بَدَأَ بِالْكَلامِ قَبْلَ السَّلَامِ فَلَا تُجِيبُوهُ

Maksudnya: "Sesiapa yang memulakan percakapan sebelum memberi salam, maka jangan kamu menjawabnya." (HR Ibn al-Sunniy di dalam 'Amal al-Yaum wa al-Lailah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam al-Sahihah)

5. Daripada 'Imran bin Husain RA katanya:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , فَقَالَ : السَّلَامُ عَلَيْكُمْ فَرَدَّ عَلَيْهِ , ثُمَّ جَلَسَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " عَشْرٌ " , ثُمَّ جَاءَ آخَرُ فَقَالَ : السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ , فَرَدَّ عَلَيْهِ وَجَلَسَ , فَقَالَ : " عِشْرُونَ " , ثُمَّ جَاءَ آخَرُ فَقَالَ : السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ , فَرَدَّ عَلَيْهِ وَجَلَسَ فَقَالَ : " ثَلَاثُونَ "

153

Maksudnya: "Seorang lelaki datang bertemu Nabi SAW, lalu berkata: Assalamu'alaikum, baginda menjawab salam orang tersebut dan berkata: "Sepuluh." Kemudian datang orang lain pula lalu mengucapkan: "Assalamu'alaikum warahmatullah." Kemudian baginda menjawabnya dan bersabda: "Dua puluh." Kemudian datang orang lain pula lalu mengucapkan: "Assalamu'alaikum warahmatullah wa barakatuh." Baginda menjawab dan berkata: "Tiga puluh." (HR Abu Daud dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-ALbani di dalam Sahih al-Targhib)

6. Tidak perlu ditambah dengan sebarang lafaz lain dari lafaz yang diajar oleh Nabi SAW. Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Muhammad bin 'Amr bin 'Ato' katanya:

كُنْتُ جَالِسًا عِنْدَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ ، فَدَخَلَ عَلَيْهِ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْيَمَنِ ،
فَقَالَ : السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ ، ثُمَّ زَادَ شَيْئًا مَعَ ذَلِكَ أَيْضًا ،
قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ ، وَهُوَ يَوْمِئِذٍ قَدْ ذَهَبَ بَصَرُهُ : مَنْ هَذَا ؟ قَالُوا : هَذَا الْيَمَانِيُّ
الَّذِي يَغْشَاكَ ، فَعَرَفُوهُ إِيَّاهُ ، قَالَ : فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ : إِنَّ السَّلَامَ انْتَهَى إِلَى
الْبَرَكَةِ

Maksudnya: “Aku pernah duduk di sisi ‘Abdullah bin ‘Abbas, setelah itu masuk seorang lelaki dari Yaman, dan orang itu mengucapkan: “Assalamu’alaikum warahmatullah wa barakatuh.” Kemudian dia menambah sesuatu dari lafaz itu.

Kata Ibn ‘Abbas, ketika itu beliau telahpun buta: “Siapa ini?” Para sahabatnya menjawab: “Seorang Yaman.” Lalu mereka memperkenalkan orang tersebut kepada beliau. Lalu kata Ibn ‘Abbas: “Sesungguhnya lafaz salam terhenti sekadar al-Barakah.” (HR Malik di dalam al-Muwattha’)

7. Salam hendaklah diberikan kepada orang yang dikenali mahupun tidak. Daripada Al-Aswad bin Yazid katanya: “Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya termasuk di dalam tanda-tanda kiamat, jika ucapan penghormatan (salam) kepada orang yang dikenali sahaja.” (HR Ahmad di dalam al-Musnad. Dinilai sahih oleh al-Albani di dalam al-Sahihah)

BACAAN KETIKA BERSIN DAN MENGUAP

1. Daripada Abu Hurairah RA

إِنَّ اللَّهَ - تَعَالَى - يُحِبُّ الْعُطَاسَ وَيَكْرَهُ التَّثَاؤُبَ ، فَإِذَا عَطَسَ أَحَدُكُمْ فَقَالَ:
الْحَمْدُ لِلَّهِ فَحَقَّقَ عَلَى كُلِّ مَنْ سَمِعَ أَنْ يُسَمِّتَهُ يَقُولُ : يَرْحَمُكَ اللَّهُ ، وَالتَّثَاؤُبُ مِنَ
الشَّيْطَانِ فَإِذَا تَنَاءَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيُرِدِّهِ مَا اسْتَطَاعَ فَإِنْ أَحَدُكُمْ إِذَا تَنَاءَبَ فَقَالَ :
هَاهَا يَضْحَكُ مِنْهُ الشَّيْطَانُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyukai bersin dan tidak menyukai menguap. Apabila seseorang daripada kamu bersin, maka ucapkanlah **“Alhamdulillah.”** Maka bagi siapa yang mendengarnya hendaklah menjawab: **“Yarhamukallah.”** Manakala menguap itu daripada syaitan, maka apabila seseorang dari kamu semua menguap, maka hendaklah dia menahannya sedaya mungkin, kerana jika seseorang kamu menguap seraya mengeluarkan bunyi **Haaa**, syaitan akan mentertawakannya.” (HR al-Bukhari)

155

2. Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: “Menguap itu adalah dari Syaitan, apabila seseorang daripada kamu menguap, maka hendaklah dia menahannya sedaya mungkin. Jika seseorang daripada kamu menguap dan berkata: Haa!, syaitan akan mentertawakannya.” (HR al-Bukhari) Di dalam riwayat Muslim dinyatakan:

فَإِذَا تَنَاءَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَكْظِمِ مَا اسْتَطَاعَ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu menguap, maka hendaklah dia menahannya sedaya mungkin.” (HR Muslim)

Menahan dengan maksud berusaha untuk tidak menguap. Jika tidak mampu juga, berusahalah untuk tidak membuka mulut ketika

menguap, jika tidak mampu juga maka tutuplah mulut ketika menguap dengan menggunakan tangan atau lidah. Tidak wajar jika menguap dalam keadaan mulut dibiarkan terbuka, kerana membuka ruang dimasuki syaitan.

3. Daripada Abi Said al-Khudriy RA katanya: “Nabi SAW bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu menguap, maka hendaklah dia menahan mulutnya dengan tangannya, kerana (jika tidak) sesungguhnya syaitan akan memasukinya.” (HR Muslim)

Adapun membaca *أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ* ketika menguap, perbuatan ini tidak terdapat bukti dari Sunnah Nabi SAW. Namun sekiranya seseorang yang sedang menguap kemudian dia teringat menguap itu daripada syaitan lalu dia membaca *أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ*, maka perbuatan ini tidak mengapa selama mana tidak dijadikan kebiasaan atau sebagai sunnah.⁵³

156

4. Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW yang bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu bersin, maka sebutlah:

الْحَمْدُ لِلَّهِ

Maksudnya: “Segala pujian adalah milik Allah.” Saudaranya yang mendengar pula menyebut:

يَرْحَمُكَ اللَّهُ

Maksudnya: “Semoga anda dirahmati oleh Allah.” Jika saudaranya berkata demikian, maka orang yang bersin tadi jawablah dengan menyatakan:

يَهْدِيكُمُ اللَّهُ وَيُصْلِحْ بَالَكُمْ

Maksudnya: “Semoga Allah memberi hidayah dan memperbaiki urusan anda.” (HR al-Bukhari)

⁵³ Lihat *Fiqh al-Ad'iyyah wa al-Azkar* oleh al-Syeikh 'Abdul Razzaq bin 'Abdul Muhsin al-Badr.

5. Mendoakan rahmat kepada orang yang bersin disebut sebagai **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**,⁵⁴ hal ini hanya berhak untuk orang yang mengucapkan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** ketika bersin. Jika orang yang bersin tidak mengucapkan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, maka dia tidak berhak mendapat ucapan **al-Tasymit** dari orang yang mendengar. Daripada Anas bin Malik RA: *"Pernah dua orang lelaki bersin berhampiran dengan Nabi SAW. Baginda mendoakan rahmat untuk salah seorang daripada mereka dan tidak kepada seorang lagi. Lalu orang yang tidak didoakan rahmat untuknya oleh Nabi SAW bertanya: "Orang itu bersin, lalu tuan mendoakan rahmat untuknya, namun ketika saya bersin, tuan tidak mendoakan rahmat untuk saya." Jawab Nabi SAW: "Demikian itu kerana orang tersebut menyebut اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, ketika dia bersin, sebaliknya kamu tidak menyebutnya." (HR al-Bukhari dan Muslim)*
6. Daripada Abu Musa al-'Asy'ariy katanya: *"Saya pernah mendengar Nabi SAW bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu bersin, kemudian dia mengucapkan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, maka ucapkanlah al-Tasymit kepadanya, jika dia tidak mengucapkan: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, maka kamu semua tidak perlu mengucapkan al-Tasymit kepadanya." (HR Muslim)*
7. **Al-Tasymit** disyariatkan sebanyak tiga kali sahaja. Daripada Salamah bin al-Akwa' RA, bahawa Nabi SAW mendengar seorang lelaki bersin berhampiran baginda. Lalu baginda mengucapkan: **يَرْحَمُكَ اللهُ**, kemudian orang itu terus bersin. Lalu baginda berkata tentangnya: *"Lelaki ini selsema."* (HR Muslim). Berdasarkan riwayat al-Tirmizi dinyatakan: *"Kemudian lelaki itu bersin kali kedua dan ketiga. Lalu Rasulullah SAW bersabda tentangnya: "Lelaki ini selsema." (HR al-Tirmizi)*
8. Termasuk di dalam sunnah bersin iaitulah memperlahankan suara bersin agar tidak mengejutkan orang lain. Daripada Abu Hurairah RA katanya: *"Dahulunya Nabi SAW, apabila bersin akan meletakkan tangan*

⁵⁴ اَلتَّشْمِيْتُ ialah doa dikurniakan kebaikan, dikatakan juga ia bermaksud doa dikurniakan ketetapan dan keteguhan dalam melaksanakan ketaatan. Dikatakan juga ia merupakan doa supaya dijauhkan dari sesuatu yang menjadi sebab ditertawakan.

atau baju baginda ke atas mulut baginda, bertujuan merendah atau menahan suara.” (HR Abu Daud di dalam Sunannya. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami*)

9. Bacaan jawab-balas ketika bersin berdasarkan sunnah adalah seperti berikut:

ORANG YANG BERSIN mengucapkan:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ اَوْ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ

Maksudnya: **“Segala pujian bagi Allah dalam setiap keadaan.”**⁵⁵

YANG MENDENGAR mengucapkan: يَرْحَمَكَ اللهُ

158

ORANG YANG BERSIN mengucapkan pula kepada orang yang mendengar: اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَتُوبُ اِلَيْكَ وَ اَسْتَغْفِرُكَ , boleh juga mengucapkan: يَرْحَمْنَا اللهُ وَ اِيَّاكَ وَ يَغْفِرْ لَنَا وَ لَكُمْ , mafhumnya: **“Semoga Allah merahmati dan mengampuni kami dan kamu.”** (HR Imam Malik di dalam *al-Muwatha*’, daripada Nafi’, daripada Ibn ‘Umar RA)

Tidak perlu ditambah sebarang bacaan lain yang tidak diajar oleh Nabi SAW. Pernah satu ketika seorang lelaki bersin berhampiran dengan Ibn ‘Umar RA. Lalu orang itu berkata: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللّٰهِ . Ibn ‘Umar berkata: **“Adapun aku, jika bersin akan mengucapkan: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** sahaja, adapun ucapan: اَلسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللّٰهِ **”** bukanlah seperti ini yang diajarkan kepada kami oleh Rasulullah SAW, namun baginda ada mengajarkan untuk diucapkan: اَلسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللّٰهِ . (HR al-Tirmizi di dalam *Sunannya*. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Tirmizi*)

⁵⁵ Thabit dari hadis riwayat Abu Daud di dalam Sunannya

BACAAN SEMPENA PERKAHWINAN

1. Daripada 'Abdullah bin Mas'ud RA katanya: "Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada kami *Khutbah al-Hajah*:

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، مَنْ
يَهْدِهِ اللَّهُ، فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿٥٦﴾

159

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۚ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٥٧﴾
يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٥٨﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ
لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٥٨﴾

⁵⁶ Al-Nisa: 1

⁵⁷ Ali Imran: 102

⁵⁸ Al-Ahzab: 70-71. HR Abu Daud dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam kitabnya *Khutbah al-Hajah*.

UCAPAN TAHNIAH KEPADA PENGANTIN

1. Daripada Anas bin Malik RA, bahawa Nabi SAW melihat kesan warna kuning pada 'Abdul Rahman bin 'Auf, lalu baginda bertanya: "Kesan apa ini?" Beliau menjawab: "Wahai Rasulullah, saya baharu berkahwin dengan seorang wanita dengan timbangan Nawah⁵⁹ seberat emas." Baginda bersabda:

فَبَارَكَ اللَّهُ لَكَ

Maksudnya: "**Semoga Allah memberi berkat kepadamu. Adakan kenduri walimah sekalipun dengan seekor kambing.**" (HR al-Bukhari dan Muslim)

2. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW apabila mengucapkan tahniah kepada pengantin baginda mengucapkan:

بَارَكَ اللَّهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ

Maksudnya: "**Semoga Allah memberkati perkahwinan anda, memberikan lagi keberkatan kepada anda, dan menghimpunkan kamu berdua di dalam kebaikan.**" (HR Abu Daud dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami')

⁵⁹ Timbangan Nawah وزن نواة iaitulah pada kadar lima dirham emas berdasarkan kebanyakan ulama. Ada juga pandangan yang lain. Sila lihat Syarh Sahih Muslim oleh al-Nawawi.

DOA SUAMI KEPADA ISTERI PADA MALAM PERKAHWINAN

1. Daripada 'Amr bin Syu'aib, daripada bapanya dan daripada datuknya RA. Daripada Nabi SAW yang bersabda: *"Apabila seseorang daripada kamu berkahwin dengan seorang wanita atau membeli seorang khadam, maka hendaklah dia membaca:*

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ.

Maksudnya: *"Ya Allah! Sesungguhnya aku mohon kepadaMu kebbaikannya dan kebaikan apa yang telah Engkau ciptakan dalam wataknya. Dan aku mohon perlindungan kepadaMu dari kejelekannya dan kejelekan apa yang telah Engkau ciptakan dalam wataknya. Jika membeli unta (kenderaan), maka peganglah bahagian atas bonggolnya, dan bacalah bacaan yang sama."* (HR Abu Daud dan Ibn Majah. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam Sahih Ibn Majah)

BACAAN JIKA HENDAK BERSAMA

1. Daripada 'Abdullah bin 'Abbas RA katanya, Rasulullah SAW bersabda:
"Sekiranya seseorang dari kamu hendak bersama dengan isterinya, maka bacalah:

بِسْمِ اللَّهِ، أَللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ، وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا

Maksudnya: ***"Dengan Nama Allah, Ya Allah! Jauhkanlah kami dari syaitan, dan jauhkanlah syaitan untuk mengganggu apa yang Engkau rezekikan kepada kami. Jika ditakdirkan mereka memperoleh anak dalam hubungan tersebut, syaitan tidak akan dapat mendatangkan mudharat selama-lamanya."*** (HR al- Bukhari dan Muslim)

DOA PERLINDUNGAN UNTUK ANAK-ANAK

1. Daripada Ibn 'Abbas RA, katanya: "Dahulunya Nabi SAW membacakan perlindungan kepada al-Hasan dan al-Husain, baginda bersabda: "Sesungguhnya datuk kamu berdua (Nabi Ibrahim) dahulunya membacakan perlindungan untuk Ismail dan Ishak dengan:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ ، مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَةٍ

Maksudnya: "Daku memohon perlindungan dengan kalimah Allah yang sempurna, dari setiap syaitan dan binatang berbisa, dan dari setiap pandangan yang jahat." (HR al-Bukhari)

BACAAN KETIKA MARAH

1. Daripada Sulaiman bin Surad RA katanya: *"Pernah dua orang lelaki saling maki-memaki sesama mereka berhampiran Nabi SAW, ketika itu kami pula sedang duduk bersama baginda. Salah seorang daripada dua lelaki tadi memaki kawannya dengan begitu marah sehingga merah mukanya. Nabi SAW bersabda: "Aku mengetahui tentang satu ungkapan, jika orang yang marah itu mengungkapkannya, akan hilang marah yang ada padanya (iaitulah)*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksudnya: ***"Daku berlindung kepada Allah dari syaitan yang direjam."***
Lalu para sahabat berkata kepada orang lelaki yang sedang marah tadi: *"Tidakkah kamu dengar apa yang dikatakan oleh Nabi SAW?" Jawab lelaki itu: "Sesungguhnya aku bukan orang gila."* (HR al-Bukhari dan Muslim)

164

Selain itu Nabi SAW menganjurkan beberapa tindakan untuk dilakukan ketika marah. Antaranya:

2. Daripada 'Abdullah bin 'Abbas RA, Nabi SAW bersabda: *"Apabila seseorang daripada kamu marah, maka hendaklah dia diam."* Baginda mengulanginya sebanyak tiga kali.
3. Daripada Abu Zarr RA, Nabi SAW bersabda: *"Apabila seseorang daripada kamu marah ketika dia sedang berdiri, maka hendaklah dia duduk jika boleh menghilangkan marahnya, jika tidak hendaklah dia berbaring."* (HR Abu Daud dan Ahmad. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami*)

Semua anjuran yang diberikan oleh Nabi SAW ini merupakan usaha menjauhi diri dari bertindak ketika marah. Oleh yang demikian setiap sesuatu yang dapat menjauhkan kita dari bertindak ketika marah hendaklah diusahakan agar kita terselamat dari penguasaan syaitan.

DOA-DOA YANG BERBAGAI

- **Ketika memakai pakaian baru.** Daripada Abu Said al-Khudri RA katanya: *"Dahulunya Rasulullah SAW apabila mendapat pakaian baharu, baginda akan membaca:*

اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ، اَنْتَ كَسَوْتَنِيْهِ، اَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِهِ وَخَيْرِ مَا صُنِعَ لَهُ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِ وَشَرِّ مَا صُنِعَ لَهُ.

Maksudnya: **"Ya Allah, hanya milikMu segala pujian, Engkaulah yang telah mengenakan pakaian ini kepadaku. Aku mohon kepadaMu untuk memperolehi kebbaikannya dan kebaikan yang dibuat untuknya⁶⁰. Aku berlingung denganMu dari kejahatannya dan kejahatan yang dibuat untuknya⁶¹".** (HR Abu Daud dan Al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami')

- Daripada Abu Nadhrah katanya: *"Dahulunya para sahabat Nabi SAW, apabila salah seorang daripada mereka memakai pakaian baharu, dikatakan kepadanya:*

تُبْلِي وَيُخْلِفُ اللهُ تَعَالَى

Maksudnya: **"Semoga dapat digunakan sehingga lusuh, lalu diganti oleh Allah."** (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Abi Daud)

- **Ucapan kepada orang yang berbuat baik kepada kita.** Daripada Usamah bin Zaid RA katanya, Rasulullah SAW bersabda: *"Sesiapa dibuat baik kepadanya, maka hendaklah dia ucapkan kepada si pelakunya:*

جَزَاكَ اللهُ خَيْرًا

⁶⁰ Kebaikan terbesar dari baju iaitulah bertujuan menutup aurat dan memperelokkan penampilan dan pandangan.

⁶¹ Kejahatan terbesar baju ialah memakaikan bertujuan riak, takabbur dan meninggi diri terhadap orang lain.

Maksudnya: *"Semoga Allah membalas kebaikan kepadamu. Maka dia telah bersungguh-sungguh dalam membalas kebaikan orang"* (HR al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami)

- **Doa ketika buah mula berputik.** Daripada Abu Hurairah RA katanya: *"Dahulunya umat Islam apabila pohon-pohon mula berbuah, mereka membawa buah-buah pertama tersebut kepada Nabi SAW, apabila baginda mengambil buah-buah tersebut baginda membaca:*

اَللّٰهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي ثَمَرِنَا، وَبَارِكْ لَنَا فِي مَدِيْنَتِنَا، وَبَارِكْ لَنَا فِي صَاعِنَا، وَبَارِكْ لَنَا فِي
مُدِنَا، اَللّٰهُمَّ اِنَّ اِبْرَاهِيْمَ عَبْدُكَ وَخَلِيْلُكَ وَنَبِيُّكَ، وَاِنِّي عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ، وَاِنَّهُ دَعَاكَ
لِمَكَّةَ، وَاِنِّي اَدْعُوْكَ لِلْمَدِيْنَةِ بِمِثْلِ مَا دَعَاكَ لِمَكَّةَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ

Maksudnya: *"Ya Allah berkatilah untuk kami buah-buahan kami, Madinah kami, timbangan So' dan Mud kami. Ya Allah sesungguhnya Ibrahim adalah hambaMu, kekasihMu dan NabiMu, dan daku juga seorang hamba dan nabiMu. Sesungguhnya beliau (Ibrahim) telah memohon kepadaMu untuk Mekah, maka daku pula memohon kepadaMu untuk Madinah, sama seperti permohonan Ibrahim kepadaMu untuk Mekah. Kata Abu Hurairah: "Kemudian baginda meminta didatangkan seorang budak kecil, lalu baginda memberikan buah tadi kepada budak tersebut."* (HR Muslim)

- **Ucapan ketika melihat sesuatu yang menakjubkan.** Daripada Sahl bin Hunaif, daripada Nabi SAW yang bersabda: *"Jika seseorang daripada kamu melihat sesuatu yang menakjubkan pada dirinya, hartanya, maka hendaklah dia memohon berkat kepada perkara tersebut, kerana sesungguhnya al-'Ain itu adalah suatu yang benar."* (HR Ahmad. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami')

Daripada Abu Sa'id al-Khudriy RA katanya: *"Dahulunya Rasulullah SAW berlindung daripada kejahatan Jin dan 'Ain manusia, sehinggalah turunnya dua surah perlindungan (surah al-Nas dan al-Falaq). Apabila dua surah tersebut turun, baginda akan menggunakan dua surah tersebut dan meninggalkan selain darinya."* (HR al-Tirmizi dan Ibn Majah. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami')

- **Doa ketika melihat seseorang yang terkena musibah terhadap agama⁶² dan dirinya⁶³.** Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: *"Sesiapa yang melihat seseorang diuji, maka ucapkanlah:*

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَافَانِي مِمَّا ابْتَلَاكَ بِهِ وَفَضَّلَنِي عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقَ تَفْضِيلًا

Maksudnya: *"Segala pujian milik Allah yang telah menyelamatkan daku dari terkena apa yang menimpamu, dan melebihi daku ke atas ramai yang menerima kelebihan. Tidak akan menimpa dia bala tersebut."* (HR al-Tirmizi. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami')

167

- **Bacaan ketika memasuki pasar.** Daripada 'Umar bin al-Khattab RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Sesiapa yang memasuki pasar lalu membaca:*

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْيِي وَيُمِيتُ، وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ، بِيَدِهِ الْخَيْرُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: *"Tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Allah tiada sekutu bagiNya, untukNya segala pemilikan, Yang Menghidup dan Yang Mematikan, Dialah yang Maha Hidup dan tidak mati, di tanganNya segala kebaikan, Dia Maha Berkuasa atas setiap sesuatu. Allah akan*

⁶² Dengan sering melakukan kezaliman, bid'ah, maksiat, kefasikan dan seumpamanya.

⁶³ Sebarang musibah yang terkena pada badan seperti kecacatan disebabkan kemalangan dan seumpamanya.

catitkan untuknya beribu-ribu kebaikan, dan menghapuskan darinya beribu-ribu keburukan, dan meningkatkan beribu-ribu darjat” (HR al-Tirmizi dan Ibn Majah. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami’)

KAFFARAH MAJLIS

Sesuatu majlis yang tiada unsur-unsur mengingati Allah di dalamnya adalah majlis yang dipenuhi dengan perkara sia-sia dan batil, ia berkesudahan dengan membawa penyesalan kepada pelakunya sama ada di dunia mahupun akhirat. Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

ما من قوم يقومون من مجلس لا يذكرون الله فيه، إلا قاموا عن مثل
جيفة حمار، وكان لهم حسرة

"Tiada satu kaum yang bangun baru selesai dari satu majlis yang di dalamnya tiada unsur mengingati Allah, melainkan seumpama mereka bangun dari majlis yang dipenuhi bangkai keldai. Untuk mereka semua kerugian." (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Jami')

169

Oleh yang demikian dianjurkan membaca Kaffarah Majlis di penghujung majlis sebagai mengingati dan memohon keampunan dari Allah SWT.

1. Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW yang bersabda:
"Sesiapa yang berada dalam satu majlis, banyak di dalamnya suara riuh rendah, lalu dia ucapkan sebelum dia meninggalkan majlis tersebut:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

Maksudnya: ***"Maha suci Engkau ya Allah dan dengan segala pujian untukMu, daku bersaksikan tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Dikau, daku memohon keampunanMu dan daku bertaubat kepadaMu. Melainkan akan diampunkan untuknya apa-apa yang ada di dalam majlis tersebut."*** (HR Abu Daud dan al-Tirmizi. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Targhib)

2. Daripada 'Abdullah bin 'Umar RA katanya: "Dahulunya amat jarang sekali Rasulullah SAW bangun dari sesuatu majlis, melainkan baginda akan membaca terlebih dahulu kalimah-kalimah doa ini untuk para sahabat:

اللَّهُمَّ اقْسِمْ لَنَا مِنْ خَشْيَتِكَ مَا يَحُولُ بَيْنَنَا وَبَيْنَ مَعَاصِيكَ، وَمِنْ طَاعَتِكَ مَا تُبَلِّغُنَا بِهِ جَنَّاتِكَ، وَمِنْ الْيَقِينِ مَا تُمْوِنُ بِهِ عَلَيْنَا مُصِيبَاتِ الدُّنْيَا، وَمَتِّعْنَا بِأَسْمَاعِنَا وَأَبْصَارِنَا وَقُوتِنَا مَا أَحْيَيْتَنَا، وَاجْعَلْهُ الْوَارِثَ مِنَّا، وَاجْعَلْ ثَأْرَنَا عَلَى مَنْ ظَلَمَنَا، وَانصُرْنَا عَلَى مَنْ عَادَانَا، وَلَا تَجْعَلْ مُصِيبَتَنَا فِي دِينِنَا، وَلَا تَجْعَلِ الدُّنْيَا أَكْبَرَ هَمِّنَا، وَلَا مَبْلَغَ عِلْمِنَا، وَلَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا مَنْ لَا يَرْحَمُنَا

Maksudnya: "Ya Allah kurniakanlah kepada kami bahagian rasa takut⁶⁴ kepadaMu yang dapat menghalang antara kami dengan berbuat maksiat kepadaMu, dan ketaatan yang menyampaikan kami sehingga ke syurgaMu, dan keyakinan yang menjadikan kami merasa ringan dengan musibah- musibah dunia, dan jadikanlah kami dapat menikmati pendengaran, penglihatan dan kekuatan kami selama kami masih hidup, jadikanlah semua itu kekal hingga kami mati. Kenakanlah balasan kami hanya ke atas orang yang menzalimi kami, dan tolonglah kami terhadap sesiapa yang memusuhi kami, dan jangan Engkau (Ya Allah) jadikan musibah pada agama kami, dan jangan pula Engkau jadikan dunia itu perkara yang lebih besar dalam tujuan kami, dan jangan juga hanya dunia itu sahaja yang kami ketahui, dan jangan Engkau jadikan sesiapa yang tidak mengasihi kami menguasai ke atas kami." (HR al-Tirmizi. Dinilai Hasan oleh al-Albani di dalam *Sahih al-Jami'*)

⁶⁴ Iaitulah rasa takut yang disertai dengan rasa keagungan terhadap Allah SWT yang dapat menghalang dari melakukan maksiat dan dosa. Sepatutnya apabila berlaku pertambahan ilmu maka akan bertambah rasa takut kepada Allah SWT.

PENUTUP

Pengamalan yang berterusan terhadap doa dan zikir dari Nabi SAW mengandungi kebaikan yang banyak dan kenikmatan yang mencurahkan di dunia dan di akhirat. Terutamanya jika pengamalan tersebut disertai dengan pemerhatian mendalam kepada maksudnya, menghayati kandungannya dan merealisasikan tuntutananya. Kerana itu saya usahakan apa yang termampu untuk memberi huraian kepada ungkapan-ungkapan doa yang disenaraikan di dalam buku ini.

